


**Jilid I
Bil. 80**



**Hari Isnin
8hb Disember, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KEEMPAT
*Fourth Parliament***

**PENGGAL PERTAMA
*First Session***

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8757]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Jadual—

Kepala B. 25 [Ruangan 8771]

Kepala B. 26, B. 27, B. 28, B. 29 dan B. 30 [Ruangan 8806]

Kepala B. 31 [Ruangan 8838]

Kepala B. 32 [Ruangan 8862]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Kepala P. 25 [Ruangan 8771]

Kepala P. 26, P. 29 dan P. 67 [Ruangan 8806]

Kepala P. 31 [Ruangan 8838]

Kepala P. 32 [Ruangan 8862]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 8770]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 8hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEFONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.I.K. (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENCKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- ” DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG MEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

- „ TENGKU ZAJID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMAD ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K., (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K., (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. Bakar, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN LISAN

1. **Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang mengeluarkan suatu arahan kepada semua Menteri-menteri memberikan jawapan-jawapan bertulis kepada soalan-soalan lisan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen di dalam satu-satu mesyuarat Parlimen dengan segera iaitu pada hari mesyuarat yang berikutnya sekiranya soalan-soalan mereka tidak dapat dijawab secara lisan oleh kerana kesuntukan masa, dan dengan berbuat demikian Ahli-ahli ini tidak payah menunggu berbulan-bulan lamanya bagi mendapat jawapan kepada soalan-soalan mereka dalam Penyata Rasmi Parlimen.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat dijawab secara lisan di dalam waktu pertanyaan adalah dimasukkan dalam Penyata Rasmi Parlimen mengikut Peraturan Mesyuarat 24 (6). Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah meminta salinan jawapan-jawapan bertulis itu daripada Setiausaha Dewan Rakyat.

RANCANGAN BUKU HIJAU

2. **Tuan Oh Keng Seng** minta Perdana Menteri menyatakan apa rancangan yang beliau ada di bawah Rancangan Buku Hijau untuk menggunakan 2 juta ekar tanah pertanian di negara ini untuk lain-lain rancangan bagi mengatasi masalah kekurangan makanan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ada dua aspek yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Berkenaan dengan aspek yang pertama, saya ingin menjelaskan lagi ucapan saya pada masa melancarkan Rancangan Buku Hijau dahulu iaitu tanah yang 2 juta ekar tersebut ialah tanah yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan kepada rakyat

atau alienated land tetapi tidak dijayakan dengan sepenuhnya, terutama di sekeliling kawasan rumah. Tanah yang berkenaan itu adalah hakmilik rakyat dan di bawah Rancangan Buku Hijau kita menggalakkan mereka menggunakan tanah itu dengan sepenuhnya. Ini boleh diusahakan secara tanaman jangka pendek, projek ternakan dan lain-lain yang dapat membantu pengeluaran bahan-bahan makanan untuk kegunaan sendiri ataupun untuk dipasarkan.

Kerajaan berpendapat tidaklah perlu diadakan rancangan-rancangan khas yang lain kerana Rancangan Buku Hijau itu sudah memadai bagi mengatasi masalah kekurangan makanan sekiranya rakyat menyambut rancangan ini dengan sepenuhnya.

MENCARIGALI DAN MELOMBONG PETROLIAM

3. **Tuan Hashim bin Ghazali** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan dan kemajuan terakhir dalam usaha mencarigali dan melombong petroliam di dasar laut negeri Trengganu terutamanya:

- (a) jangkamasa pengeluaran minyak sepenuhnya;
- (b) masaalah penarikan diri Syarikat Exxon; dan
- (c) rancangan penubuhan kilang-kilang berasaskan petroliam di Trengganu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Seperti dimaklumkan, minyak di dasar laut Trengganu hanya dijumpai dalam tahun 1974 dan pada lazimnya akan mengambil masa lebih kurang empat (4) tahun sebelum pengeluaran secara besar-besaran atau commercial production dapat dimulakan dari kawasan itu. Perkara ini juga bergantung kepada bilakah persetujuan dapat dicapai di antara Exxon dengan PETRONAS mengenai pengeluaran minyak di kawasan itu. Pada masa ini PETRONAS sedang merangka perjanjian perkongsian atau production-sharing agreement untuk dirundingkan oleh kedua pihak dan dipersetujui bagi pengeluaran minyak itu.

(b) Perlu juga saya terangkan syarikat Exxon sebenarnya tidak keluar dari Trengganu, tetapi memberhentikan usaha mencarigali buat sementara waktu

sambil menunggu perjanjian perkongsian (Production Sharing Contract) yang saya katakan tadi.

- (c) Untuk masa hadapan PETRONAS akan menyediakan satu Pelan Induk mengandungi beberapa projek yang berasaskan petroliam termasuk juga kilang Penapis Minyak. Keputusan muktamad hanya boleh ditentukan apabila Pelan Induk itu siap kelak.

AHLI-AHLI PARLIMEN—KELAS SATU KAPALTERBANG

4. **Tuan James Stephen Tibok** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada memandangkan bahawa Ahli-ahli Dewan Rakyat diberi tempat kelas satu di Hospital dan Keretapi tetapi tidak di dalam Kapalterbang, ini akan mendatangkan pandangan ganjil di kalangan orang-orang luar negeri terhadap negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar Ahli-ahli Dewan Rakyat dihendaki menggunakan kelas ekonomi apabila membuat perjalanan di dalam negeri. Kita maklum, Parlimen mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk perjalanan Ahli-ahli dan sebagai satu langkah menjimatkan perbelanjaan, saya percaya peraturan ini tidak seharusnya menimbulkan pandangan ganjil di kalangan orang-orang luar terhadap negara kita.

Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Parlimen yang menyertai rombongan rasmi Kerajaan dibenarkan menaiki kelas satu apabila pergi ke luar negeri kerana Ahli-ahli Yang Berhormat difikirkan patut duduk dengan selesa memandangkan perjalanan itu jauh dan mengambil masa yang lama. Tambahan pula upacara sambutan rasmi yang biasa diadakan di lapangan terbang negara-negara yang dilawati itu.

HARI JUMAAT KELEPASAN AM—MENGISYTIHARKAN

5. **Tuan Mohd. Zahari bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan mengisytiharkan Hari Jumaat sebagai Hari Kelepasan "AM" sesuai dengan Islam sebagai Ugama Rasmi Negara; dan

- (b) samada berikutan dengan pengisytiharan itu segala rupa pertunjukan yang diadakan di seluruh negara pada malam hari Jumaat akan dihapuskan bagi menghormati Hari Besar Islam itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua saya telahpun menjawab soalan yang serupa pada 29hb Oktober, 1975 dan 1hb Disember, 1975. Oleh itu, soalan Ahli Yang Berhormat mengenai (b) tidaklah timbul lagi.

KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI

6. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) nama kawasan-kawasan industri di seluruh negara;
- (b) nama pengusaha-pengusaha bumiputra di dalam tiap-tiap kawasan tersebut; dan
- (c) berapa banyak lagi peruntukan bumiputra di dalam tiap-tiap kawasan tersebut yang belum diusahakan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut banci ke atas kawasan-kawasan perindustrian yang terakhir dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) pada bulan Julai, 1975 menunjukkan terdapat 56 kawasan perindustrian yang telah dimajukan di seluruh negara.
- (b) Kementerian saya telah meluluskan lebih dari 170 projek-projek Bumiputra. Mengenai kawasan-kawasan industri dan nama pengusaha-pengusaha Bumiputra di dalam kawasan-kawasan tersebut saya bercadang memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis kerana senarainya terlampau panjang.
- (c) Pada umumnya tidak ada peruntukan yang dikhaskan untuk Bumiputra tetapi tidak juga ada sekatan untuk Bumiputra mengusahakan projek-projek perindustrian di kawasan-kawasan tersebut.

KES ROMPAKAN WANG GAJI

7. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kes-kes rompakkan wang gaji

yang melibatkan lebih dari \$10,000 dalam masa lima tahun yang lalu di Semenanjung Malaysia dan nyatakan jumlah wang yang sebenar terlibat. Berapa banyak kes-kes yang telah diselesaikan dan nyatakan samada terdapat sebarang bukti yang menunjukkan bahawa wang-wang tersebut telah disalurkan untuk kegunaan membiayai aktiviti-aktiviti kominis di Malaysia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) sebanyak 25 kes rompakan wang gaji telah berlaku di Semenanjung Malaysia dalam masa 5 tahun dari 1-1-71 sehingga 30-9-75. Tiap-tiap satu kes melibatkan wang gaji lebih dari \$10,000 yang menjadikan semua berjumlah \$639,876.81;
- (b) 7 dari jumlah 25 kes rompakan wang gaji tersebut telah diselesaikan dan penjenayah-penjenayah yang terlibat telah dihukum oleh Mahkamah;
- (c) penyiasatan yang dijalankan tidak menunjukkan wang rompakan itu digunakan untuk membiayai aktiviti kominis di Malaysia.

BEKALAN LETRIK DI KEDAH

8. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan bilakah beliau bercadang hendak melaksanakan rancangan-rancangan mengadakan letrik di kawasan-kawasan luar bandar di Negeri Kedah walaupun ini telah dijanjikan beberapa waktu yang lampau dan nyatakan sebab-sebab kelewatan ini.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, daripada soalan ini boleh difahamkan bahawa Kerajaan tidak membuat langsung rancangan-rancangan bekalan letrik di luar bandar di Negeri Kedah.

Sebenarnya, rancangan-rancangan bekalan letrik luar bandar di Negeri Kedah telahpun dijalankan sejak perancangan Rancangan Pembangunan Lima Tahun pertama dan kedua oleh Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dan Lembaga Letrik Negara.

Bagi tahun 1971 hingga tahun 1973 oleh kerana keadaan kesempitan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Kedah maka Kerajaan Persekutuan telah membantu dengan menyumbang sebanyak 2/3 dari jumlah belanja projek-projek yang diadakan di Negeri Kedah dan yang baki sebanyak 1/3 lagi dibiayai oleh Lembaga Letrik Negara. Walau bagaimanapun, bagi tahun-tahun 1974 dan 1975 Kerajaan Negeri Kedah telah bersetuju menyumbang 1/3 dari jumlah belanja, 1/3 ditemui oleh Kerajaan Persekutuan dan baki 1/3 lagi itu diadakan oleh Lembaga Letrik Negara.

Bagi maklumat Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kedua sahaja beberapa projek untuk pembekalan letrik di kawasan-kawasan luar bandar dalam Negeri Kedah telahpun diluluskan dan bilangan dan kemajuan projek-projek itu adalah seperti yang saya nyatakan di bawah ini:

KEMAJUAN PROJEK-PROJEK

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan projek diluluskan</i>	<i>Belum dilaksanakan</i>	<i>Dalam pelaksanaan</i>	<i>Telah siap</i>	<i>Bilangan keluarga yang mendapatkan faedah</i>
1971	15	—	—	15	1,319
1972	19	—	5	14	2,386
1973	11	—	6	5	1,411
1974	14	1	10	3	2,766
1975	23	13	10	—	3,913
Jumlah ...	82	14	31	37	11,795

Saya sedar bahawa ada di antara projek-projek itu telah tergendala disebabkan oleh beberapa faktor. Sayugia diingat kelambatan semacam ini bukan sahaja berlaku di Negeri Kedah sahaja bahkan di negeri-negeri yang lain.

Sebab-sebab kelambatan adalah di antaranya seperti berikut:

- (1) Kekurangan dan ketiadaan bahan-bahan pada penghujung tahun 1973 hingga ke pertengahan tahun 1974 telah menggendalakan kerja-kerja pembinaan selama kira-kira lapan bulan. Keadaan pembekalan bahan-bahan kepada L.L.N. adalah mencukupi sekarang dan keutamaan diberi untuk menyiapkan projek-projek yang tergendala bagi tahun 1973 dan 1974.
- (2) Kesulitan rumit yang telah dialami adalah berkenaan tanah seperti memperolehi tapak-tapak tanah untuk pencawang-pencawang dan stesyen-stesyen penjanaan luar bandar dan juga kebenaran izinlalu untuk saluran-saluran voltan rendah. Penyelesaian berkenaan dengan soal tanah memakan masa yang panjang.
- (3) Kebenaran untuk potong-memotong pokok bagi saluran voltan rendah sukar diperolehi dari penduduk-penduduk yang terlibat dan penyelesaian masalah ini juga memakan masa yang panjang.

RUMAH MURAH DI KEDAH

9. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan bilakah beliau akan mulai melancarkan rumah-rumah murah di bandar-bandar dan di luar bandar dalam Negeri Kedah memandangkan terlalu kurang rumah-rumah murah di Kedah.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua, rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah telah diluluskan dan dilaksanakan di bandar-bandar dan juga di luar bandar di Negeri Kedah seperti berikut:

<i>Nama Sekim</i>	<i>Jenis</i>	<i>Unit</i>	<i>Kos</i>
1. Seberang Terus ...	8 blok 5 tingkat rumah pangsa	480	\$ 3,840,000
2. Alor Malai ...	3 blok 5 tingkat rumah pangsa	180	1,440,000
3. Simpang Kuala 1 ...	1 blok 15 tingkat rumah pangsa 1 blok 5 tingkat rumah pangsa	} 420	3,320,000
4. Kuala Nerang ...	Rumah Kayu		
5. Bandar Baru ...	Rumah Kayu	35	235,000
6. Yen ...	Rumah Kayu	34	230,000
7. Sg. Layar, Sg. Petani	Rumah Teres	300	2,400,000
Jumlah ...		1,481	\$11,660,000

Setakat ini 338 yunit rumah kos rendah telah disiapkan di Negeri Kedah di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Di samping itu, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah mengemukakan cadangan-cadangan tertentu untuk melaksanakan lebih banyak lagi rancangan-rancangan perumahan kos rendah di bandar-bandar dan di luar bandar dalam Negeri Kedah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh kerana projek-projek di bawah Rancangan Malaysia yang Ketiga sedang dipertimbangkan maka saya belum dapat menentukan bilangan projek-projek yang akan dijalankan di Negeri Kedah dalam tempoh yang berkenaan.

PERBADANAN-PERBADANAN AWAM—PERTOLONGAN KEPADA BUMIPUTRA

10. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Penyelaras Perbadanan Awam adakah beliau sedar bahawa sebilangan kecil Bumiputra sahaja mendapat pertolongan kewangan yang banyak dari Perbadanan-perbadanan Awam dan cara ini merugikan kebanyakan Bumiputra. Jika sedar, tindakan apa beliau bercadang hendak ambil untuk menjamin pembahagian harta yang adil antara kaum Bumiputra.

Timbalan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar hanya sebilangan kecil sahaja Bumiputra yang mendapat pertolongan kewangan yang banyak. Dari beberapa perbadanan awam di bawah Kementerian Penyelaras Perbadanan Awam yang mempunyai tugas mengeluarkan pinjaman atau membuat jaminan termasuklah MARA, UDA, Bank Pembangunan, MIDF yang telahpun mengeluarkan pinjaman kepada sebilangan besar peminjam-peminjam Bumiputra.

Semenjak ditubuhkan, MARA telah mengeluarkan pinjaman kepada 42,056 orang dengan pinjaman sebanyak \$232.9 juta. Walau bagaimanapun pada masa ini aktiviti-aktiviti pinjaman daripada MARA telah dikurangkan.

Bagi menentukan lebih ramai Bumiputra mendapat pinjaman daripada MARA, maka MARA tidak lagi mengadakan jaminan bagi pinjaman-pinjaman daripada bank-bank kerana tugas ini telah diambil-alih oleh Perbadanan Jaminan Kredit (CGC). Pinjaman-pinjaman Besar juga tidak lagi diberi oleh MARA kerana pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Bumiputra adalah digalakkan untuk meminjam daripada bank-bank perniagaan.

Ada tiga bentuk pinjaman yang dijalankan oleh MARA pada hari ini bagi peniaga-peniaga iaitu untuk modal pusingan pinjaman sebanyak \$10,000 untuk kontrek sebanyak \$40,000 dan untuk harta tetap sebanyak \$50,000.

Ini adalah satu perubahan dasar di mana MARA menumpukan bantuannya kepada peniaga-peniaga Bumiputra kecil yang kurang berpengalaman. Peniaga-peniaga

besar yang telah berjaya dan berpengalaman yang memerlukan pinjaman maka permohonan mereka itu akan dirujukan kepada bank-bank perdagangan dengan sokongan MARA.

Dari segi UDA pula, UDA telah membuat pelaburan sebanyak \$73.4 juta di dalam usahanya untuk membeli ruangniaga di dalam kompleks belibelah dan tempat-tempat strategik untuk disewakan kepada peniaga-peniaga Bumiputra. Setakat ini 1,282 projek telah mendapat kemudahan ini. Di samping itu UDA juga telah memberi pinjaman untuk mengubahsuai ruangniaga masing-masing sebanyak \$3.7 juta kepada 117 buah projek perniagaan. Ia juga menolong membangunkan tanah-tanah Bumiputra sebanyak 41 projek dengan membuat pelaburan sebanyak \$9.5 juta.

MIDF sehingga bulan Mac 1975 mengeluarkan pinjaman sebanyak \$497 juta di mana pinjaman kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra ialah sebanyak \$59.9 juta.

Bank Pembangunan telah mengeluarkan sebanyak 37 pinjaman kepada Bumiputra dan syarikat-syarikat yang mempunyai penyertaan Bumiputra yang nilainya berjumlah \$7.3 juta.

Di samping itu Syarikat Jaminan Kredit (CGC) telah membuat jaminan kepada 32,205 orang pengusaha dengan jumlah sebanyak \$264.3 juta dan di antara jumlah ini 22,851 orang Bumiputra telah diberi jaminan sebanyak \$111.4 juta.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan keterangan yang saya beri tadi dan daripada jumlah mereka yang mendapat kemudahan pinjaman daripada pengusaha-pengusaha awam yang tertakluk di bawah Kementerian ini setakat ini sebanyak 65,220 orang Bumiputra telahpun mendapat pinjaman tersebut dan nilai sebenarnya ialah sebanyak \$415.4 juta.

Oleh itu, berdasarkan kepada butir-butir tersebut itu adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan hanya sebilangan kecil sahaja Bumiputra yang mendapat pertolongan kewangan yang banyak daripada Perbadanan-perbadanan Awam.

OPEC—MENAIKAN BAYARAN LETRIK

11. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan memandangkan OPEC

telah membuat pengumuman bahawa harga minyak akan dinaikkan sebanyak 10% samada kadar pembayaran kuasa letrik akan dinaikkan.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi sedang mengkaji kesan dan implikasi kenaikan harga minyak sebanyak 10% yang telah diumumkan oleh OPEC atas ekonomi negara ini.

Keputusan untuk menaikkan atau tidak bayaran bagi penggunaan kuasa letrik oleh Lembaga akan dipertimbangkan berasas dari hasil kajian Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi.

BEKALAN LETRIK DI TUMPAT

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan bilakah Kementerianannya bercadang melaksanakan sekim bekalan letrik sepenuhnya di kawasan Tumpat oleh kerana tempoh hari dalam lawatannya Y.A.B. Tun Perdana Menteri telah bersetuju untuk memberikan letrik kepada kawasan Tumpat yang masih belum mempunyai bekalan letrik.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Tuan Yang di-Pertua, pihak L.L.N., Kota Bharu telah diberi arahan untuk memberi keutamaan bagi permohonan-permohonan bekalan letrik ke kawasan-kawasan perindustrian dalam Jajahan Tumpat. Setakat ini L.L.N. Kota Bharu telah menerima permohonan untuk bekalan ke satu kilang beras yang dibina oleh pihak L.P.N. Usaha-usaha membekalkan letrik ke kilang tersebut sedang berjalan dengan licinnya.

L.L.N. Kota Bharu juga telah menerima pertanyaan daripada pihak Majuikan berkenaan dengan cadangan pembinaan sebuah kilang air-batu di Tumpat untuk perusahaan perikanan. Tetapi setakat ini cadangan projek ini belum mendapat keputusan lagi.

Berkenaan dengan rancangan bekalan letrik Luar Bandar di Tumpat pihak L.L.N. hanya dapat melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi seluruh Negeri Kelantan. Dalam Rancangan Malaysia Kedua bagi tahun 1971

hingga 1975 kawasan Tumpat telah diperuntukan perbelanjaan sebanyak \$467,000 untuk membiayai lapan projek bekalan letrik luar bandar yang memberi faedah kepada kira-kira 6,180 penduduk-penduduk di situ.

Dengan sebab rancangan bekalan letrik luar-bandar dibiayai oleh tiga pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan L.L.N., maka saya percaya Jawatankuasa Tindakan Negeri mengambil perhatian di atas kenyataan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang telah dibuat semasa lawatan beliau ke Jajahan Tumpat semasa Kerajaan Negeri membincangkan berkenaan rancangan bekalan letrik luar bandar bagi negeri Kelantan dalam tahun 1976 dan seterusnya dalam rancangan Malaysia yang ketiga.

KAWALAN KESELAMATAN DI KUALA LUMPUR

13. Tengku Zaid Al-Haj bin Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk menentukan kawalan-kawalan keselamatan yang lebih ketat khasnya di sekitar Kuala Lumpur dikuatkuasakan untuk mencegah kejadian-kejadian bom seperti di Tugu Kebangsaan, di Lapangan Terbang Tentera Udara dan Pengkalan P.F.F. baru-baru ini.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan yang seakan-akan ini telah saya beri di sidang Dewan ini pada 10-11-1975 dan 12-11-1975. Oleh yang demikian, saya rasa tidak perlu untuk menambah lagi.

KERETA-KERETA LUAR NEGERI DI MALAYSIA

14. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan:

- (a) sebabnya kereta-kereta luar negeri dibenarkan masuk ke Malaysia dan tinggal lebih lama daripada masa yang lepas sedangkan negara kita sekarang ini, hendak mengurangkan kesesakan kenderaan di dalam bandaraya, bandar dan pekan;
- (b) memandangkan bahawa negara kita telah terlampau banyak kenderaan ditambah pula dengan kereta-kereta luar

negeri yang bermaharajalela dan menyebabkan kesesakan lalu lintas samada Kerajaan bercadang hendak menarik balik kebenaran ke atas kereta luar negeri yang tinggal lebih lama di negara kita ini, sekiranya tidak mengapa; dan

- (c) kereta-kereta luar negeri manakah yang terlibat dalam perkara ini, dan adakah negara-negara yang berkenaan itu juga mengizinkan kereta negara kita tinggal dengan lebih lama di negaranya, jika tidak, mengapa pula kita bermurah hati tentang perkara ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kereta-kereta luar negeri dibenarkan masuk ke negeri ini oleh kerana Malaysia adalah salah satu daripada negara-negara yang telah memperseutujui menggunakan International Convention, 1926 dan United Nations Convention on Road Traffic, 1949 sebagai asas keluar masuk kereta dari dan ke Malaysia. Kaedah-kaedah bagi masuknya sesuatu kereta dari luar negeri itu adalah terkandung di dalam Motor Vehicles (International Circulation) Rules, 1967 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Februari, 1967 dahulu. Dengan itu kesemua kenderaan luar negeri yang dibenarkan masuk ke negara ini diberi masuk mengikut kehendak kaedah yang dinyatakan di atas dan tidaklah benar bahawa kereta-kereta itu tinggal lebih lama dari tempoh yang dibenarkan oleh kaedah yang dikuatkuasakan.
- (b) Kerajaan tidak bercadang menarik balik kebenaran yang telah diberi kepada kereta-kereta daripada luar negeri masuk ke Malaysia oleh kerana tidaklah benar dikatakan yang kesesakan lalu lintas adalah disebabkan oleh kereta-kereta dari luar negeri yang bermaharajalela.
- (c) Tidak ada kereta-kereta luar negeri yang terlibat dalam "Maharajalela yang menyebabkan kesesakan lalu lintas" seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh yang demikian, soal murah hati tidak timbul sama kali.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan :

Bahawa walau apapun peruntukan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 8.00 malam.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 8.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (5hb Disember, 1976.)

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lagi 14 Kementerian yang Majlis kena membicarakan dalam Jawatankuasa berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahunan bagi tahun hadapan dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang kita terpaksa kena habiskan

perbahasan pada hari Khamis kerana sebab-sebab yang harus kita tidak akan dapat elakkan. Pada hari ini saya bercadang, kalau boleh, kita habiskan sekurang-kurangnya 3 Kementerian iaitu Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam. Kalau boleh lebih lagi itu lebih baik. Jadi, saya ulangkan lagi sekali ketetapan yang telah dibuat pada minggu lepas iaitu tiap-tiap seorang Ahli yang bercakap tidaklah boleh berucap lebih daripada 10 minit. Apabila cukup 10 minit mintalah kerjasama Ahli Yang Berhormat tolong berhentikan apa-apa ucapan yang telah dibuat.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk mengemukakan cadangan di bawah Kepala B. 25 dan P. 25—Kementerian Luar Negeri.

Kepala B. 25 (Jadual)—

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.03 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya hanya ada satu Kepala saja untuk dikemukakan (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Dua Kepala B. 25 dan P. 25.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Kepala P. 25, Pembangunan selepas B. 25 Perbelanjaan bagi tahun 1976 di bawah Kepala B. 25 Kementerian Luar Negeri berjumlah \$42,437,400 untuk diluluskan.

Saya akan memulakan dengan Belanja Mengurus berjumlah \$41,137,400 di bawah B. 25 dan kemudiannya Belanja Pembangunan di bawah P. 25 berjumlah \$1,300,000.

Fungsi-fungsi Kementerian Luar Negeri tergulung dalam tujuh aktiviti dan jumlah peruntukan di bawah belanja mengurus terbahagi dalam aktiviti-aktiviti ini adalah seperti berikut:

(i) *Pentadbiran Am.*

Sejumlah \$15,625,782 adalah dikehendaki di bawah aktiviti ini. Ini merupakan satu tambahan sebanyak \$3,525,282 daripada peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1975. Sebab utama bagi tambahan ini ialah inflasi di merata dunia yang menyebabkan belanja

hidup yang tinggi di negara-negara seberang laut dan oleh kerana itu bayaran elaun seberang laut yang lebih tinggi bagi kakitangan Malaysia dan gaji serta elaun yang lebih tinggi bagi kakitangan ambilan tempatan yang berkhidmat di perwakilan-perwakilan kita di seberang laut. Belanja perkhidmatan serta bekalan-bekalan seperti perjalanan, sewa, lain-lain kemudahan dan kelengkapan pejabat juga terlibat oleh keadaan inflasi ini. Satu lagi sebab bagi perbelanjaan tambahan itu ialah pembukaan perwakilan-perwakilan baru di Baghdad dan Brussels.

(ii) *Politik.*

Aktiviti ini sangat penting bagi agensi ini kerana ia merangka garis-garis panduan bagi menolong Kerajaan membentuk dasar luar negeri kita dan tali persahabatan dengan semua negara di dunia tidak kira sistem politik dan ideologi mereka. Dasar berkecuali Malaysia telah mendapat pujian daripada negara-negara di dunia dan konsep kita untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali telah diterima baik oleh kuasa-kuasa besar.

Sokongan tegas kita terhadap perjuangan Arab telah membawa kita kepada persahabatan yang lebih erat lagi dengan negara-negara di Asia Barat. Muhibbah dan tali persahabatan telah diperkukuhkan lagi dengan kunjungan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri-negeri Teluk Parsi dan Saudi Arabia awal tahun ini dan diikuti pula oleh lawatan-lawatan saya sendiri ke Mesir, Iraq dan Saudi Arabia. Hasil dari lawatan-lawatan ini, perjanjian-perjanjian kerjasama di bidang kebudayaan sains, ekonomi dan teknik telah ditandatangani dengan beberapa buah negara Arab yang mana telah membawa kepada kerjasama yang lebih erat dan penyertaan yang lebih besar lagi di bidang perniagaan serta kemajuan ekonomi bagi negara kita.

Untuk melaksanakan objektif-objektif ini, satu peruntukan sebanyak \$15,797,688 adalah dikehendaki di bawah aktiviti ini. Yang mana adalah \$3,364,238 lebih daripada jumlah yang diperuntukkan bagi tahun 1975.

(iii) *Penerangan Luar Negeri.*

Di bawah aktiviti ini sejumlah \$4,519,069 adalah diperlukan bagi tahun 1976. Ini adalah tambahan sebanyak \$1,779,069 kepada peruntukan tahun 1975.

Tugas aktiviti ini ialah untuk menyebarkan maklumat-maklumat ke negara-negara asing menerusi perwakilan-perwakilan kita di seberang laut. Tujuan kita ialah untuk memperkenalkan dan mengekalkan imej baik Malaysia bukan sahaja di bidang politik tetapi juga bagi memperkenalkan dasar pembangunan ekonomi serta peluang-peluang pelaburan di Malaysia.

Untuk menjalankan tugas-tugas di atas, kita perlu membeli banyak lagi filem-filem dan menterjemah serta menerbitkan bahan-bahan penerangan ke dalam lain-lain bahasa selain dari Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dihantar ke perwakilan kita di seberang laut bagi tujuan-tujuan publisiti.

(iv) *Konsular.*

Satu peruntukan sebanyak \$782,590 adalah diperlukan di bawah aktiviti ini yang mana adalah \$94,590 lebih dari peruntukan tahun 1975.

Fungsi-fungsi utama aktiviti ini secara ringkas adalah seperti berikut:

- (a) Tugas-tugas Konsular berkenaan dengan pengeluaran paspot dan visa-visa kepada pegawai-pegawai, repatriasi serta pembuangan negeri orang-orang asing yang tidak diingini dan bantuan kepada warganegara Malaysia yang menghadapi kesusahan di luar negeri;
- (b) Pemansuhan visa serta perjanjian extradisi dengan lain-lain negara; dan
- (c) Perlantikan konsul-konsul kehormat di beberapa tempat untuk menjaga kepentingan Malaysia.

(v) *Ekonomi dan Kerjasama Daerah.*

Jumlah yang diminta bagi tahun 1976 ialah \$688,579 iaitu \$418,379 lebih dari peruntukan tahun 1975.

Aktiviti ini dijalankan oleh Bahagian Ekonomi dan Sekretariat ASEAN di Wisma Putra. Tugas utamanya ialah untuk mencapai dan melindungi kepentingan ekonomi Malaysia di sebarang laut dengan memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk mengeratkan lagi kerjasama daerah antara negeri-negeri anggota ASEAN. Penyertaan kita di Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa telah juga menghasilkan bantuan kewangan dan teknik yang bertambah daripada United Nations Development Programme, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Pertubuhan

Makanan dan Pertanian dan lain-lain "specialised agencies" Bangsa-bangsa Bersatu.

Aktiviti ini telah menolong mendapatkan lain-lain negara asing untuk menyertai Rancangan Malaysia Kedua dan akan terus melipatgandakan usahanya untuk mendapatkan penyertaan yang lebih besar lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

(vi) *Perhubungan dan Keselamatan.*

Sejumlah \$3,188,352 diperlukan bagi tahun 1976 iaitu satu tambahan sebanyak \$1,173,352 daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun 1975.

Aktiviti ini menjalankan fungsinya di sekitar perhubungan antara Wisma Putra dengan semua perwakilan-perwakilan di seberang laut melalui perkhidmatan taligrafik, telex dan beg-beg diplomatik serta kargo. Perbelanjaan aktiviti ini bergantung kepada kekerapan dan intensiti penggunaan pelbagai alat perhubungan.

Aktiviti ini juga bertanggungjawab menjaga keselamatan di Wisma Putra dan perwakilan-perwakilan di seberang laut.

(vii) *Protokol.*

Sejumlah \$555,340 dikehendaki di bawah aktiviti ini. Ini merupakan satu tambahan sebanyak \$55,430 ke atas peruntukan yang diluluskan untuk tahun 1975.

Aktiviti ini ialah berhubung dengan perkara-perkara diplomatik, protokol serta "precedence", hak-hak keistimewaan diplomatik dan konsular serta immuniti kepada ketua-ketua perwakilan asing yang diwakilkan ke Malaysia, surat-surat tauliah untuk ketua-ketua perwakilan Malaysia ke negara-negara asing, lawatan rasmi serta lawatan negara orang-orang kenamaan asing dan lawatan-lawatan daif-daif Malaysia ke seberang laut.

Satu lagi aktiviti terpenting Bahagian ini ialah mengumpul serta menyelenggarakan Perjanjian-perjanjian dan Treaty Antara-bangsa yang diubahsuai oleh Kerajaan Malaysia.

Sekarang saya beralih pula kepada Belanja Pembangunan bagi tahun 1976 di bawah P. 25. Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat melihat bahawa peruntukan sebanyak \$1,300,000 adalah dikehendaki bagi tahun

1976. Projek pembangunan Kementerian ini sebilangan besarnya ditujukan kepada mendapatkan bangunan-bangunan pejabat serta rumah-rumah kediaman kakitangan di seberang laut. Ini mengambil bentuk pembelian tanah dan pembinaan bangunan-bangunan mengikut perihalbentuk kita sendiri atau pembelian terus tanah dan bangunan, yang mana lebih praktik dan ekonomik. Sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan digunakan juga untuk membaiki dan memperelokkan harta-harta yang dipunyai oleh Kerajaan.

Projek-projek yang akan dikerjakan dalam tahun 1976 adalah seperti berikut:

- (a) Pembinaan sebuah konsulat dan rumah-rumah kediaman konsul, naib konsul dan jurutrengkas di Songkhla.
- (b) Pembinaan sebuah bangunan Canseri serta rumah-rumah kediaman-kakitangan di Islamabad.
- (c) Pembinaan sebuah rumah Pesuruhjaya Tinggi di Wellington; dan
- (d) Membaiki dan mengelokkan bangunan-bangunan di beberapa buah perwakilan di seberang laut.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memperingatkan kerana hendak menjimatkan masa diharaplah jangan sentuh perkara dasar (policy) am Kerajaan. Bila hendak berucap dimintalah Ahli-ahli Yang Berhormat tujuan kepada mana-mana Kepala yang tertentu dan sebutkan Kepala itu dan muka surat berapa dan tidak boleh lebih daripada 10 minit. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.15 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya sentuh Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, (2) Politik dan (4) Konsular, di muka surat 187 dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, antara matlamat-matlamat Kementerian Luar Negeri ialah untuk mengekalkan dan memperkembangkan hubungan-hubungan baik di antara negara kita dengan lain-lain negara yang mana kita telah mempunyai hubungan diplomatik dan juga dengan

negara-negara yang mahu mengadakan perhubungan demikian dengan kita. Tetapi dalam satu kawasan yang luas yang melibatkan People's Republic of China dan negara-negara komunis baru di Indo-China, perhubungan luar negeri Malaysia bukan sahaja tidak berkembang tetapi sebaliknya dibekukan. Sebenarnya, dalam Dewan ini tidak berapa lama dahulu kita telah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah ada menyerukan supaya Kerajaan mengkaji semula hubungan diplomatik dengan negara-negara komunis khususnya dengan Komunis China, meskipun perbuatan itu nantinya memaksa terputus hubungan diplomasi yang ada dengan PRC.

(Dengan izin) I had thought, Tuan Pengerusi, that we had put behind us the old fears of the Cold War era, but it would appear that in many influential quarters in the ruling party, their foreign policy approaches are still very much controlled by reflexes

Tuan Pengerusi: Rasanya, Ahli Yang Berhormat, sentuh perkara polisi.

Tuan Lim Kit Siang: Polisi perkhidmatan.

Tuan Pengerusi: Saya minta Ahli Yang Berhormat pergi kepada perkara details of the service.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai perkara ini, I am confining to the policy of the service.

Tuan Pengerusi: Ya, policy of the service.

Tuan Lim Kit Siang: Service ini ialah Kementerian Luar Negeri dan matlamatnya ialah formulation of foreign policy, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yes, carry on.

Tuan Lim Kit Siang: Thank you, Tuan Pengerusi. The two reasons which have been advanced for the review of diplomatic relations between Malaysia and the Communist countries—and here I cannot help but get the impression that the PRC (People's Republic of China) is specifically referred to, while the Soviet Union is specifically excluded—are (1) the increased communist activities in Malaysia and (2) the sending of the congratulatory message from the CCP (Chinese Communist Party) to the MCP (Malayan Communist Party).

There is no evidence, as far as I know, that the establishment of the Chinese Embassy in Kuala Lumpur has been responsible in any way for the upsurge in guerrilla activities, both in the towns and in the jungles.

In fact, the most shocking assassination of all, that of the Ketua Polis Negara, took place before the Prime Minister visited Peking, and not a single Government Minister had linked the Chinese Embassy with the increased communist guerrilla activities.

The Malaysian Foreign Ministry has lodged a protest with the Chinese Ambassador, but was it necessary and prudent for Malaysia to over-react to the extent of regarding the sending of a message by the CCP to the MCP as shaking the whole stability and security of the Government and serious enough to warrant a reconsideration of diplomatic relations? And I think if the sending of such a message could lead to great increase in insurgency activities, and threaten to topple the entire Government, then our system is too rotten to be worth defending.

Any over-reaction to blame the increased communist guerrilla activities in Malaysia on the Chinese Embassy or on the congratulatory message is merely an attempt to look for an easy scapegoat, and run away from the brutal reality that the communist insurgents

Tuan Pengerusi: I do not think that Ahli Yang Berhormat should really touch on communist activities and so on and so forth under this Head.

Tuan Lim Kit Siang: Yes, in so far as it concerns diplomatic relations with the PRC.

Tuan Pengerusi: Well, you can touch it at one go, sort of a glance through; that is all, but not to go into the details now. I will not allow that.

Tuan Lim Kit Siang: All right, I will abide by your ruling. Therefore, on this point, I am sure that all would agree, including the Honourable Member, that even if the Chinese Embassy is closed down in Kuala Lumpur, communist activities in Malaysia would not be affected one iota. Therefore, I submit, Tuan Pengerusi, that the normalisation of relations between Malaysia and the PRC should not be affected by any domestic communist activities, but on larger considerations which were agreed to between the Honourable

Prime Minister and Chairman Mao Tse-tung during the visit of the Honourable Prime Minister to Peking.

As a matter of fact, Chairman Mao had claimed that there would be no need to export revolution because he feels justified in hoping that social and economic changes and discontent in South-East Asia would bring about their own changes.

Any break, therefore, in the diplomatic relations between the PRC and Malaysia, as contemplated in some quarters, would not only do nothing to check whatever communist activities there is, but would put the clock back in the foreign policy of Malaysia and would make the Kuala Lumpur Declaration of wanting to turn South-East Asia into a zone of peace, freedom and neutrality into an impossibility.

This is because the neutralisation of South-East Asia is only possible with the support of all the great powers, one of which is the PRC, and the rupture of relations between Malaysia and the PRC can only make the neutralisation of South-East Asia an utter impossibility.

Malaysia should not look backward any more in its relationship with the People's Republic of China, but should move on to establish closer ties and relationship with the PRC, as envisaged in a speech made by the Honourable Prime Minister in Peking at a banquet in honour of Premier Chou En-Lai, that he hoped that the visit would begin to lay, stone by careful stone, the foundations of enduring and fruitful friendship between the two countries and peoples. Both countries should not give cause for mistrust and suspicion, and in this regard, Malaysia should not merely preach equi-distant theory in relationships with the super powers, while being closer to the Soviet Union and more remote from the PRC—as for instance, illustrated by the fact that the Government allows the free travel of Malaysians to the Soviet Union while clamping down on intending visitors to the PRC.

The Government should also act without any more delay to deal with the problem of the 300,000 stateless Chinese of Malaysian descent, as agreed in the Communique between the two Governments. This matter should not be allowed to remain in suspended indecision, and they should move on to deal with this problem.

Despite the hand of friendship extended by ASEAN at the ASEAN Foreign Ministers' Conference in Kuala Lumpur in May this year to the new communist governments in Indo-China, which would probably be joined soon by another new communist state in Laos, little progress has been achieved in this regard. Calls that were made for the review of diplomatic relations with China, even to the extent of a rupture cannot help in this regard for closer ties between Malaysia and the new Indo-China States. Every effort, I submit, must be made to prevent a situation where the ten countries in South-East Asia become divided into two hostile blocs, one the Communist States of Indo-China and the other one the ASEAN States.

I, therefore, hope that the forthcoming ASEAN Summit of Heads of Governments should seriously consider the formation of a new and more representative and effective South-East Asian regional grouping comprising not only the ASEAN nations but also the Communist States in Indo-China and Burma

Tuan Pengerusi: There again, Yang Berhormat, you are touching on policy of Government and future policy at that too. I will stop you from mentioning that. You better go to some other subject now.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Lagi satu ialah polisi atau kerja-kerja Kerajaan dalam agensi ialah untuk

Tuan Pengerusi: That is the trouble of reading from a prepared speech. You cannot connect the points.

Tuan Lim Kit Siang: The point here has been connected bahawa tugas agensi Kerajaan ialah meninggalkan hubungan-hubungan yang baik di antara negara kita dengan lain-lain negara dan membentuk dan melaksanakan dasar luar negeri Malaysia oleh kerana tugasnya adalah membentuk bukan sahaja melaksanakan. Sebab itu saya harap bahawa masa sudah sampai pun Kerajaan Malaysia will give more than mere verbal support to the Palestinian struggle.

In this connection, the most concrete step which the Malaysian Government can immediately take is to give full diplomatic status to the P.L.O. Office in Malaysia, which has been set up since 1969.

Many countries outside the Arabian States, like the People's Republic of China, Pakistan, India, Uganda and Tanzania, give full diplomatic status to the P.L.O. representatives stationed in their countries, and provide, at the host country's expense, official residence, cars and an office. Malaysia has lagged in this regard and I hope that the Ministry of Foreign Affairs can accord full and unlimited diplomatic status to the P.L.O. Office and provide resident, cars and office to help, as a concrete gesture of support to the Palestinian struggle.

The Malaysian Aid Palestine Committee, which is under the chairmanship of the Honourable Member for Kuala Kedah, has stopped functioning and I hope that this Committee can be replaced by an All-Party Aid Palestinian Committee, so that Malaysians from all political spectrums can come together on the issue of the Palestinian struggle to give non-partisan, humanitarian support and solidarity to the Palestinian struggle.

Finally, Tuan Pengerusi, another measure which the Malaysian Government can take to help the Palestinian cause is to provide scholarship for Palestinian students in Malaysian universities. It is shocking that up to date, not a single scholarship has been provided. I, therefore, propose that for a start, some 50 places be provided as a form of foreign policy prop of Malaysia's support to the cause of the Palestinians.

3.25 *ptg.*

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya menyokong segala usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri kita. Kalau dibandingkan dengan perbekalan wang yang diuntukkan untuk Kementerian ini dan memerhatikan hasil yang diperolehi tidak dapat tidak kita mesti mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini serta juga semua kakitangan yang terlibat. Saya harap bagi sebuah negeri yang kecil seperti Malaysia ini bukan dilapangan senjata, bukan dilapangan peperangan yang kita harap dapat memper-tahankan diri kita, akan tetapi dilapangan diplomasi yang barangkali kita dapat menyelamatkan negeri ini, khususnya di suasana yang terdapat di Asia Tenggara dan khasnya kalau kita memerhatikan segala yang telah berlaku di sekeliling kita yang telah mendatangkan tumpah darah, kematian beratus-ratus ribu, bermillion umat yang tidak jauh daripada tanahair kita ini.

Selama kita mencapai Kemerdekaan sehingga ke hari ini yang dapat kita mengelakkan pertikaian dengan negeri-negeri mahupun yang berjiran ataupun jauh dari kita, yang dapat kita mengadakan perhubungan yang erat secara diplomasi, persahabatan dengan semua negeri-negeri yang mahu bersahabat dengan kita. Ini semua hasil daripada usaha-usaha yang telah dijalankan dan saya penuh kepercayaan bahawa sungguhpun Malaysia ini satu buah negeri yang kecil, di bawah pimpinan ketua-ketua dan pemimpin kita telah dapat kita menjadi perintis, menjadi pembimbing, pemandu. Boleh dikatakan Deklarasi Kuala Lumpur yang mahukan kawasan Asia Tenggara ini menjadi satu kawasan bebas, merdeka dan kecuali sudah diterima oleh semua negeri-negeri yang berkaitan. Saya sangat sukacita memerhatikan bahawa dasar ini juga dua hari dahulu telah diterima dengan terangnya oleh Perdana Menteri baru Republik Rakyat Laos dan juga saya tahu menurut berita-berita akhbar telah juga dibayangkan oleh pemimpin-pemimpin baru yang terdapat di Cambodia dan juga di Vietnam. Sungguhpun barangkali ada berlainan sistem pemerintahan dan sosial atau ekonomi, mahupun mereka berkerajaan komunis dan kita tidak, tetapi sudah terang jikalau usaha kita dijalankan sebagaimana kita telah jalankan setakat ini dengan secara jujur dan tegas, begitu juga balasannya daripada negara-negara komunis yang baru mahupun di Laos, Cambodia atau Vietnam akan sama-sama kita bekerja dan berusaha untuk mendatangkan ketenteraman dalam kawasan Asia Tenggara ini dengan menjamin Kemerdekaan untuk semua umat dan semua negeri dalam kawasan ini supaya dapat umat kita semua hidup sempurna dan bebas dan juga terkecuali daripada pertikaian antara bangsa-bangsa yang besar-besar. Saya tahu bahawa Kerajaan memang ada rancangan untuk memperkukuhkan dan memperkuat perhubungan diplomatik kita antara Malaysia dengan Cambodia, Laos dan Vietnam ini, tetapi saya juga mahu tegaskan pada hari ini supaya dapat kita mempercepatkan dan berusaha seberapa daya-upaya supaya mengadakan Pejabat Kedutaan-kedutaan kita mahupun di Hanoi, mahupun di Vientian, mahupun di Phnom Penh supaya dapat kita menjamin bahawa tidak akan sekali-kali timbul sebarang perselisihan ataupun salah faham mahupun ini dihasutkan oleh orang yang dalam negeri kita sendiri, termasuk barangkali Ketua Pembangkang menurut

ucapan-ucapan yang tidak bertanggungjawab seperti yang kita dengar tadi. Sebab kita mahu mengelakkan ini secepat-cepat, selekas-lekas mahulah kita adakan Kedutaan di negeri-negeri ini supaya dapat perhubungan dan dialog dijalankan terus kepada kedua-dua belah pihak, kita negara yang kecil di dalam kawasan ini dapat sama-sama mendukung cita-cita yang sangat suci seperti yang saya sebutkan tadi.

Berkait dengan ini juga saya rasa bagi pihak Kerajaan kita sendiri mahulah memberi timbangan yang simpatitik kepada semua pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negeri. Saya sanggup bercakap semacam ini, sebab saya tidak lagi ada self-interest. Saya pernah bekerja di lapangan ini. Dengan asas pengalaman diri saya sendiri, saya suka menarik perhatian bahawa orang yang bekerja dalam Kementerian Luar Negeri mengalami berbagai-bagai kesusahan. Demi kepentingan negara, terpaksa mereka itu berpindah berhijrah ke sana sini. Kehidupan mereka itu terganggu, keluarga mereka itu terpecah, setengah antara kami kehilangan anak sebab kepentingan negara.

Satu lagi barangkali orang luar tidak tahu, elaun-elaun yang diberikan kepada pegawai kita itu sungguhpun tinggi nampaknya, akan tetapi jika kita perhatikan cara orang kita hidup dan dibandingkan dengan pegawai-pegawai lain negeri terdapat kadang-kadang layanan yang kita berikan kepada orang-orang kita itu kurang. Kita mestilah ingat bahawa orang yang kita letakkan di lain-lain negeri terpaksa hidup setaraf dengan orang lain, bukan kerana dirinya sendiri akan tetapi demi taraf kebesaran imej negeri kita. Kalau wakil-wakil kita di luar negeri tidak senonoh pakaiannya, tidak sempurna tempat duduknya, tidak seperti orang lain dalam layanan bangsa asing terhadap bangsa kita, seluruh negara ini menilai daripada wakil-wakil kita di luar negeri. Oleh sebab itu, bila kita membuat peruntukan kewangan bukan kepada seorang yang kita buat peruntukan itu akan tetapi ialah untuk kita sendiri dan untuk negara kita sendiri.

Lagi satu kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Luar Negeri ini dengan semua Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang tinggal di tanahair kita sendiri dapat naik pangkat lebih cepat, kerana peluangnya lebih banyak dan kerja lebih banyak dalam negeri ini, tetapi Pegawai Luar Negeri itu oleh sebab

jawatan-jawatan kurang dan peluangnya terhad, ada terdapat pegawai-pegawai yang sama masuk bekerja, orang yang bekerja dalam negeri naik pangkat lebih tinggi. Baru-baru ini saya dapati dalam keluarga saya sendiri. Anak saudara saya yang berkahwin dengan seorang pegawai PTD sama-sama berjawatan di Washington, sama-sama Second Secretary, balik ke mari kerana sudah berkahwin tidak boleh bekerja di dalam Kementerian Luar Negeri, seorang bekerja di dalam negeri dan seorang lagi di luar negeri, yang si perempuan oleh kerana bekerja dalam negeri sudah naik pangkat lebih tinggi daripada suaminya yang masih dalam Pegawai Tadbir Luar Negeri. Ini satu keadaan hakikat yang benar, akan tetapi barangkali tidak patut dan tidak adil. Perkara ini saya harap dapat ditimbangkan oleh Kementerian Luar Negeri dan Kerajaan dan juga umat kita sendiri seluruhnya tentang problem-problem yang mesti dihadapi oleh pegawai-pegawai kita yang bekerja di Kementerian Luar Negeri dan berilah pertimbangan dan simpati yang sewajarnya supaya mereka itu sungguh-sungguh berkhidmat sehingga dapat menjayakan dasar luar negeri kita yang memang sudah berjaya.

3.35 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, minta maaf kalau saya terpaksa menyentuh sedikit dalam masaalah polisi. Sebagaimana . . .

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat jangan menyentuh polisi. Saya sudah larang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyentuh dasar polisi. Saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat seorang sahaja.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Saya tidak akan sentuh tetapi kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi telah menyentuh sedikit berkenaan dengan dasar luar negeri kita dan menyentuh juga ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Sedikit sahaja.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Sedikit sahaja. Beliau telah menyentuh tentang ucapan saya dahulu, jadi saya rasa untuk memberi penjelasan biarlah saya terangkan di sini. Saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat mendengar ucapan saya dahulu tentang apa yang saya sebutkan masaalah hubungan

diplomatik dengan Negeri China, saya meminta Kerajaan mengkaji kedudukan Kedutaannya di sini dan kerana ada bukti-bukti yang nyata yang tidak dapat kita nafikan. Sebagai seorang rakyat Malaysia yang cintakan Malaysia ini, saya rasa apa juga hubungan diplomatik atau polisi yang kita buat walaupun ada dasar berkecuali kita, tetapi kepentingan negara kita sendiri adalah menjadi perkara yang utama, samada berkecuali atau tidak, kepentingan negara, keselamatan negara kita adalah menjadi punca yang pertama sekali bagi kita. Kita mengadakan hubungan diplomatik, kita mengadakan kawasan berkecuali atau dasar berkecuali ialah kerana kepentingan negara kita. Kita berkehendakkan kesemua negara bekerjasama dengan kita. Kita berkehendak mengadakan satu zone of peace supaya tidak ada pertelingkahan antara negara kita dengan negara lain, tetapi kepentingan adalah kepentingan negara kita. Saya rasa di dalam diplomasi negara manapun juga masaalah kepentingan negara itu didahulukan daripada negara-negara lain. Begitu juga dalam masaalah ini, kita mempunyai bukti-bukti yang terang bukan sahaja pengakuan ataupun ucapan tahniah daripada Parti Kominis China kepada Parti Kominis Malaya, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu berfikiran sebenar-benarnya daripada fikiran rakyat Malaysia sendiri, kalau kita mendengar suara Revolusi pada tiap-tiap petang yang dikeluarkan oleh Parti Komunis Malaya, bukan sahaja mencerca dan mengecam Kerajaan kita tetapi memuji Kerajaan China, memuji pemimpin Mao Tse-Tung, memuji Chou En Lai, memuji itu dan memuji ini tiap-tiap petang ada, ini bukti yang nyata. Jadi sekiranya ada kenyataan yang sebegini apa yang saya cadangkan dahulu supaya Kementerian kita atau Kerajaan kita sekurang-kurangnya meminta keterangan daripada Kedutaan China atau Kedutaan manapun juga. Kita tidak ada bukti mengatakan Kerajaan Amerika atau Kerajaan Inggeris ataupun Kerajaan Russia mempunyai hubungan yang begitu sekali rapat dengan sebuah parti di Malaysia kita ini, tidak ada. Tetapi bukti yang nyata Kerajaan Peking ada hubungan dengan Parti Kominis Malaya. Jadi apa salahnya kalau kita demi kepentingan negara kita, saya minta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita sendiri kalau boleh, meminta Kedutaan Peking di sini memberi penjelasan kalau kita sudah ada bukti-bukti. Saya sendiri pernah menjadi

Duta dahulu. Begitu juga dengan keadaan di negeri-negeri lain, kalau sedikit sahaja tersentuh atau syak wasangka sesebuah negeri terhadap negeri kita maka saya dipanggil. Di Indonesia dahulu boleh dikatakan kalau sedikit sahaja soalan ataupun ucapan daripada pemimpin-pemimpin kita di sini saya dipanggil untuk memberi penerangan dan menjelaskan. Apa salahnya kalau sekiranya Kedutaan China di sini diminta beri keterangan. Adakah kerana negeri China itu negara besar, jadi kita takut. Kita mempunyai taraf yang sama, kita merdeka, kita tidak takut kepada negeri China atau Russia ataupun Amerika, sebab itu juga kita hendakkan dasar berkecuali ini.

Tuan Pengerusi, saya telah mempunyai pengalaman dalam masaalah ini. Dengan dasar berkecuali ini juga dahulu Indonesia—saya tidak mengatakan syak wasangka saya terhadap dasar berkecuali ini. Ini dasar yang sebaik-baiknya bagi kita. Itu sebab kita mengubah dasar luar negeri sebagaimana kata Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi juga memuji Kerajaan kita kerana kalau tidak dasar berkecuali ini, dasar negara kita adakan hari ini tentu tidak ada negara kominis yang ada hubungan diplomatik dengan negara kita. Kita hendak bersahabat dengan semua negara. Tetapi demi kepentingan kita, kita mesti menjaga nasib kita sendiri. Saya tahu di Indonesia dahulu keadaan yang beginilah, Tuan Pengerusi, kerana dasar berkecuali inilah maka Kedutaan-kedutaan asing memainkan peranan yang penting. Salah satu sebabnya maka Parti Kominis Indonesia (PKI) sampai begitu sekali dapat berkembang, dapat merebak, dapat mengadakan senjata-senjata dan sebagainya sehingga mengadakan Gestapo tahun 1965 ialah kerana salah satu daripada Kedutaan asing yang memberi bantuan-bantuan. Saya tahu sebab saya ada pengalaman ini. Jadi apa salahnya. Perkara ini boleh berlaku dalam negara kita juga. Jadi, demi kepentingan negara kita sendiri yang saya cadangkan itu, bukan sahaja terhadap Kedutaan Peking, kedutaan-kedutaan mana juga, bukan sahaja terhadap Kedutaan-kedutaan kominis, kalau Amerika, kalau Great Britain yang cuba subvert atau hendak menggunakan kuasa menyeludup atau menggunakan parti-parti yang ada di negara kita ini untuk kepentingan mereka kita mesti mengambil tindakan. Itulah dasar yang saya sebutkan dalam ucapan saya yang lepas.

Jangan cuba pusingkan (twist) oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu kerana saya nampak fikirannya one-track mind. Saya tidak sangka seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini seolah-olah menyuarakan atau merupakan dirinya sebagai suara Kerajaan luar. Sedikit sahaja tersentuh berkenaan dengan Peking dia bangun, dia bercakap mempertahankan Kedutaan Peking.

Tuan Pengerusi, saya tidak akan bercakap panjang, cuma saya hendak terangkan inilah keadaan yang sebenarnya. Tidak salah. Walaupun kecil negara kita, tetapi kita mesti mempertahankan sovereignty dan independence kita sendiri, walau negara mana yang kita fikirkan mengganggu kemerdekaan kita, sovereignty kita, kita mesti bertanya dan kita mesti mengambil ketegasan.

3.41 ptg.

Tuan James Stephen Tibok (Penampang):

Tuan Pengerusi, saya juga turut berucap dalam permohonan peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri.

Saya suka bercakap pendek sahaja iaitu buat permulaannya, saya suka bercakap di atas Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (3) Penerangan Luar Negeri.

Di sini saya suka memaklumkan kepada Dewan bahawa penerangan luar negeri ini adalah elok dan baik pada dasarnya. Apa yang saya suka sentuh di sini iaitu Kementerian ini dalam memberi penerangan di luar negeri mengenai kebaikan di Malaysia dalam apa bentuk sekalipun janganlah ianya untuk memberi penerangan ini hanya untuk hal-hal di Semenanjung sahaja baik dalam apa bidang. Apa yang saya dapati penerangan-penerangan di luar negeri mengenai hal-hal di Negeri Sabah adalah sangat kurang sekali. Baik dalam bidang pelancungan mahupun dalam bidang perdagangan. Dengan sebab itulah negeri Sabah ketinggalan dalam semua segi. Rupanya penerangan yang cukup tidak diberi. Saya fikir dalam memberi penerangan di luar negeri ini pegawai-pegawai dari anak negeri Sabah hendaklah direkrut daripada sekarang, bukan sahaja jawatan pegawai, tetapi juga dalam jawatan Ambassador ataupun Pesuruhjaya Tinggi, saya belum nampak lagi anak negeri Sabah dalam jawatan ini. Maka itulah sebabnya negeri Sabah di dalam Malaysia tidak terkenal di luar negeri. Kita hendaklah memberi

penerangan mengenai Malaysia keseluruhan-nya di luar negeri dan bukannya untuk satu-satu negeri.

Tuan Pengerusi, mengenai Pecahan-kepala 1100 juga Aktiviti (6) Kemudahan Perhubungan dan Keselamatan.

Tuan Pengerusi, apa yang mengelirukan rakyat kita sekarang ini dengan adanya tahniah Kerajaan Peking kepada Parti Komunis Malaya yang diketahui baru-baru ini di atas tragedi yang dahsyat di negara kita iaitu pembunuhan kepada pasukan keselamatan kita.

Saya cuma mengetahui bahawa dengan adanya Kedutaan China di negeri kita, maka banyak terjadi perkara yang tidak diinginkan berlaku dengan berterang-terangan. Wakil dari Kuala Kedah ada menyentuh perkara ini baru-baru ini kalau tidak silap saya. Kita minta mereka minta maaf, tetapi maaf yang diberi oleh Kerajaan Peking tidak di dengar oleh rakyat jelata. Agaknya minta maaf dibuat di cocktail party sahaja. Ini menunjukkan kelemahan Kerajaan terhadap kesangsian rakyat. Kita mengetahui bahawa Kerajaan Peking sudah mengiktiraf Malaysia, tetapi apa pula dengan dia sengaja membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan tata-susila hidup perikemanusiaan antara bangsa.

Satu lagi saya dengar seseorang yang hendak melawat negeri China terpaksa mengambil visa di Hong Kong. Kalau ini benar sangat-sangatlah disangsikan oleh rakyat kita sekali lagi kerana apalah guna ada Kedutaan China di sini dan jika tidak diakui oleh Negeri China sendiri. Saya harap dapat penjelasan lanjut dalam perkara ini. Kalau betul perkara ini berlaku apakah taraf Duta China di Malaysia ataupun menjadi peti surat atau hanya menjadi teropong sahaja.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

3.46 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya berdiri menyokong di atas permohonan Kementerian Luar Negeri iaitu Kepala Perbekalan 25 dan Kepala Pembangunan 25 berjumlah \$42,437.00. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Pecahan-kepala 2300.

Sebelum saya menyentuh berkenaan dengan hal lain, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh penerangan yang dibuat

oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kedah berkenaan dengan sikap Malaysia terhadap Negeri China. Dan di harap kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat mengambil perhatian berat hal ini supaya kita dapat mengetahui benar-benar kedudukan perhubungan Parti Komunis Malaya dengan Negeri China.

Di atas sikap negara kita yang telah terkenal beberapa lama sebagai negara berkecuali ini sudahpun disanjung tinggi oleh negara-negara besar sehinggakan banyak negara telah mengakui hal ini dan sudah banyak negara mengadakan perhubungan baik dengan negara kita.

Misalnya, Tuan Pengerusi, negara kita telah dapat membentuk ASEAN, Komenwel, Komenwel Islam dan negara kita dapat memainkan peranan di dalam Bangsa-bangsa Bersatu.

Bagi akhir-akhir ini Malaysia telah mengadakan perjanjian dengan Indonesia di atas perhubungan pertahanan. Ini sangat-sangat di alu-alukan. Ini kerana perhubungan yang begitu erat dalam ASEAN yang selama ini.

Selain daripada itu perhubungan di dalam ASEAN ini juga hal ekonomi negara satu daripadanya iaitu getah telah dapat diselamatkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Penerangan Luar Negeri. Bagi peruntukan yang hanya sebanyak \$2,200,000 ini saya percaya tidak dapat memberi penerangan yang sepenuhnya kepada negara-negara yang begitu banyak yang kita telah mengadakan perhubungan di dalam dunia ini. Sehingga setakat ini kita selalu dengar yang menyatakan bahawa penerangan luar negeri daripada negara kita ini tidak begitu mencukupi, mungkin kerana pada pendapat saya peruntukan yang diberi oleh Kerajaan kepada bahagian ini tidak cukup seperti mana yang diminta oleh Kementerian berkenaan. Oleh itu, patutlah hal ini dikaji semula supaya diberi satu peruntukan lebih dan dapat benar-benar Kerajaan kita memberi penerangan ke negara-negara lain hal-hal berkenaan dengan negeri kita sendiri, berkenaan dengan ekonomi, politik, kebudayaan dan sebagainya supaya negara-negara lain tidak lagi menganggap sebuah negara kecil yang berada di Tenggara Asia ini masih kolot masih tidak maju dan masih tidak terkenal lagi, padahal negara kita sudah begitu baik

bagi Asia Tenggara dan seluruh dunia sehingga setakat ini. Kadang-kadang ada kita dengar, kononnya, di Amerika Syarikat di suatu masa saya pernah terbaca ada dari setengah-setengah rakyat Amerika mengatakan rakyat Malaysia ini masih duduk di atas pokok seperti mana orang-orang Asli di negara kita pada suatu masa dahulu. Ini satu pendapat yang ganjil yang tidak patut mendapat perhatian daripada negara-negara lain dan tidak patut dianggap oleh negara-negara lain kepada negara kita ini. Dan ini ialah disebabkan penerangan di luar negeri tidak begitu memuaskan hati kepada seluruh negara yang berkenaan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan tentang visa bagi negara-negara di dalam ASEAN. Pada masa ini mengikut apa yang kita tahu apabila sahaja rakyat di antara negara-negara ASEAN ini masuk ke negara-negara tersebut penghapusan visa telah dibuat bagi 7 hari. Ini patut dikaji semula kerana jika tidak dikaji semula kita bimbang ada rakyat daripada negara-negara lain mengambil kesempatan di atas hal ini dan menyebabkan beberapa keadaan yang kurang baik terjadi di dalam negara kita. Mungkin kerana penghapusan visa yang telah berjalan selama ini menyebabkan bertambahnya keganasan di negara kita. Padahal sebelum penghapusan visa ini dibuat dahulu, kawalan yang begitu ketat dan baik tidaklah terjadi seperti mana yang ada sekarang ini. Akhir-akhir ini ada penyeludupan dan sebagainya sudah makin bertambah dan penghapusan visa ini pula dilakukan pada masa ini. Ini akan menyebabkan pihak-pihak yang tidak diingini mengambil kesempatan berkenaan hal ini. Sungguhpun penghapusan visa ini baik dan kita dapat melawat negara-negara lain dengan baik, tetapi bagi keadaan negara kita pada masa ini biasa disebut oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sebagai "serious", dan oleh kerana serious inilah patut kita kaji dengan sebaik-baiknya bagaimana penghapusan visa selama 7 hari itu dikaji semula samada dipendekkan atau dapat dihapuskan terus sehingga di satu masa kelak.

3.53 *ptg.*

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya menyokong belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, dan di samping itu saya suka menyentuh Buku

Belanjawan Persekutuan 1976, muka surat 187 Kepala B. 25, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) hingga (7) dan Pecahan-kepala 1200, Aktiviti (1) hingga (7) juga.

Tuan Pengerusi, belanja di bawah kedua-dua Pecahan-kepala ini kalau tidak silap saya ialah \$18.6 juta dan belanja-belanja ini ialah diperlukan untuk membayar gaji, upahan, elaun dan sebagainya, mengadakan kedutaan-kedutaan dan pejabat-pejabat Suruhanjaya kita di seberang laut, sebagaimana yang terdapat di dalam Buku Anggaran Belanjawan Persekutuan 1976 di dalam muka surat 349 dan 350.

Apa yang saya suka menekankan di sini ialah jawatan-jawatan yang ada di dalam kedutaan-kedutaan dan juga Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Malaysia di seberang laut tidak ada ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri berapakah jumlah jawatan itu yang dipegang oleh Career Diplomat dan berapa pula jawatan-jawatan itu dipegang oleh Ahli-ahli Siasah. Di sini saya sukalah menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri bahawa negara kita hendaklah mementingkan lagi jawatan-jawatan Duta ataupun Pesuruhjaya itu untuk dipegang oleh ahli-ahli Siasah, kerana kita sudah melihat contoh-contohnya. Misalnya, baru-baru ini kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Encik Mohamed Khir Johari iaitu wakil tetap kita di Bangsa-bangsa Bersatu atas ketegasan beliau menegur issue Brunei, ini kerana beliau seorang ahli siasah dan bukan seorang daripada Civil Service. Jadi sikap seorang ahli siasah berlainan dan berbeza dengan Ahli Civil Service yang bersikap khuatir, gentar atau takut-takut untuk membawa satu-satu issue bagi mempertahankan Malaysia atau mengemukakan imej Malaysia dan menerangkan sesuatu kepada pihak-pihak yang tertentu.

Kedua, saya bukanlah sebagaimana separuh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun bercakap tadi untuk mengemukakan pandangan di atas pengalaman sebagai seorang Duta, kerana saya belum pernah menjadi Duta lagi. Tetapi atas pengalaman saya sesudah mengembara beberapa tempat di pejabat-pejabat Pesuruhjaya dan Duta-duta kita, saya saksikan beberapa orang pegawai tinggi di kedutaan kita yang locally-recruited iaitu diambil di negeri-negeri seberang laut, misalannya, England Russia ataupun Holland. Ada separuh daripada pegawai-pegawai ini yang tidak tahu

apakah sebenarnya keadaan di Malaysia ini kerana beliau belum pernah datang ke Malaysia ini. Mereka itu tidak tahu bagaimana getah diproses dan ditoreh untuk mendapatkan susu dan daripada susu itu dibuat barang-barang atau sebagainya. Mereka juga tidak tahu bagaimana bijeh timah itu diperbuat. Jadi, kalaulah pegawai-pegawai yang kita harap untuk mengemukakan sesuatu bagi faedah Malaysia tidak mengetahui hal-hal Malaysia, bagaimanakah mereka boleh mengemukakan sesuatu penerangan dengan berkesan. Begitu juga pegawai-pegawai ini tidak tahu latar-belakang orang-orang di Malaysia ini, sebagaimana yang telah dikatakan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi mereka tidak mengetahui bagaimana cara hidup atau adat resam kita. Jadi saya syorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya pegawai-pegawai yang locally recruited ini dapat dibawa ke Malaysia dan diberi kursus selama sebulan ataupun enam minggu untuk melihat keadaan di Malaysia ini supaya mereka tahu secara dekat apakah sebenarnya negara yang diwakili oleh mereka.

Saya suka juga menyentuh berkenaan dengan pegawai-pegawai kita yang ada di seberang laut. Saya tahu di masa saya berjalan dan berjumpa mereka, mereka mengemukakan beberapa kesusahan bukan sahaja dari segi makanan iaitu susah hendak mencari kari, cili, belacan dan masakan orang Malaysia, tetapi mereka juga berasa rindu kepada tanahair. Seperti mana yang telah diterangkan tadi mereka bercerai dengan saudaramara, anak beranak dan sebagainya dan kadang-kadang oleh kerana kekurangan facilities dan pendidikan dari segi pelajaran menyebabkan anak-anak mereka mundur dan kadang-kadang terpaksa anak-anak mereka dimasukkan ke sekolah-sekolah di negeri-negeri luar. Jadi, saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri dari segi kebajikan atau welfare pegawai-pegawai ini hendaklah juga diambil berat supaya kita mempunyai pegawai-pegawai yang contented berkhidmat untuk negara dan kalau mereka tidak contented sudah tentu negara kita tidak dapat diwakili dengan baik dan betul.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma hendak membenarkan dua orang sahaja lagi Ahli Yang Berhormat bercakap, dan pada pukul 4.25 saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menjawab. Walau bagaimanapun saya sangat

berharap supaya Yang Berhormat Menteri menjawab dalam tempoh kira-kira 20 minit sahaja.

4.00 ptg.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Kepala B. 25, muka surat 188 Pecahan-kepala 2300 iaitu Perhubungan dan lain-lain juga yang termasuk di bawah Pecahan-kepala itu. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal luar negeri Malaysia yang ada pada hari ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat beberapa aspek yang saya anggap penting supaya keadaan ataupun gambaran yang dinyatakan di muka bumi luar negeri terhadap pemerintah di negara kita Malaysia pada hari ini begitu baik, lebih-lebih lagi baik pada masa yang akan datang daripada apa yang kita buat pada masa ini kepada negara-negara jiran, khasnya negara-negara di dalam South East Asia dan juga di Eropah.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya anggap penting iaitu mengenai Kedutaan kita di luar negeri dan juga Konsulet-konsulet kita yang ada di tempat lain juga. Saya fikir patutlah semua pemimpin-pemimpin yang kita letakkan di luar negeri untuk mewakili negara kita ini orang yang betul-betul berkelibar dan juga sekurang-kurangnya mesti mengetahui adat-adat ataupun kebudayaan semua masyarakat Malaysia. Oleh kerana kita ketahui pada masa ini separuh daripada pegawai-pegawai ini langsung tidak mengetahui adat-istiadat bumiputra ataupun orang-orang native di Sabah dan juga di negeri Sarawak, kebanyakan daripada mereka hanya mengetahui keadaan di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh hal yang demikian, saya syorkan kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya pada masa yang akan datang Yang Berhormat Menteri dapat dengan sebolehnya mencari ataupun menapis dengan telitinya sebelum mengirinkan sebarang anggota dari pihak negara Malaysia ke negara luar bahawa seseorang itu sememangnya seperti yang saya katakan tadi orang yang sekurang-kurangnya, kalau tidak 100% mengetahui kebudayaan dan adat resam masyarakat Malaysia, sekurang-kurangnya 50% mesti mengetahui keadaan di Malaysia supaya dapat memberi gambaran yang lebih jelas ke negara luar agar negara luar dapat melihat

gambaran atau keadaan Malaysia yang sebenar-benarnya. Begitulah sepatutnya sikap pemimpin-pemimpin yang kita hantar keluar negara kita ke negara lain.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya kira siapa sahaja Ambassador atau Consulate kita yang dihantar keluar negeri haruslah ia bukan seorang pemimpin dari parti politik, bahkan ia adalah seorang yang bukan masuk kepada mana-mana pihak parti politik. Oleh kerana sekiranya kita mengirinkan orang yang mempunyai ideologi parti politik maka kita takut taat setianya lain kali tidak begitu kita ingini, akhirnya mungkin pemimpin-pemimpin itu akan menyeleweng kepada apa yang kita tidak ingini. Buktinya, Tuan Pengerusi, sudah jelas, kalau saya tidak salah, seorang pemimpin negara kita yang kita hantar ke Australia dahulu sudah membuat suatu perangai yang tidak diingini dan telah disiarkan di dalam suratkhbar dan juga di dalam radio bahawa beliau telah lesap, akan tetapi perkara itu sudah menjadi satu bukti yang kita tidak ingini. Oleh kerana hal yang demikian, saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya apabila menghantar siapa sahaja pemimpin-pemimpin ataupun wakil-wakil Kerajaan kita ke negara luar haruslah orang yang berperangai baik.

Ketiga, saya syorkan kepada Yang Berhormat Menteri, mana satu negara yang mempunyai Ambassador ataupun Consulate, maka haruslah ada perhubungan yang begitu erat dengan semua orang Malaysia yang berada di negara itu, lebih-lebih lagi penuntut-penuntut yang sedang menuntut di universiti supaya keadaan dan tauladan yang baik dari pihak Malaysia sentiasa dilihat dan menjadi tauladan yang baik kepada negara lain. Jangan terjadi lagi sebagaimana yang telah kita dapati semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berapa lama dahulu ke Australia, separuh daripada penuntut-penuntut di universiti di negara itu telahpun melakukan adab yang tidak kita ingini. Jadi, saya syorkan supaya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dengan sebenar-benarnya menyelidiki perkara ini dengan lebih teliti sebelum beliau menghantar seseorang pemimpin dari negara kita ke negara lain.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan kepada pihak yang berkuasa oleh kerana seluruh dunia sekarang ini sudah mengetahui bahawa sikap negara kita adalah sikap berkecuali, ertinya berkecuali ini jikalau

orang menampar pipi kita sebelah, harus kita serahkan yang lagi sebelah untuk ditampar, demikian ertinya. Akan tetapi, bukan hanya setakat perkataan sahaja kita berkecuali bahkan hendaklah dengan perbuatan juga. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri oleh kerana dalam beberapa hari yang dahulu, saya tidak ingat beberapa hari-bulan, saya pernah melihat dalam magazine dan juga mendengar siaran radio asing mengatakan ada pernah di negara jiran tertangkap penganas-penganas yang mengatakan diri mereka orang Malaysia. Inipun haruslah kita padamkan supaya nama baik Malaysia sentiasa harum di negara lain. Jangan mereka yang berbuat kelakuan yang tidak baik ini mengambil nama baik negara Malaysia untuk melakukan jenayah ataupun adab yang kita tidak ingini di negara orang.

4.08 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Kepala B. 25, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) hingga (7).

Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang ingin saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini terutamanya bila mana kita mendengar Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa banyak lagi Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri akan diwujudkan oleh Kerajaan kita. Jadi saya suka mencadangkan satu perkara yang saya rasa ada hubungan yang paling rapat dengan Malaysia yakni berhubung dengan negara-negara di Timur Tengah di mana kita dapati bahawa banyak persamaan-persamaan yang terdapat antara Kerajaan kita, rakyat kita, warganegara kita dengan negara-negara Timur Tengah, khususnya negara-negara Islam. Jadi daripada senarai Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri sebanyak lebih kurang 36 atau 37 buah semua sekali samada Suruhanjaya ataupun Kedutaan, kita dapati cuma 9 buah sahaja lebih kurang negara-negara Islam, sedangkan kita di dalam Persidangan-persidangan Umat Islam, Persidangan Komonwel Islam, Persidangan Persatuan Islam dan sebagainya beria-ria sangat tentang dakwah Islam, perhubungan umat Islam, persaudaraan Islam dan ingin mempertahankan perjuangan Islam di mana-mana sahaja, tetapi Kedutaan-kedutaan kita tidak diwujudkan di sana. Satu dalil yang besar ialah mengenai ketidaksamaan Kedutaan, dengan Baghdad umpamanya kita cuma ada Charge d'Affaires sedangkan

mereka menghantar Duta ke sini. Ini satu perkara yang amat mengaibkan sebuah negara sahabat kita yang ada mempunyai hubungan kebudayaan, pelajaran, ugama dan sebagainya. Perkara ini saya berharap kepada pihak Kementerian Luar Negeri supaya mengkaji semula.

Selain daripada itu peruntukan sebanyak \$42.4 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian ini adalah benar-benar tidak mencukupi, kerana kalau berdasarkan kepada jumlah peruntukan ini, maka saya rasa kedutaan-kedutaan yang akan kita wujudkan di negeri-negeri itu tidak akan dapat mencukupi perbelanjaannya. Oleh itu, diharap Kerajaan menumpukan perhatian yang berat, terutama kerana sekarang ini kita sedang berada di dalam suatu bidang di mana kita ingin memperkenalkan framework konsep kita terutama sekali terhadap rantau Asia Tenggara. Kalaulah umpamanya kita bercakap sahaja sedangkan kedutaan-kedutaan kita di sana tidak dibuka, kita bercakap kepada dunia lain mencanangkan bahawa zone of peace, freedom, neutrality dan sebagainya, tetapi kalau usaha-usaha di pihak kita lemah, saya rasa susah kita mendapat sambutan-sambutan yang baik terutama sekali di dalam menghubungi negara-negara yang ideolajinya berlainan. Saya rasa tidak haruslah pihak kita berasa takut dengan wujudnya negara-negara yang berbentuk kominis di Indo-China, kerana walaupun ideoloji dan Kerajaan mereka tidak sama tetapi mereka tentu sekali ingin hidup aman damai bersama-sama dengan kita.

Kalau kita tidak menghubungi dan tidak cuba berkira-bicara dengan mereka, mungkin pada suatu hari orang akan mengatakan bahawa Malaysia ini selepas daripada kekalahan teruk Amerika di Indo-China akan cuba pula membentuk suatu pakatan kerjasama daerah yang berbentuk ASEAN umpamanya dan anggota di dalam ASEAN itu sendiri di dalam Persidangan Antarabangsa ada dua tiga buah negeri sahabat baik kita dalam ASEAN waktu timbul persoalan Palestine berkecuali (negative). Ini boleh disifatkan oleh negara-negara Blok Berkecuali atau negara-negara Dunia Ketiga mengatakan bahawa Malaysia mungkin jadi pak turut, kerana kawan-kawan lain di dalam ASEAN yang dua tiga buah negeri itu selalu sahaja dalam persoalan United Nations. (P.B.B.) sudah dua kali ketiga-tiga sahabat kita itu berkecuali (negative), tidak mahu menunjukkan suatu sikap menyokong perjuangan

Palestine. Ini menampakkan kepada kita bahawa mereka ini berada di belakang satu kuasa lain. Hasil daripada ini semua maka eloklah Kementerian Luar Negeri kita memperhebatkan kegiatan memperkenalkan serta mengkaji balik antara kita sama kita, antara sahabat dengan sahabat dalam ASEAN itu supaya kita dapat menunjukkan suatu sikap yang impartial samada dalam bentuk mengundi di United Nations ataupun samada kita menunjukkan sikap dalam perjumpaan antarabangsa yang lain supaya orang benar-benar yakin bahawa framework kepada konsep yang kita akan wujudkan itu akan dipercayai oleh negara-negara besar. Jadi mestilah pihak kita mengambil inisiatif yang banyak.

Selain daripada itu, suatu statement baru-baru ini oleh President Ford, Amerika Syarikat yang mengatakan bahawa, "walaupun kami kalah di Vietnam dan di Indo-China, tetapi kami merasa ada sedikit-sebanyak kepentingan-kepentingan di Asia." Ini tentu sekali jawapannya mudah kerana mereka mempunyai air-base dan sebagainya. Jadi persoalan yang seperti ini harus kita bincangkan dengan semasak-masaknya kerana nanti vacuum (yang di create ataupun diwujudkan atau dicipta) di dalam daerah Asia Tenggara ini jangan dipenuhi oleh mana-mana kuasa dan harus Malaysia yang akan menjadi juaranya kerana Deklarasi Kuala Lumpur itu sendiri telah dideklarasikan di Kuala Lumpur. Saya rasa persoalan-persoalan ini walaupun dengan pandangan saya secara singkat ini, tetapi saya berharap pihak Kementerian Luar Negeri kita akan mengambil sedikit-sebanyak usaha dan daya utama untuk benar-benar menerangkan dan mencanangkan kepada seluruh dunia, hatta berdepan dengan United Nations sekalipun bahawa kami betul-betul berkecuali (non-aligned), tidak terikat kepada Amerika Syarikat, tidak terikat kepada Barat dan tidak terikat ke mana-mana. Inilah yang saya harapkan supaya pihak Kementerian Luar Negeri dapat memberi sedikit-sebanyak ulasan mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.15 ptg.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu bangun untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang ber-

jumlah lapan orang semuanya yang telah memberikan pandangan-pandangan yang membangun yang mana suka saya sedikit-sebanyak menjawabkan yang mana perlu dijawabkan. Jikalau ada perkara-perkara yang mungkin saya tidak jawab dengan sejas-jelasnya dalam jawapan saya ini, walau bagaimanapun saya akan mengambil perhatian di atas apa yang telah dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyebutkan dari segi hubungan negara kita dengan PRC bersabit dengan increased activities of terrorism selepas berlakunya perhubungan diplomatik di antara kita dengan PRC dan juga bersabit dengan satu congratulation yang telah diberikan oleh Parti Kominis China kepada MCP pada awal tahun ini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga telahpun membangkitkan perkara ini. Saya suka mengatakan iaitu seperti mana Yang Amat Berhormat Tun katakan ini disifatkan sebagai satu perkara interference bersabit dengan hal dalam negeri. Asas perhubungan negara kita pada dasarnya baik walau dengan apa negara sekalipun iaitu konsep pancasila (respect of sovereignty, territorial integrity and non-interference) di dalam masalah-masalah dalam negeri. Inilah asas perhubungan kita. Saya suka mengatakan pihak kita telahpun mengemukakan di atas hal ini pada pihak yang berkenaan iaitu Duta China dan seperti mana yang telahpun dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah supaya saya sendiri patut memanggil Duta itu tentang perkara ini. Saya rasa pandangan beliau itu telahpun dikemukakan mengikut apa yang patut kita kemukakan di atas perkara yang kita tidak puas hati itu. Saya rasa pandangan-pandangan ini telahpun kita buat dan akan menjalankan apa sahaja untuk menjagakan konsep kita iaitu konsep perhubungan diplomatik negara kita Malaysia ini dengan negara-negara yang patut kita mengadakan perhubungan itu adalah dengan asas iaitu konsep ini berdasarkan kepada the national interest yang terutama sekali. Itulah asas perhubungan maka dengan apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah tadi, terutama sekali ialah bersabit dengan perhubungan diplomatik ini iaitu national interest yang utamanya. Maka saya rasa kita sangat bersetuju dengan apa yang telah diperkatakan oleh beliau itu.

Soal kedua yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu ialah bersabit dengan congratulation yang dibuat oleh pihak Kominis China ini kita telahpun mengambil tindakan. Seperti mana yang saya telah sebutkan tadi dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telahpun berkata dengan jelas dan terangnya apakah kedudukan kita di dalam jawapan-jawapan di dalam Parlimen ini sama juga dengan di dalam ucapannya di luar daripada Dewan ini, tegasnya kedudukan dan kita berharap negara-negara yang ada perhubungan diplomatik ini akan menghargai dan patuh kepada apa sahaja persefahaman (understanding) yang mana di atas dasar itulah kita adakan perhubungan diplomatik di antara negara-negara luar dengan negara kita. Itulah pada ringkasnya di atas ketegasan dan kedudukan hal ini bersabit dengan congratulatory message yang telah diberikan itu, dan berkenaan dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka bersabit dengan increased terrorist activities ini. Saya rasa ini bukanlah sebabnya ataupun daripada apa-apa yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu adanya Kedutaan PRC di Kuala Lumpur ini oleh sebab pihak Kerajaan akan sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk menjaga dari segi keselamatan, dari segi apa sahaja yang perlu diambil perhatian. Saya suka mengatakan buat masa ini tidak ada yang mengatakan increased terrorist itu dengan sebab adanya Kedutaan China ini. Jadi bagi pihak Kerajaan saya memberi jaminan dari segi keselamatan di negara ini bahkan dari segi apa sahaja pihak berkuasa Pasukan Keselamatan akan bertindak dengan sewajarnya supaya menjamin keselamatan warganegara kita ataupun penduduk-penduduk dalam negara kita ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyatakan perkara yang saya tidak tahu bagaimana beliau boleh menyatakan perhubungan diplomatik dengan PRC telahpun beku, tetapi kita boleh perhatikan baru-baru ini lawatan Yang Berhormat Menteri Pertanian, ke negeri PRC dan juga lawatan-lawatan sukan (ping-pong) dan juga lawatan ahli-ahli sukan kita yang lain ke negeri China itu, adalah menunjukkan dengan jelas ada perhubungan dialog, ataupun perhubungan dari segi kebudayaan dan sebagainya dengan negara tersebut. Jadi ini sesuailah kalau beliau telah mengatakan patut ditambah lagi dan saya suka mengatakan negara kita banyak

bersahabat dengan negara-negara lain, jadi perlulah kita mengambil tindakan atas perkara yang semacam ini berdasarkan kepada persamaan, equality of treatment. Jadi sebab itulah saya rasa seperti negara PRC ini adalah satu negara yang baru kita memulakan perhubungan, maka dari satu masa ke satu masa kita akan mengkaji dengan sebaik-baiknya apa bentuk hubungan yang patut kita adakan.

Begitu juga kedudukannya seperti negara-negara lain di atas dasar untuk pergerakan, hubungan aktiviti-aktiviti seperti itu. Jadi satu perkara lagi saya rasa dalam apa yang disebut bersabit dengan memberikan facilities kepada PLO, tidaklah benar beliau mengatakan kita tidak memberikan keutamaan. Saya suka mengatakan di dalam sikap kita ini kita sanggup memberikan apa sahaja kemudahan yang perlu kepada wakil-wakil PLO dan juga seperti mana saya telah sebutkan beberapa kali di masa yang lepas bahawa sekarang kita telah menaikkan tarafnya menjadi wakil PLO di Kuala Lumpur ini. Inilah satu perkara yang memberikan penjelasan atau akuan mengenai pengakuan, mengenai penerimaan kita di atas kedudukan PLO dan di dalam majlis perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga di forum-foram yang lain Malaysia telah memainkan peranan dan sokongan yang penuh di atas perjuangan PLO supaya kedudukan PLO itu atau kebebasannya dapat diakui oleh negara-negara lain khasnya negara-negara yang diancam oleh Israel. Jadi perlulah saya nyatakan dengan jelasnya iaitu Malaysialah yang boleh dikatakan telahpun menjadi combustion untuk perjuangan PLO dalam hal kebebasan ataupun mengambil balik tanah-tanah yang telah diambil secara kekerasan oleh Israel.

Jadi tidaklah syak lagi di atas aktiviti-aktiviti negara Malaysia kita yang memainkan peranan yang besar dalam hal ini. Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas bersabit dengan negara kita patut mengadakan perhubungan diplomatik dengan negara-negara seperti Indo-China. Saya suka menyatakan sekarang ini telah ada kedutaan kita di Vientiane dan juga dahulu di Saigon dan Phnom Penh dan juga kita terhadap pada masa yang akan datang kita dapat memulihkan kedudukan kedutaan kita di sana.

Suka juga saya mengatakan seperti mana saya telah membuat perisytiharan ataupun perkataan dahulu kita berharap kita akan ada juga kedutaan kita di Hanoi, dengan ada perhubungan kita yang telah dipersetujui itu. Kita harap kedutaan kita akan dapat ditubuhkan di sana. Ini diharap akan menjadi satu perhubungan yang erat bukan sahaja di antara negara-negara ASEAN iaitu yang ada sekarang dalam ASEAN tetapi juga menjadi satu persahabatan erat antara negara-negara di dalam Asia Tenggara ini.

Di sini suka saya menyatakan juga apa yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Persatuan ASEAN ini akan menjadi satu persatuan kepada negara-negara bukan sahaja yang terdapat sekarang ini, bahkan jika ada permohonan baharu yang suka menjadi ahli ASEAN ini, pihak Ahli-ahli ASEAN sanggup menimbangkan permohonan itu. Bukanlah sebaliknya, sebab kita menolak tetapi tidak ada buat masa sekarang ini permohonan yang diterima untuk menjadi Ahli ASEAN ini daripada negara-negara yang belum menjadi ahli, tetapi duduknya di dalam Asia Tenggara ini. Saya suka menerangkan di sini atas teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah bersabit dengan kedudukan perhubungan diplomatik kita dengan PRC. Saya suka menyatakan konsep perhubungan diplomatik kita yang pertama, Tuan Pengerusi, izinkan saya kalau dalam percakapan saya termasuk bahasa Inggeris. Our primary consideration in having diplomatic relations is the consideration of our national interest which is most paramount. Jadi sekali lagi saya menyatakan oleh itu di dalam perhubungan diplomatik ini di atas dasar konsep keutamaan interest atau kepentingan negara adalah kepentingan yang utama sekali dipertimbangkan oleh negara kita dari segi mengadakan perhubungan diplomatik ini. Di dalam segi keselamatan dan sebagainya saya rasa tidaklah perlu ataupun terdapat dari segi keselamatan dengan bukti-bukti yang jelas saya rasa tidaklah perlu kita memandangkan ke belakang dari segi perhubungan diplomatik. Oleh sebab kita berharap dengan adanya perhubungan diplomatik ini, perhubungan antara Malaysia dengan negara-negara lain walaupun ideologinya tidak ada persamaan, maka kita harap perhubungan ini akan dapat diperiratkan lagi, dapat diperkukuhkan, dan dapat dketatkan

lagi dengan adanya persefahaman yang terdapat oleh pemimpin-pemimpin kita, terutama Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dengan pemimpin negara lain itu.

Ahli Yang Berhormat dari Penampang ada juga menyebut dari segi ketiadaan publisiti mengenai Sabah. Saya rasa ini sentiasalah kita membuat perhatian, dalam semua publisiti, bukanlah khusus kepada tiap-tiap satu negeri tetapi keseluruhan Malaysia termasuklah Sabah juga. Pada masa yang lepas kita telah memberikan apa sahaja dari segi publisiti kepada semua negeri termasuklah Sabah. Dan bersabit dengan tidak ada pegawai-pegawai daripada Sabah ataupun pegawai tinggi kedutaan kita dari anak negeri Sabah, saya rasa dalam perkara ini sentiasa kita menarik perhatian rakyat daripada Sabah dan Sarawak supaya menyertai perkhidmatan untuk memegang jawatan pegawai di kedutaan kita dan saya harap pada masa hadapan rakyat Sabah menyertai atau memasuki perkhidmatan pegawai kedutaan kita di seberang laut supaya sama-sama juga memahami segala kedudukan masalah yang terdapat dan yang boleh diselesaikan oleh mereka yang datang daripada Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah juga membawa perkara sikap polisi kita dengan perhubungan, itupun saya telah jawab. Saya suka mengatakan lagi bersabit dengan kedudukan peruntukan bagi penerangan tidak mencukupi, ini kita sentiasa menimbangkan dari satu masa ke satu masa di atas kedudukan ini dan saya berharap dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Matang kita dapat peruntukan yang memuaskan supaya daripada segi penerangan kita dapat memberi siberan am kepada penuntut-penuntut di luar negeri supaya dapat berhubung ataupun dari segi tindakan aktiviti-aktiviti Kerajaan ataupun apa yang berlaku di Malaysia ini dapat diberi dengan jelasnya, janganlah apa yang dibuat di sini tidak begitu mencukupi penerangannya kerana ini merbahaya. Setakat mana yang boleh kita telahpun memberi periodical, akhbar-akhbar dan juga surat-suratkhabar yang lain supaya penuntut-penuntut kita dapat membaca, tetapi untuk memberikan kepada tiap-tiap seorang yang berada di seberang laut ini adalah sangat sukar dan sulit kita memberikan kepada tiap-tiap seorang satu

akhbar, samada *The New Straits Times*, *Utusan Melayu* dan juga akhbar-akhbar yang lain. Walau bagaimanapun, dasar Kementerian Luar Negeri memberikan sekurang-kurangnya 2-3 akhbar kepada satu-satu students centers supaya students itu dapat membaca dan pada tempat-tempat yang mana tidak ada centers kita sentiasa berhubung dengan orang-orang yang boleh dikatakan menjadi president kepada persatuan penuntut-penuntut. Jadi melalui merekalah kita menghantarkan akhbar-akhbar ini supaya mereka dapat membaca dengan jelasnya di atas dasar Kerajaan, tindakan, aktiviti-aktiviti Kerajaan yang ada dibuat di dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah juga menyentuh dari segi orang-orang kita patutlah juga mengambil orang-orang siasah dan juga professional career diplomat. Kita telahpun mengamalkan kedudukan ini, sebab itulah sepertimana yang disebutkan oleh beliau bahawa tindakan-tindakan yang telah dibuat supaya difahami. Konsep ataupun dasar Kerajaan bukanlah bergantung kepada orang-orang oleh sebab professional diplomat ataupun orang siasah tetapi dasarnya adalah dibuat oleh kita di Kuala Lumpur dan sikap ini diberi kepada kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Jadi, daripada dasar inilah apa-apa ucapan ataupun statement yang dibuat oleh wakil-wakil kita ini akan within the ambit of this dasarlah yang kita perkatakan. Walau bagaimanapun, saya mengambil perhatian di atas apa yang diperkatakan oleh beliau dari segi perlunya pada satu-satu posting, iaitu orang-orang siasah patut diadakan dan amalan ini sepertimana yang telah disebutkan tadi telah diamalkan oleh pihak kita dari satu masa ke satu masa.

Mengenai locally-recruited officers atau pegawai-pegawai pengambilan orang-orang tempatan, kata beliau setengah-setengahnya pegawai tinggi. Saya tidaklah begitu bersetuju mengatakan pengambilan orang-orang tempatan di seberang laut oleh kedutaan kita pegawai tinggi, tetapi ialah pegawai-pegawai yang dipanggil "locally-recruited staff". Mereka ini hanya pada dasarnya untuk membantu pegawai-pegawai kita oleh sebab mereka ini mengetahui kedudukan dari segi adat-resam ataupun kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam negara ini. Jadi, sedikit-sebanyak perlulah kita menimbangkan kepada kemudahan-kemudahan ini yang akan memberikan pertolongan kepada pegawai-pegawai

kita yang kita hantarkan ke seberang laut. Jadi betullah apa yang diperkatakan oleh beliau iaitu mereka ini mestilah tahu bagaimanakah caranya bijih timah digali ataupun bagaimanakah caranya getah diproses, tetapi ini saya rasa tidaklah menjadi asas yang sebenarnya untuk pengambilan pegawai-pegawai itu.

Dari segi setengah-setengah mereka ini adalah bercerai dengan saudara-mara dan rindukan kepada negara kita, ini tentulah berlaku tetapi pihak Kementerian kita sentiasa melihat dari segi welfare, baikpun pegawai-pegawai sendiri ataupun keluarga mereka termasuklah anak ataupun isteri mereka. Perkara ini kita sentiasa memberi pandangan hingga kemudahan-kemudahan pelajaran kepada anak-anak mereka itu. Kita ada cadangan untuk membina sebuah hostel kepada anak-anak pegawai-pegawai kita yang dihantar keluar negeri tetapi response daripada mereka ini adalah berbeza. Buat masa sekarang ini kita tidak dapat melaksanakan cadangan untuk mengadakan sebuah asrama kepada anak-anak mereka ini, oleh sebab setengah daripada mereka suka hendak menempatkan kepada hostel ataupun asrama-asrama Kerajaan yang telah ada sekarang. Jadi tidak perlu, tidak payah diadakan sebuah asrama yang asing kepada anak-anak mereka. Jadi ini ada perbezaan. Buat masa sekarang ini kita tidak dapat mengadakan keputusan yang jelas ataupun untuk bertindak dan melaksanakan cadangan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Baram telah juga menyebutkan sedikit-sebanyak dari segi hendak memilih duta-duta kita mestilah mereka itu ada berkeliber ataupun good behaviour dan patutlah juga mereka ini tahu adat resam semua kaum-kaum ataupun puak-puak di dalam Malaysia ini. Saya suka mengatakan kita sentiasa mengamalkan ini dan saya rasa boleh dikatakan tidak ada duta kita yang telah dihantar keluar negeri yang tidak ada berkeliber. Daripada pandangan-pandangan yang kita dapat tahu, duta-duta kita ini adalah dapat respect yang tinggi daripada rakan-rakan mereka. Ini satu perkara yang saya sangat suka mengatakan dengan jelas iaitu penghargaan yang diberikan kepada Malaysia adalah melalui duta-duta kita yang telah kita lantik pada masa yang lepas yang membawa imej yang baik, perasaan yang tinggi kepada Malaysia. Hal ini juga kita sentiasa mengawasi supaya mereka ini

mengetahui adat-resam kaum-kaum atau puak-puak ini sebelum duta-duta kita dihantar keluar negeri ada juga diberikan peluang kepada mereka ke Sabah dan ke Sarawak dan juga ke negeri-negeri yang mana mereka suka mengetahui dengan jelasnya adat-resam ataupun dasar-dasar Kerajaan Negeri di negeri-negeri yang mereka suka ketahui.

Dari segi dasar berkecuali pula saya suka mengatakan boleh dikatakan Malaysia sangat patuh kepada dasar berkecuali ini. Dasar berkecuali inilah yang telah juga membawakan nama baik Malaysia di dalam international forum. Nama baik inilah yang mana betul-betul diamalkan oleh Malaysia mengikut dasar berkecuali ini yang kita telahpun baru-baru ini dapat vote yang terbanyak sekali apabila kita juga suka menjadi ahli dalam ECOSO, iaitu Ahli Majlis Ekonomi dan Sosial di dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Kita juga telah menjadi ahli di dalam kumpulan Negara-negara Islam, kita juga menjadi ahli Non-Aligned, begitu juga kita menjadi Ahli Group 77 dan kita juga menjadi ahli dalam Commonwealth. Maka daripada menjadi ahli daripada perkumpulan-perkumpulan inilah yang kita boleh dapat memainkan peranan yang besar dari segi diplomatik dan politik antarabangsa yang telah mendatangkan imej yang baik kepada kita pada masa-masa yang lampau. Jadi apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baram iaitu bukanlah kata sahaja tetapi mestilah dilaksanakan juga. Saya suka mengatakan apa yang kita kata itu, kita kotakan. Dan dengan sebab-sebab inilah yang kita boleh dikatakan berjaya dalam memainkan peranan dari segi politik antarabangsa, baikpun untuk menaikkan, juga mengadakan satu konsep ataupun mengadakan satu sekim buffer stock dengan harga getah ataupun harga-harga primary commodities seperti bijih timah dan lain-lain lagi.

Jadi, inilah yang saya suka mengatakan telah membuatkan kita dari segi ekonomi, dari segi politik kita dapat memainkan peranan oleh sebab kita telah pun mendasarkan konsep Dasar Luar Negeri kita iaitu berkecuali dengan menjalankan dasar ini betul-betul non-aligned.

Saya suka juga akhirnya menyentuh kepada apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat daripada Kuala Krai. Saya mengucapkan terima kasih kepada apa yang telah diperkatakan oleh beliau dari segi

patutlah kita mengadakan perhubungan yang rapat lagi dan yang erat dengan negara-negara di sebelah Timur Tengah. Saya suka mengatakan kita sentiasa menitikberatkan perhubungan kita dengan negara-negara saudara Islam kita yang ada di Timur Tengah. Boleh dikatakan kebanyakannya kita ada perhubungan diplomatik dengan mereka. Sungguhpun Kedutaan-kedutaan kita pada masa sekarang ini tidak dapat diadakan di sana oleh sebab, maktumlah barangkali Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sedar keadaan bukanlah Malaysia sahaja kedudukan ekonomi dalam recession dan inflation, maka setakat mana yang boleh seperti dasar austerity drive yang dibuat oleh Kerajaan kita supaya setakat mana yang boleh menangguhkan pembukaan Kedutaan kita ataupun menambahkan beban perbelanjaan kita pada masa dalam setahun dua ini. Kita berharap kedudukan ekonomi negara kita akan baik atau improve, maka dengan itu kita akan menambahkan lagi Kedutaan-kedutaan kita dengan negara-negara yang telah pun ada perhubungan diplomatik dengan kita. Jadi bukanlah kita tidak berkehendakan adanya Kedutaan kita di sana oleh sebab dari segi ekonomi dan dari segi pegawai-pegawai yang kita tidak mencukupi buat masa sekarang ini tidak dapat kita melaksanakan kesemuanya dengan serta-merta. Dengan itu buat masa sekarang kita akan beransur-ansur mengadakan Kedutaan kita dan juga mengadakan Duta-duta kita di mana disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Kuala Krai tadi iaitu buat masa sekarang ini Charge d'Affaires sahaja yang ada di Baghdad. Inilah cara buat permulaannya tiap-tiap kita membukakan Kedutaan baru kita menghantarkan barangkali first team dahulu misalnya, lepas itu diadakan dengan Charge d'Affaires, kemudian diadakan Duta Besar kita. Inilah cara kita mengendalikan penubuhan Kedutaan kita di tiap-tiap satu tempat di seberang laut.

Jadi, dengan dasar inilah, saya rasa yang saya telah sebutkan tadi dengan neutrality concept kita, kita berharap seperti mana Kuala Lumpur Declaration yang telah diadakan pada tahun 1971, ini telah menjadikan Malaysia adalah satu negara yang betul-betul ingin menjalankan konsep zone of peace, freedom and neutrality di dalam Asia Tenggara ini dan menjadikan satu perkara yang dapat diwujudkan, dengan ini membawakan konsep imej Malaysia sebagai satu konsep yang betul-betul non-aligned. Dengan

konsep ini, saya rasa yang sesuai sekali melihatkan kedudukan politik dalam dunia, maka konsep ini kita tidak syak lagi adalah satu konsep yang sesuai untuk Malaysia memperjuangkannya. Dengan nama konsep inilah yang membawakan nama baik Malaysia pada masa-masa yang lepas dan pada masa sekarang ini atas taraf yang begitu tinggi dilihat oleh mata negara-negara yang lain yang ada perhubungan dengan kita, baik di tempat-tempat yang lain yang mana negara kita tidak ada perhubungan ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang saya suka memberi jawapan sedikit-sebanyak dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan teguran-teguran. Walaupun saya tidak memberi jawapan yang specific apa yang ditegur itu, saya suka mengatakan sekali lagi iaitu saya akan mengambil perhatian.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$41,137,400 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,300,000 untuk Kepala P. 25 disetujui jadi sebahagian Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Kepala B. 26, B. 27, B. 28, B. 29 dan B. 30 (Jadual)—

Kepala P. 26, P. 29 dan P. 67 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, dengan izin, Tuan, saya membentangkan anggaran bagi tahun 1976 di bawah Kepala-kepala B. 26 hingga B. 30, Kepala-kepala P. 26, P. 29 dan P. 67 yang meliputi Anggaran Jabatan-jabatan yang termasuk di bawah portfolio Kementerian Kewangan, dan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:

<i>Anggaran Belanja Mengurus</i>			
Kepala B. 26 (Perbendaharaan)	...	...	\$ 17,419,900
Kepala B. 27 (Perkhidmatan Am Perbendaharaan)	...	...	96,613,420
Kepala B. 28 (Peruntukan kepada Wang Terkanun)	Kumpulan		273,020,000
Kepala B. 29 (Kastam dan Eksais Di Raja)	...		35,592,700
Kepala B. 30 (Jabatan Hasil Dalam Negeri)	...		20,442,800
JUMLAH			\$443,088,820

Anggaran Pembangunan

Kepala P. 26 (Perbendaharaan)	\$ 9,496,332
Kepala P. 29 (Kastam dan Eksais Di Raja) ...	3,216,030
Kepala P. 67 (Luar Jangka)	100,000,000
JUMLAH ...	\$112,712,362

Anggaran Belanja Mengurus Kementerian Kewangan bagi tahun 1975 berjumlah \$443.1 juta. Dibandingkan dengan anggaran asal bagi tahun 1975, anggaran tahun 1976 bertambah sebanyak \$235.4 juta atau 88.2%.

Tambahan sebanyak \$235.4 juta itu adalah terbahagi seperti berikut:

Perbendaharaan \$4.5 juta;

Perkhidmatan Am Perbendaharaan \$11.3 juta;

Kumpulan Wang Terkanun \$216.0 juta; Kastam dan Eksais Di Raja \$1.5 juta; dan

Jabatan Hasil Dalam Negeri \$2.1 juta.

Sejumlah besar tambahan peruntukan di bawah Kepala-kepala Perbendaharaan, Kastam dan Eksais Di Raja dan Jabatan Hasil Dalam Negeri ialah kerana peruntukan gaji kakitangan terutama sekali bagi menambah bilangan kakitangan untuk kutipan hasil. Selain dari itu ialah kerana menemui perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan termasuk alat-alat kelengkapan.

Kepala B. 27, Perkhidmatan Am Perbendaharaan, adalah bertambah sebanyak \$10.5 juta dan sebahagian besar dari tambahan ini ialah untuk perkhidmatan rahsia dan bayaran tuntutan insuran dan pampasan yang dibuat terhadap Kerajaan.

Kumpulan Wang Terkanun di bawah Kepala B. 28 memerlukan peruntukan sebanyak \$273.0 juta, iaitu bertambah sebanyak \$174.6 juta. Sejumlah \$200.0 juta di bawah peruntukan ini ialah bagi Kumpulan Wang Perbelanjaan Luar Jangka yang akan digunakan bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dapat diramalkan. Peruntukan yang kedua besarnya ialah bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan iaitu sebanyak \$55.0 juta oleh kerana bertambahnya bilangan pegawai-pegawai yang berkecukupan mendapat pinjaman, termasuk kakitangan badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa tempatan.

Anggaran Pembangunan tahun 1976 dalam Kertas Perintah 35/75

Anggaran belanja pembangunan bagi Kementerian Kewangan bagi tahun 1976 berjumlah sebanyak \$112.7 juta dan ini termasuklah \$100 juta untuk Simpanan Luar Jangka di bawah Kepala P. 67. Wang Simpanan Luar Jangka ini akan digunakan bagi menambah peruntukan perbelanjaan pembangunan apabila dikehendaki.

Peruntukan pembangunan yang terbesar sekali di bawah Kepala P. 26 ialah sebanyak \$9.2 juta sebagai pinjaman bagi rancangan perumahan di kawasan Jalan Cheras. Sebanyak \$3.2 juta di bawah P. 29—Kastam dan Eksais Di Raja—ialah untuk perbelanjaan membina rumah-rumah kediaman, pejabat-pejabat dan tempat-tempat menyimpan kereta-kereta rampasan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

4.53 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang untuk memberikan sokongan saya kepada Peruntukan sebanyak \$555,801,182 kepada Kementerian Kewangan untuk tahun 1976.

Merujuk kepada Kepala Bekalan 28, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (4) atas perkara Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Saya suka merakamkan penghargaan saya kepada Kerajaan yang telah menguntukkan \$551 juta untuk kemudahan pinjaman bagi perumahan. Kita berasa bangga, kerana Kerajaan menguntukkan wang itu untuk menggalakkan pemilikan rumah sendiri di kalangan kakitangan Kerajaan. Tetapi jumlah pinjaman yang boleh didapatkan oleh kakitangan Kerajaan berpendapatan rendah, adalah di bawah angka yang diperlukan. Banyak di antara kakitangan Kerajaan seumpama itu telah melupakan idea untuk memiliki rumah sendiri, kerana memandangkan harga rumah yang meningkat.

Sekim perumahan yang dicadangkan bersama Kerajaan telah juga dinaikkan harganya. Sebahagian dari rumah murah yang dicadangkan berharga \$12,000 telah meningkat di antara \$15,000 dan \$20,000. Akhirnya soal memiliki rumah sendiri hanya tinggal sebagai mimpi.

Perkara yang kedua, adalah berhubung dengan Syarikat atau Pertubuhan yang mengendalikan Tabung Perumahan. Walaupun agensi ini ditubuhkan untuk memberikan pinjaman, saya mendapat tahu adalah sangat sukar mendapatkan pembayaran untuk diberikan kepada kontrektor-kontrektor dalam proses pembinaan rumah-rumah itu. Pembayaran itu terkadang-kadang dilewatkan tanpa sebab-sebab yang tertentu; ini akan menimbulkan kesulitan kepada tuan punya rumah dan kontrektor. Saya telah difahamkan bahawa pengaruh yang tertentu adalah diperlukan untuk mendapatkan pembayaran segera. Sekiranya kita biarkan perkara ini berjalan tanpa disiasat, saya rasa, dalam sedikit masa lagi, amalan seumpama ini akan membiakkan perbuatan rasuah. Oleh itu, saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyiasat perkara ini untuk membetulkan keadaan.

Tuan Pengerusi, dalam perkara Kepala Bekalan 30, Jabatan Hasil Dalam Negeri. Sukalah saya merujuk perkara yang melibatkan cukai hasil pendapatan perseorangan.

Kita telah mengisytiharkan rate assessment yang baru bagi cukai orang perseorangan, tetapi kita masih mengekalkan langkah-langkah pelepasan yang sama. Seluruh dunia pada masa ini dihindangi oleh penyakit inflasi. Harga barang-barang keperluan harian melambung tinggi dan semakin tinggi setiap hari. Harga sara hidup memuncak tinggi seperti roket setiap hari. Tetapi, pelepasan masih tinggal seperti biasa.

Dengan memberikan pelepasan \$2,000 bagi setiap pencari nafkah, adalah dianggap satu jumlah yang kecil. Untuk memelihara seorang anak yang berumur lebih setahun akan melibatkan belanja lebih dari \$900 tiap-tiap tahun tetapi pelepasan yang dikenakan hanya berjumlah \$750 sahaja.

Tuan Pengerusi, saya cadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan dengan saksamanya perkara menambatkan pelepasan cukai bagi orang-orang perseorangan, terutama sekali kepada pembayar-pembayar cukai dari hasil yang diperolehi.

Tuan Pengerusi, dalam Kepala Bekalan 29, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Saya suka merakamkan penghargaan saya kepada Jabatan Kastam terhadap usaha-usaha dinamik mereka memberkas aktiviti-aktiviti

penyeludupan di seluruh negara. Untuk menyiasat kegiatan penyeludup dan pengedar dadah, dalam keadaan tugas yang susah, Jabatan Kastam kita dengan bersusah payah telah menjalankan kerja mereka dengan cemerlangnya.

Tuan Pengerusi, apa yang saya suka hendak cadangkan bahawa memandangkan penyeludupan telah menjadi satu perkara jenayah antarabangsa di mana penyeludup-penyeludup dilengkapi dengan senjata-senjata yang lebih "sophisticated" untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyeludupan mereka, oleh itu, untuk membenteras aktiviti-aktiviti itu, Jabatan Kastam adalah dirasakan perlu untuk dilengkapi dengan senjata-senjata mempertahankan diri.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya telah difahamkan bahawa Pegawai-pegawai Kastam yang bertugas di tempat-tempat yang penting biasanya dikehendaki bekerja lebihmasa (overtime) tanpa dibayar dengan sebarang elaun.

Dalam perkara-perkara biasa, Pegawai-pegawai Kastam Tingkatan Rendah diberikan tugas yang berlebihan dalam kerja-kerja overtime tambahan tanpa sebarang gaji tambahan. Terutama sekali di Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang, kita akan dapat melihat kebanyakan dari Pegawai-pegawai Rendah, bekerja hingga selepas tengah malam tanpa sebarang rehat.

Tuan Pengerusi, tugas Pegawai-pegawai Rendah ini amatlah mustahak, kerana dengan cara berhati-hati mereka menjalankan tugas, kita sentiasa memperolehi hasil yang banyak. Di samping menikmati hasil kegigihan mereka bertugas, kenapa Kerajaan mesti membiarkan mereka menderita.

Tuan Pengerusi, akhirnya, Kepala Bekalan 26, saya ingin memberikan pandangan saya terhadap perkara mengembalikan semula wang pertaruhan, yang dibayar oleh Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, adalah satu perkara yang amat sukar dan menggunakan masa yang tak berpatutan untuk mengembalikan semula Wang Pertaruhan yang dibayar untuk sesuatu tender. Dalam kebanyakan kejadian ia akan mengambil masa lebih 6 bulan. Wang pertaruhan (deposit) yang dibayar oleh peniaga-peniaga bumiputra kecil, apabila dilambatkan untuk dikembalikan semula, akan merasakan tekanan yang amat hebat untuk meneruskan perniagaan mereka.

Perkara yang lain yang suka saya nyatakan di sini ialah Wang Pertaruhan Imigeresen. Sebarang wang pertaruhan yang telah dibayar kepada Jabatan Imigeresen, tidak akan dapat dikembalikan dengan serta-merta, disebabkan kelewatan "Treasury Clearance".

Tuan Pengerusi, di sini suka saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menetapkan satu masa yang tertentu untuk mengembalikan semula wang-wang pertaruhan oleh Perbendaharaan. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, ucapan saya.

5.00 ptg.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Pengerusi, saya suka bercakap sedikit dalam perbahasan atas Perbelanjaan bagi Kementerian Kewangan dan di samping berucap di dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya menyentuh Kepala B. 26, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Economic and Financial Analysis. Saya cuma mahu menyatakan sedikit sahaja tentang ini ialah we have depended very much on the correctness of the analysis that the Treasury makes every year and looking back to the Budget, Sir, nampaknya ada forecasts of our growth rates, tahun yang ke hadapan ada nampak terlebih. It would appear that the forecast of our growth rate is very much more optimistic than what it is likely to be in terms of international conditions. Saya nyatakan komen ini, kerana untuk memberi cadangan that this Division or Section of the Treasury should be considered as a very important function of Government administration; and for that reason it might be useful, I suggest, for the Ministry to put more emphasis to the working of this Division.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, I want to touch on Kepala B. 26, Pecahan-kepala 1100 (1) (e), dan di samping itu juga Kepala B. 27, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (10), in relation to the allocation of funds to the State Governments of Sarawak. Ini nampaknya pada tahun dahulu ada juga kita memberi pandangan tentang banyaknya wang perbelanjaan yang dibenarkan oleh Dewan ini tetapi when it comes to being delivered to the State level, the time taken for the Treasury to transfer that fund has consumed a number of months by which it would make it very difficult for Government agencies to fully implement the

projects that have been approved, projects for which funds have been allocated and voted in this House. I think, Tuan Pengerusi, this is a very important point that the Treasury must always consider kerana walaupun Dewan ini memberi kebenaran beberapa banyak perbelanjaan untuk development projects atau administration jikalau perbelanjaan ini tidak datang pada masa yang sesuai Kerajaan, dan department charged with the responsibility of implementing projects would not be able to do so to the sufferance of the country and the people.

Selepas itu, saya juga menyentuh tentang Kepala B. 29, Pecahan-kepala 1300, Aktiviti (2). I refer here in particular to the conditions, in some cases, of double charge of import duty for items imported into Sarawak and Sabah. Apa yang selalu diberi jawapan pada masa yang lepas ialah kedua Negeri ini are under separate Customs areas and therefore some goods, be they imported from West Malaysia, when they are imported into the States of Sarawak and Sabah, attract additional or double import taxes. Now, if this is true, Tuan Pengerusi, saya cadangkan Kerajaan patut review this matter because people in these two States will then be penalised in having to pay additional costs on goods than their counterparts in Semenanjung Malaysia.

Kepala B. 27, Pecahan-kepala 2500. I refer now to the payment of rents to the State Government on quarters rented by Federal officers serving in the State. I know that some of these payments have again been very late in coming, barangkali ini tidak cukup dijaga atau apakah reasons. What I should like to point out here, Sir, is that this would make the State Government in many cases having to shoulder the burden of what rightly should be paid by the Federal Government and admitted to be paid by the Federal Government, because the payment of rents often-times is very late in coming.

Selepas itu, Tuan Pengerusi, I do not propose to speak very long except to wind up that in general terms, though we have the money and we are going to pass these Estimates before us, the administration of the funds must be the critical consideration. My points so far have been to point out a few examples which seem to indicate that perhaps the administration in some of these cases need tidying up.

5.10 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, di dalam muka surat 195 Pecahan-kepala 1100 di bawah Aktiviti (1) (c) Penyemakan Cukai. Saya rasa sudahlah sampai masanya pihak yang berkenaan mengkaji semula di atas kaedah jadual cukai pendapatan pada masa ini. Memandangkan keadaan sara hidup yang begitu tinggi pada masa ini dan lagi untuk memperimbangan pendapatan rakyat kita. Saya harap pihak yang berkenaan dapat mengkaji di atas permintaan orang ramai perkara-perkara yang akan saya katakan ini. Potongan cukai bagi diri perseorangan eloklah dinaikkan kepada \$3,000 dan bagi isteri dinaikkan kepada \$1,500 dan serta tiap-tiap seorang anak itu dinaikkan sebanyak \$750 sehingga anak yang ke sepuluh. Saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan perkara yang saya katakan ini adalah permintaan orang ramai kepada Kerajaan.

Seperkara lagi ialah berkenaan kelambatan pihak Penaksir Cukai Pendapatan memproses segala borang-borang yang dihantar. Kelambatan menjawab daripada pihak yang berkenaan menyebabkan orang ramai sentiasa gelisah dan tertunggu-tunggu. Kadang kala sampai dua tiga bulan barulah pihak cukai pendapatan menjawab borang yang dihantar. Perkara ini masih berlaku sehingga hari ini. Saya harap pihak yang berkenaan dapat mencari jalan untuk menyelesaikan perkara ini agar orang ramai tidak lagi bersungut.

Tuan Pengerusi, di dalam Kepala B. 26, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (10) Pinjaman Perumahan, muka surat 196. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1972 berdasarkan kepada gaji hakiki seorang pegawai Kerajaan untuk mendapatkan peruntukan pinjaman adalah seperti berikut:

Saya mohon izin untuk membaca sedikit daripada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1972 seperti mana yang tercatat di sini:

“Daripada \$115 hingga \$199 jumlah maksimum yang layak dipinjamkan ialah sebanyak \$6,000.

Daripada \$200 hingga \$249 sebanyak \$8,000.

Daripada \$250 hingga \$299 sebanyak \$9,000.

Daripada \$300 hingga \$399 dan seterusnya \$11,000.

\$750 hingga \$799 sebanyak \$25,000.

\$1,000 hingga \$1,149 sebanyak \$32,000.”

Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah bagaimana pihak yang bergaji kecil boleh memiliki sebuah rumah dan tanah dengan harga \$6,000 atau \$9,000. Setahu saya sebuah rumah yang didirikan oleh pihak swasta ataupun Perbadanan Kerajaan Negeri harganya lebih kurang \$26,000 sebuah. Kalau beginilah keadaannya sudah pasti pihak yang bergaji kecil tidak akan memiliki rumah hinggalah mereka bersara kelak. Kepada pegawai Kerajaan yang bergaji \$1,000 ke atas berpeluang untuk mereka memiliki rumah dan tidak menjadi soal lagi.

Suka juga saya mencadangkan di sini agar pihak Kerajaan memberi mereka tanah dan di atas tanah tersebut dapatlah mereka mendirikan rumah dengan peruntukan pinjaman yang diuntukkan kepada mereka. Apa yang menjadi soal sekarang ini ialah tanah untuk mendirikan rumah. Saya harap perkara perumahan untuk pegawai-pegawai Kerajaan ini hendaklah diselesaikan dengan secepat secepatnya.

5.14 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada Kepala B. 29 mengenai Kastam dan Eksais Diraja, Pecahan-kepala 1100, muka surat 209, Aktiviti- (3) Pencegahan dan Perlaksanaan. Atas perkara ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada masaalah dan kesudahan yang dihadapi oleh agensi pengedar atau Forwarding Agents bukan bumiputra dan pelanggan-pelanggan mereka di Pelabohan Kelang akibat satu peraturan yang dibuat oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja mengenai pengeluaran lesen-lesen kepada agensi-agensi pengedar yang tersebut. Peraturan yang dibuat oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ini mengatakan bahawa agensi-agensi bukan bumiputra yang wujud sekarang hanya dibenarkan mengambil pelanggan-pelanggan baru sekiranya agensi-agensi mempunyai 51% atau lebih penyertaan bumiputra di dalam pemilikan dan pekerjaan.

Dasar ini tidaklah lojik dan patut dikesalkan mengenai pengeluaran lesen-lesen kepada agensi-agensi pengedar bukan bumiputra. Peraturan ini telah menimbulkan banyak kekuatiran dan kebimbangan di kalangan perniagaan sektor swasta bukan bumiputra.

Tuan Pengerusi, adalah tidak adil bagi pihak Kastam enggan memberi kebenaran kepada agen-agen bukan bumiputra yang ada iaitu agen-agen yang mempunyai kurang daripada 51% penyertaan bumiputra dan juga peniaga-peniaga milik keluarga mengambil pelanggan-pelanggan baru sungguhpun dalam kes-kes di mana pelanggan-pelanggan yang ada pun telah berkurangan. Selanjutnya pengambilan pelanggan-pelanggan baru sepatutnya janganlah dianggap sebagai perkembangan ke atas kemajuan perniagaan biasa seperti mana sebuah kedai runcit akan menambah penjualannya atau menambahkan pelanggannya. Sebarang penghidupan kepada kemajuan akan mendatangkan akibat buruk kepada peniaga yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, peniaga agensi pengedar adalah sangat penting dalam proses pembahagian barang-barang, kecekapan khidmat dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh agen-agen pengedar ini sangatlah mustahak kepada pengimpot-pengimpot dan juga pengeksport-pengeksport. Oleh hal yang demikian, kami ingin menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya memberi satu penjelasan atas peraturan yang dibuat oleh pihak Kastam ini. Kami juga meminta Yang Berhormat Menteri supaya memberi satu jaminan bahawa perniagaan agensi-agensi pengedar dibiarkan berkembang maju dan seterusnya, kami juga berharap pihak impot dan eksport dapat diberi hak untuk melantik agensi-agensi pengedar ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala B. 26—Perbendaharaan, muka surat 196, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (9) Analisa Cukai. Di bawah perkara analisa cukai saya ingin mencadangkan kepada Dewan ini bahawa Yunit Penyelidik dan Perancang Bahagian Cukai Perbendaharaan patut mengkaji dan merekomendasikan perubahan-perubahan structure di dalam sistem cukai bagi menentukan bahawa ianya boleh menjadi satu alat yang dinamis dan active bagi menubuhkan satu masyarakat yang saksama. Yunit ini patut mencari jalan atau cara-cara yang sesuai, yang lebih elok dan berkesan untuk memudahkan beban cukai

kepada kumpulan-kumpulan orang yang berpendapatan tinggi oleh kerana pada masa ini cukai-cukai atau direct taxation hanya menjadi 41% daripada jumlah cukai. Saya juga mencadangkan supaya yunit ini patut merekomendasikan cara-cara yang berkesan bagi mengstrukturkan semula Undang-undang Cukai Pendapatan dan mengubah pengecualian dan kadar cukai pendapatan untuk menentukan bahawa cukai pendapatan tidak akan dikenakan kepada mana-mana pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung sara hidup, kesihatan kecekapan diri seseorang itu dan keluarganya. Usaha mengstruktur sistem cukai ini adalah sangat penting sekiranya kita ingin menyumbang kepada penghapusan kemiskinan yang selalu ditegaskan oleh Kerajaan di dalam rancangan-rancangan pembangunannya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Kepala B. 30, muka surat 216, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Penaksiran Cukai-cukai. Atas perkara penaksiran cukai ini saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada keadaan yang menyedihkan yang dihadapi oleh penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang miskin apabila mereka diminta oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mengisi borang penaksiran dan melaporkan pendapatan mereka untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Perkara ini timbul apabila peniaga-peniaga kecil yang tersebut telah didaftarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan dan selepas itu mereka menerima borang-borang penaksiran untuk diisi dan dikembalikan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Ingin saya menyatakan di sini bahawa pengisian borang penaksiran telah mengakibatkan banyak kesusahan kepada penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang miskin dan yang tidak mampu mendapat perkhidmatan akauntan-akauntan untuk mengisi borang-borang tersebut. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan di sini supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mencari jalan-jalan yang boleh mengecualikan mereka daripada mengisi borang-borang penaksiran itu. Di sini saya ingin menyebutkan bahawa adalah sukar bagi penjaja-penjaja atau peniaga-peniaga kecil mengisi borang-borang penaksiran cukai oleh kerana mereka tidak menyimpan akaun-akaun dan lain-lain rekod mengenai apa yang dijual oleh mereka. Jika cadangan saya tidak dapat diterima, maka saya juga merayu kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri supaya membenarkan penjaja-penjaja atau peniaga-peniaga kecil mengisi dan menghantarkan borang-borang penaksiran 5 tahun sekali.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Kepala B. 26 Perbendaharaan, Activiti (i)—Pentadbiran Am di muka surat 195. Tuan Pengerusi, saya mahu menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang satu perkara yang mempunyai kepentingan umum yang besar. Ini adalah berkaitan dengan kadar bunga yang ditetapkan oleh bank-bank perdagangan atas pinjaman perumahan untuk membantu pembeli rumah. Saya selalu ada menerima sungutan-sungutan daripada pembeli-pembeli rumah bahawa kadar bunga atas pinjaman perumahan tidak ditetapkan selaras dengan kadar bank yang diumumkan oleh Bank Negara.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I have come to understand that during this year Bank Negara has announced the reduction of bank rates three times—the first in February, the next in May and the recent one in August—all totalling $1\frac{1}{2}\%$. It would automatically follow that once the prime rate is reduced, the banks should also follow suit; just as once the prime rate is increased, the bank rates will also be increased. However, Mr Chairman, Sir, although Bank Negara has reduced by $1\frac{1}{2}\%$ the bank rates for this year, it has been brought to my attention that the commercial banks have only reduced by $\frac{1}{2}\%$ the interest rate in respect of housing loans, and not by $1\frac{1}{2}\%$ as should have been the case.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian, saya hendak menggesa Perbendaharaan yang berkenaan supaya menggunakan jasa baik mereka untuk menolong mengurangkan lagi kadar bunga bagi pinjaman perumahan dari bank-bank perdagangan supaya pembeli-pembeli rumah tidak perlu memikul tanggungan yang berat ini.

5.24 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong Perbelanjaan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya hendak bercakap Kepala B. 29 muka surat 210, Pecahan-kepala 1300 berkenaan dengan Kastam dan Eksais Di Raja—Pencegahan dan Pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, memandang kepada zaman yang serba maju pada hari ini bukan sahaja di pihak-pihak Kerajaan atau pihak-pihak yang membuat kebaikan yang serba lengkap dan modern bahawa anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab baik pihak penjahat ataupun perompak-perompak segala-galanya menggunakan taktik-tektik yang baik dan alat-alat yang modern. Maka dengan sebab itu, apa yang dikatakan oleh rakan saya Ahli dari Sungai Siput tadi saya amatlah menyokong, dan menambah bukan sahaja dilengkapi dengan senjata-senjata yang modern, tetapi dilengkapi juga dengan pegawai-pegawai Kastam ini dengan latihan-latihan yang cukup yang boleh dikatakan seakan-akan tentera. Begitu juga kelengkapan-kelengkapan lain seperti bot-bot itu lebih laju daripada bot-bot yang digunakan oleh pihak-pihak yang menyeludup atau pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melarikan cukai. Kita dapati pada hari ini kalau pihak kita menyediakan satu alat yang tidak boleh lari lebih daripada 60 b.s.j. sedangkan alat yang digunakan oleh pihak-pihak antinasional ataupun yang menyeludup lebih deras daripada alat yang digunakan oleh kita, walaupun dihambat oleh Kastam beberapa haripun untuk menangkap pihak yang berkenaan tidak dapat. Maka dengan sebab itu, saya berharap pihak Kerajaan melengkapkan dengan cukup. Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi tentang taktik-tektik. Kita baca dalam akhbar pada hari ini dan kelmarin satu kejadian di Ipoh, sebab taktik yang pandai oleh seorang Pegawai, ia bukan seorang Pegawai Kastam, tetapi Pegawai Polis dengan taktik yang pandai dan ada pula senjata ia dapat membunuh seorang perompak yang cuba merompak ataupun mengambil rantai leher anaknya sendiri.

Begitu juga yang saya tahu satu kejadian di negeri saya sendiri, Perlis, 3 hari yang lepas, oleh sebab satu taktik yang digunakan oleh 2 orang perompak dalam satu kedai, kita baca akhbar pada hari ini perompak yang berkenaan dahulu dapat kecederaan, sebab dengan menggunakan satu taktik berpura-pura mati akhirnya pihak yang menikam tadi leka dan dianggapnya pihak perompak ini sudah mati, akhirnya pihak perompak balik dapat membunuh pihak yang berkenaan. Inilah sebabnya saya katakan selain daripada senjata-senjata, taktik-tektik adalah satu perkara yang perlu diajar dan diberi kepada pihak-pihak Kastam.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat Pegawai-pegawai Kastam ini janganlah terlampau lama sangat di satu-satu tempat, saya fikir tidak lebih daripada 3 tahun. Maklum manusia, 1001 macam akan terjadi. Kalau ditukarkan tidaklah sempat membuat sesuatu perhubungan dengan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk membawa masuk benda-benda yang tidak dibayar cukai.

Tuan Pengerusi, saya dapat sungutan yang sebenar daripada Pegawai Kastam sendiri dan tidak payahlah saya menyebutkan nama tentang naik pangkat. Saya fikir selain daripada kebolehan dan kelulusan, maka kemahiran atau dari segi seniority ditimbang untuk kenaikan pangkat bagi satu-satu jawatan Pegawai Kastam. Kadang-kadang yang terlampau baru tetapi kerana pandai, saya minta maaf, pandai bodek ataupun pandai 'jack' pihak atasan dengan mudah dapat naik pangkat, sedangkan pegawai-pegawai yang mengikut peraturan yang sebenar tunggu begitu lama sampai bertahun-tahun. Dengan sebab itu, saya berharaplah lebih berhati-hati daripada Kementerian yang berkenaan tentang hal ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri, setahu saya Cukai Eksais berkenaan gula, khususnya di Perlis, Kerajaan telah mendapat perolehan sebanyak \$10 juta. Jadi kalau sungguh berita ini benar oleh sebab negeri Perlis sebuah negeri yang terlampau kecil dan pendapatannya pula terlampau sedikit disebabkan hasil-hasilnya tidak banyak seperti negeri-negeri lain, maka saya merayulah kepada pihak berkenaan supaya cukai yang dapat daripada hasil negeri Perlis patutlah dikembalikan, kalau tidak dapat 50% diberi 20% untuk membantu Kerajaan Negeri Perlis yang begitu meleset.

Tuan Pengerusi, tentang penilaian cukai-cukai, kita sama-sama dengar yang mana banyak daripada Wakil-wakil Rakyat berasa dukacita di atas cukai-cukai yang telah dikenakan oleh Kerajaan terutama peniaga-peniaga kecil dan sebagainya. Mengikut pendapat saya banyak lagi cukai-cukai yang patut kita pungut yang hari ini masih ketinggalan. Izinkanlah saya menyatakan walaupun perkara ini harus ada kaitannya dengan Kementerian, tetapi oleh sebab cukai tentulah tertakluk di atas Kementerian yang berkenaan. Bagi cukai-cukai industri yang besar-besar ini kita kecualikan daripada cukai. Saya berpendapat kita menetapkan taraf perintis sampai

lima tahun tetapi mereka bukan bekerja lima tahun bahkan mereka bekerja sehingga lima belas tahun. Saya kata begitu kerana mereka ini memenuhi masa selama 24 jam. Sepatutnya mengikut kelaziman manusia patut bekerja lapan jam sehari, tetapi kepada industri-industri yang berkenaan telah bekerja sehingga 24 jam dengan menggunakan segala alat-alat yang ada di Malaysia supaya cepat habis dan kita tidak boleh mendapatkan banyak pekerjaan dan pendapatan yang lain. Ini bererti kalaulah kita memberi taraf perintis ataupun pengecualian cukai lima tahun bukan bererti lima tahun, tetapi mereka dengan sendirinya bekerja sampai 15 tahun. Ini yang amat menyedihkan seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi mengenai cukai penjaja, cukai pendapatan perseorangan ini semuanya cukai yang kecil-kecil, tetapi kalau kita titikberatkan cukai-cukai yang besar seperti mana yang saya katakan tadi kita akan memperolehi cukai yang banyak dan akan menambahkan hasil kepada negara.

5.32 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson):

Tuan Pengerusi, saya mohon izin bercakap bahasa Inggeris di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia. Saya ingin bercakap di bawah dua Kepala B. 27, Pecahan-kepala 2800, Aktiviti (1)—Komisyen kepada Lembaga-lembaga Tempatan kerana memungut Hasil Persekutuan, muka surat 204 dan Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (1)—Bantuan kepada Lembaga-lembaga Tempatan kerana Cukai Tempatan, muka surat 205.

Tuan Pengerusi, di bawah Komisyen kepada Lembaga-lembaga Tempatan saya lihat cuma sejumlah \$10 sahaja telah diuntukkan untuk tahun 1975 dan 1976. Sebaliknya, komisyen-komisyen untuk Jabatan Perkhidmatan Pos yang tertulis di bawah Pecahan-kepala 2800, Aktiviti (5) telah ditambah daripada \$50,000 dalam tahun 1974 kepada \$70,000 dalam tahun 1975 kepada \$120,000 dalam tahun 1976.

(Dengan izin) We cannot understand why no commission has ever been paid to the Kerajaan Tempatan as they are collecting a substantial amount of revenue for the Treasury. For example, in 1975, the Telok Anson Local Government has contributed no less than \$82,000 in the form of Education Rate to the Federal Government but the Local Authority receives nothing in return. One

might like to argue that the Federal Government gives an annual grant of \$22,000 to the Kerajaan Tempatan Telok Anson, but that is given as rate in lieu of assessment on Federal property situated within the jurisdiction of the said Local Authority.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

In other words, it is actually assessment and unless exempted, everybody pays assessment in the towns. Looking from that point of view, the Federal Government, while taking \$82,000 from the Kerajaan Tempatan Telok Anson, has given nothing in return. It may also be of interest to the Ministry of Finance to know that the rate given in lieu of assessment is based on the value of the Federal property in 1966 and such value has never been revised since then.

Tuan Pengerusi, it is common knowledge that most of the local authorities operate with an extremely small budget. Their financial resources are limited, they have little or no reserve fund and they cannot borrow without the sanction of the State Government. The main source of revenue of a Local Government is assessment, but when the ratepayers are in arrears in their assessment payments, as they often do, a Local Authority is put in a tight spot. Very often, it has no money even to pay its *kakitangan* at the appointed date. The Federal Government does not make it any easier for the Local Authority by requiring it to pay fixed instalments of the Education Rate at fixed intervals, scrapping the old practice of allowing the Local Authority to pay the rate from time to time in proportion to the amount of assessment actually collected. The financial situation of the Local Government was further aggravated during the last two or three years when they have had to implement the various new salary schemes. The Local Authorities are thus reduced to function as no more than assessment collecting centres, collecting just enough to pay their staff. There is hardly any surplus of funds even for very minor repair works, let alone for new development.

Tuan Pengerusi, as the Federal Government pays commission to the Postal Services Department, I appeal to the Ministry not to deprive and deny the local authority particularly the Kerajaan Tempatan Telok Anson similar benefits for services rendered, because

the local authorities, by any stretch of imagination, are far more in need of financial assistance than the Postal Department. I also appeal to the Ministry to increase its aid in rate to the Kerajaan Tempatan, Telok Anson since the said Local Authority contributed so much to the Federal Government.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh Kepala B. 27, Pecahan-kepala 1400, Aktiviti (3)—Pemberian untuk jalanraya kepada Majlis Perbandaran. Tuan Pengerusi, it means exactly what it says, i.e. the grants are strictly for roads only and the money cannot be applied to the repair and maintenance of drains. As a result, while the few main roads are fairly well maintained, the drains within the local authority are constantly in a state of disrepair. I, therefore, propose that “perkataan” or “wording” untuk aktiviti ini dipinda to read “Grants for roads and drains to Local Authorities”, so that the money can be utilised for the maintenance of drains as well.

Akhirnya, I would like to touch on Kepala B. 28, muka-surat 208, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (4)—Kumpulanwang Pinjaman Perumahan. Tuan Pengerusi, our Government has given housing loans to our top civil servants, our Division I and II officers, our teachers, etc., but Government servants at the lowest rung of the service, the lowest-paid workers who clean our drains, sweep our road, collect our refuse, remove our night soil, are staying in quarters of the worst and indecent kind. In Telok Anson, some of the workers actually live in converted smoke-houses because of lack of appropriate accommodation. The mentality that the lowest-paid workers should also live in the most lowly conditions must be changed. I am, therefore, taking this opportunity to appeal to the Government to extend this housing loan facility to our anti-mosquito sprayers, our mandores, our sweepers, scavengers and so on so that they too can own houses and live in dignity.

5.40 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sepatah dua tentang Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri berkenaan dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Pengerusi, perkara yang pertama yang saya hendak sentuh ialah tentang Kepala B. 30, muka-surat 216 Penaksiran Cukai-cukai atau Assessment of Taxes.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I refer to the Assessment of personal tax which includes gratuities. It has been brought to my attention that those who get gratuities, after serving a long time, have their gratuities taxed as well. I believe that I am right in saying that those who attained the age of 55 and have received their gratuities are not taxed. I also believe that I am right in saying—and I stand corrected if I am wrong—that the gratuities of those Government servants who retire by way of optional retirement after the age of 50 are not taxed. Now, unfortunately, when a chap in the private sector gets his gratuity after the age of 50 but before the age of 55, his gratuity is taxed.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya, ini tidak adil oleh kerana seorang yang bekerja seumpamanya 20 hingga 30 tahun di lapangan swasta dan mendapat ganjaran seumpamanya \$30,000, itu kena ditaksirkan kalau sekiranya beliau tidak sampai umur 55 tahun. If what I say is right, then there is, of course, this discrimination as between Government servants and those in the private sector, and this is not desirable in the interest of justice in this country.

The other thing, of course, is that it does seem very hard on a person who has worked hard for about 20 to 30 years to get a gratuity, let us say, of \$30,000 and—most of us do not bother about whether the gratuity is going to be taxed or not—so he makes his plans accordingly and he earmarks a house and when he retires in the private sector and gets his gratuity, he hopes to pay for the house; but then when he gets the gratuity, he is told that he has to pay tax on it. Because it is such a big sum to him, the tax is also a big sum to him, and this causes a great deal of not just “susah hati”, particularly when he finds that his counterpart in the Government service in the same position is not taxed, but he also finds himself greatly inconvenienced because he has already committed himself. I would appeal to the Government to look into this angle and if what I say is right that the gratuity of a person in the private sector when he retires after reaching the age of 50 but before the age of 55 is taxed while the gratuity of his counterpart in the Government Service is not taxed, then this

should be put right. I think that the Government is generous enough to exempt tax on the gratuity of persons who have reached the age of 55. For those who have not reached the age of 55 and those who have contract with the Government and get gratuities, I say that they should be taxed, but not those who have reached the age of 55.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh sedikit tentang muka surat 206, Pecahan-kepala 4200 (5)—Pampasan kerana kerosakan disebabkan oleh Pasukan Keselamatan (Compensation for Damage caused by Security Forces) berjumlah \$1,000,000. I see that the compensation has risen from \$20,000 for 1975 to \$1,000,000 for next year. Now, it is in inevitable because when Security Forces go on operations, we do realise and we accept the fact that damage is caused to civilian property. But I am not so concerned over the question of compensation or over the increase of \$20,000 to \$1,000,000. What I would like to bring to the attention of the Minister and through him to his colleagues in the Security Forces is that damage to civilian property should be decreased and should be kept to the barest minimum, not just to prevent Government paying out compensation but because of the ill-feeling that it causes. That is very important, Tuan Pengerusi, because in this battle against militant communism, one must see that one does not damage property because any damage to any civilian property naturally causes ill-feeling and you really cannot get the co-operation of any civilian if you damage his property.

The other thing that I finally wish to touch on very briefly is this question of exemption of taxes for fruits from China during the coming Chinese New Year. The Chinese New Year is not very far off, it is at the end of January, 1976, which is barely one and three-quarter months away, and I do hope that the Government as in the past will continue to exempt for a limited period of time the fruits imported from China from the increase of duty that has just been imposed, so that Malaysians of Chinese origin can enjoy once in a year at least the fruits that traditionally Chinese have been enjoying.

5.45 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, saya suka bercakap secara ringkas berkenaan dengan Kementerian tersebut di bawah Kepala B. 26 sehingga B. 30—

Pecahan-kepala 4200 dan seterusnya. Dalam tujuan-tujuan Kementerian tersebut ada tercatat iaitu berkenaan dengan kepincangan cara-cara penggunaan kewangan negara masih berlaku. Di dalam muka surat 4 dalam Anggaran Belanjawan, 1976 dicatitkan perkara iaitu:

“Melalui dasar-dasar kewangan yang telah ditetapkan, Perbendaharaan bertugas untuk memperoleh serta membahagikan peruntukan-peruntukan kewangan dengan cekap lagi berkesan supaya matlamat negara tercapai”.

Saya suka dan ingin hendak berkata di sini iaitu kepincangan yang disebutkan di dalam Anggaran ini tidak akan berlaku kalau sekiranya sebagaimana pengalaman saya sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara iaitu kerjasama. Dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di atas teguran terhadap semua Kementerian dijalankan. Kalau diperhatikan dalam buku Lapuran Juru Odit Negara yang sepatutnya dibincangkan dalam Jabatan Juru Odit, tetapi di sini patut dan molek saya tarik perhatian kerana bersangkutan dengan kewangan negara iaitu perbelanjaan yang lebih masih dibenarkan, maknanya anggaran tidak dibuatkan dengan begitu teratur sehingga berkehendakkan satu peruntukan yang berlebihan selalu terjadi di dalam tiap-tiap tahun. Dan ini melibatkan kewangan negara kita dengan tidak begitu teratur dan tidak begitu baik.

Lagi satu suka saya sebutkan di sini, baik saya nyatakan dalam Buku Lapuran Juru Odit, 1972 muka surat 121 sebagai contoh iaitu peruntukan yang berlebihan yang masih belum dibenarkan pada 31hb Disember, 1973 berjuta-juta ringgit. Ini adalah satu perkara yang menunjukkan bahawa kematangan pihak Kementerian kita menyediakan peranggaran dengan tidak begitu teratur dan dalam penyediaan rangka-rangka Anggaran Perbelanjaan itu patut pihak Kementerian ini selalu menitikberatkan di atas teguran pihak Juru Odit, teguran pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang telah dengan begitu susah payah menunjuk perkara yang baik untuk dijadikan asas bagi perbelanjaan dibuat oleh Kementerian tersebut. Segala teguran-teguran daripada pihak Juru Odit itu tidak diambil hirau, hanya diletakkan sebelah sahaja sebagaimana terjadi tiap-tiap tahun oleh tiap-tiap Kementerian, bukan hanya Kementerian Kewangan sahaja tetapi tiap-tiap Kementerian

tidak diambil hirau. Tegasnya sebab saya berkata begitu ialah daripada buku Lapuran Juru Odit Negara terdapat syorsyor dan perhatian-perhatian yang dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atas Kira-kira Awam yang belum dilaksanakan atau tindakan oleh pihak berkenaan. Jadi bermaknanya satu tindakan pun tidak diambil hirau oleh pihak-pihak Ketua Jabatan, tegasnya perhatian berat akan ditujukan kepada Kementerian Kewangan yang tidak langsung menghiraukan di atas teguran-teguran ini. Inilah satu perkara yang boleh membawakan kepincangan kewangan negara. Kalau sekiranya Kementerian Kewangan bekerjasama dengan pihak Juru Odit dengan baik, licin dan kemas dan juga semua Kementerian dengan tenaga yang satu mengukuhkan kedudukan kewangan ini adalah memberi erti yang baik pada masa hadapan kewangan kita.

Perbelanjaan yang lebih saya katakan sekali lagi tiap-tiap tahun yang diminta dalam Parlimen ditambahkan itu akan menjadi kedudukan kewangan kita selalu kelam-kabut dan kucar-kucir. Tegasnya harapan saya dalam teguran saya dalam Kementerian ini iaitu selalunya saya minta pihak Kementerian Kewangan dan juga semua Kementerian yang lain-lain memberi jawapan yang memuaskan di atas segala teguran-teguran berkenaan dengan penggunaan kewangan negara ini dan jangan hanya pandang sepi sahaja oleh pihak-pihak tersebut. Saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri-menteri yang bertanggungjawab dari ke semua Kementerian. Perkara ini kalau saya tidak bercakap dalam Parlimen tentu tidak akan menarik perhatian pihak Menteri-menteri yang tersebut kerana hanya Ketua-ketua Jabatan sahaja yang bertanggungjawab. Jadi harapan saya kepada pihak Yang Berhormat Menteri-menteri supaya menitikberatkan di atas teguran-teguran yang diberikan oleh pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berkenaan dengan perkara-perkara pelaksanaan kewangan dalam tiap-tiap Kementerian.

Akhirnya, saya katakan sekali lagi sebagai mana selalu dalam teguran-teguran pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan juga Juru Odit Negara, iaitu penyediaan anggaran yang stabil, yang baik patut disediakan supaya jangan permohonan tambahan dan berlebihan tidak akan berlaku dua atau tiga kali dalam setahun.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya boleh benarkan seorang sahaja lagi bercakap dan selepas itu.

Tuan Tan Cheng Bee: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Tolong duduk masa saya bercakap. Saya tidak suruh Ahli Yang Berhormat bercakap lagi, saya hendak bercakap dahulu. Cuma seorang sahaja lagi yang saya hendak beri peluang bercakap dan selepas itu saya akan jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab. Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

5.55 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya suka bercakap di bawah Kepala B. 30, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, oleh kerana pendaftaran peniaga di Semenanjung Malaysia kena membaharui pada tiap-tiap tahun, pada fikiran saya tentu ramai peniaga-peniaga yang lewat membaharui pendaftarannya bukan dengan sengaja, tetapi bila lewat mereka membaharui lesen di dalam masa satu minggu sahaja peniaga-peniaga ini dikenakan denda antara \$10 ke \$20, kalau saya tidak salah. Di dalam perkara ini saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh benarkan "allowance" dalam membaharui satu bulan daripada masa yang lesen itu tamat, kerana membaharui ini tiap-tiap tahun tentu ramai orang terlupa akan tarikh itu dan kalau beri satu bulan allowance barangkali patut kepada peniaga itu boleh baharui lesen dengan tidak payah kena bayar denda.

Lagi satu perkara saya suka bercakap di bawah Kepala dan Pecahan-kepala yang sama, iaitu Stamp Office. Saya telah meminta dalam masa satu-dua tahun yang lepas sebuah cawangan Pejabat Setem di Bukit Mertajam untuk penduduk-penduduk di Seberang Prai kerana penduduk-penduduk di Seberang Prai kebanyakannya ialah orang-orang daripada luar bandar dan saya rasa kalau penduduk-penduduk di luar bandar kena pergi ke Pulau Pinang untuk hendak buat satu statutory declaration atau satu surat sumpah dan lain-lain, saya fikir bukan sahaja rugi perbelanjaannya, barangkali kena buang masa dalam satu hari. Itulah harapan saya kerana hendak menolong penduduk-penduduk di Seberang Prai saya minta mengadakan sebuah Cawangan Pejabat Setem di

Bukit Mertajam, kerana saya fikir di Bukit Mertajam ialah satu tempat yang betul-betul di tengah Seberang Prai. Itulah sahaja saya harap diambil perhatian kerana sudah bertahun-tahun kita minta didirikan sebuah cawangan Pejabat Setem di Bukit Mertajam tetapi tidak dapat. Jadi, saya haraplah di dalam tahun 1976 difikirkan bagaimana caranya kita boleh dapat didirikan sebuah Pejabat Setem untuk penduduk-penduduk di Seberang Prai.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.58 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran atas peruntukan Kementerian Kewangan dan ada juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang butir-butir dalam peruntukan ini. Oleh kerana ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap dalam bahasa Inggeris, saya harap mendapat izin Tuan Pengerusi di mana yang sesuai saya bercakap dan memberi jawapan dalam bahasa Inggeris juga.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah menyentuh tentang beberapa perkara termasuklah kelayakan kakitangan yang berpendapatan rendah supaya mendapat pinjaman yang mencukupi untuk membina rumah ataupun mendirikan rumah mereka sendiri. Seperti mana saya telah terangkan dalam dewan ini dahulu Kerajaan memang sedar bahawa kelayakan kakitangan pegawai-pegawai Kerajaan supaya mendapat pinjaman itu sekali sekala tidak mencukupi untuk membeli rumah yang didirikan oleh syarikat perumahan. Ini satu masaalah yang rumit oleh kerana bukan sahaja peruntukan wang yang tidak mencukupi untuk rancangan ini, tetapi tanggungjawab seorang kakitangan Kerajaan supaya membayar balik pinjaman itupun satu masaalah yang patut dihadapi oleh pegawai-pegawai tersebut, dan kakitangan yang tersebut dan kemampuan mereka adalah satu faktor yang penting sekali bila kita mengkaji samada kelayakan pinjaman ini patut dinaikkan ataupun tidak, tetapi ada juga rancangan supaya mengkaji balik kelayakan kakitangan itu tetapi satu keputusan muktamad belum diambil lagi.

Ahli Yang Berhormat ada juga menyentuh tentang cukai pendapatan dan berkaitan dengan pelepasan pendapatan perseorang. Perkara ini juga disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan setakat ini tidaklah ada cadangan supaya melonggarkan kadar-kadar pelepasan cukai untuk isteri dan anak dan saya telah ambil perhatian bahawa ada seorang Ahli Yang Berhormat yang telah mencadangkan supaya hak ini dinaikkan kepada 10 orang anak. Ini telah berlawanan dengan dasar Kerajaan yang mengadakan Perancang Keluarga.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput ada juga meminta supaya pihak Kastam mendapatkan latihan dan alat-alat moden supaya mencegah penyeludupan. Sememangnya ada juga latihan diberi kepada pegawai-pegawai Kastam, bukan sahaja di sini bahkan di luar negeri juga dan Kerajaan pun sedar bahawa pihak-pihak penyeludup yang tidak bertanggungjawab itu ada juga mendapat lanci-lanci yang moden dan pihak Kastam sentiasa mengambil berat tentang ini dan ada juga rancangan itu supaya mendapatkan kelengkapan yang lebih moden lagi dan ada kemungkinan pihak Kastam akan mengadakan satu komputer supaya boleh menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti mencegah penyeludupan.

Wang pertaruhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak sedar ada kelewatan membayar balik wang pertaruhan kepada kontrekter-kontrekter oleh kerana sekarang ini Kerajaan dan Kementerian saya telahpun bersetuju jikalau seorang kontrekter boleh menawarkan satu bank guarantee tidak payahlah kontrekter itu memberi wang tunai sebagai wang pertaruhan. Jikalau ada kes-kes terlambat pun barangkali ini ialah kerana tender-tender yang ditawarkan oleh kontrekter-kontrekter itu sedang diproses dan barangkali dalam kes tersebut satu keputusan yang muktamad tidak diambil samada tawaran itu berjaya ataupun tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Kanowit telah menyentuh tentang mustahaknya supaya kakitangan dan pegawai-pegawai dalam bahagian Economic and Financial Analysis mengadakan pengalaman dan juga memberi satu ramalan atau forecast yang tepat lagi.

(*Dengan izin*) He says, Sir, that this is important because he thinks that our forecasts have been optimistic. With the best will in the world and with the best economists in

the world at this stage of time, there has been no one person or persons who will be brave enough or accurate enough to say what will happen in the next few months or in the next few years. All we can do is given the best reports we have, given the best indicators we have, to try and make an intelligent assessment of what may be forthcoming. It is a subjective view whether the forecasts are optimistic or pessimistic. That is a matter of judgement and a subjective evaluation. What we have tried to do is to try to be as objective as possible. If we have been proved too optimistic, it means perhaps we might have misread some indicators or we may have seen in some indicators a more optimistic trend than is the case. But at this point of time, Sir, it would be I think a little early to say whether we have been optimistic or indeed pessimistic.

The other question he brought up was the question of allocation of funds for the States and the time taken to transfer funds to the States. There must be borne in mind two factors here: one, of course, is the allocation of funds to States which are made mandatory by Constitutional arrangements. For instance, we are required to make grants to the States for capitation, in other words, by population census. We are also required to make grants to States by way of road guards. Those are statutory grants and there should be no delay in such grants. The other type of allocation made to States would be either in the terms of loans or equity, loans to State Governments for projects that State Governments wish to embark upon. Here, Sir, I would admit that there will be some delay because in very many cases, State Governments feel that by writing a letter to us consisting of perhaps three paragraphs, they can perhaps ask for \$100 million. The Treasury does not operate in that way, Sir. The Treasury must operate in the belief that when requests are made to us for projects that the State wishes to develop, these projects must be viable, and in the process of proving their viability or otherwise, there will of course be some time taken. But I do not accept, Sir, that there is in fact undue delay in the allocation of funds to the States because there must be an understanding of the processes which must go in towards making a project, and it is no fault of anybody, least of all the Treasury, if a letter comes in containing the bare outlines of a project and in return they expect a cheque for \$100 million or \$200 million, as

the case may be. That is not the way that we would like ourselves to operate, and I am sure the State Government themselves would not like to operate in that fashion.

On the question of double import duties when goods are moved from Peninsular Malaysia to Sabah and Sarawak—this has been asked frequently in this House—the point I would like to make here is this, that neither Sabah nor Sarawak has yet agreed in entirety to Customs duties being raised to the same level as in Peninsular Malaysia. The Honourable Member will remember that when we negotiated the Inter-Governmental Committee documents, there is a clause there which says that taxes in Sabah and Sarawak will be brought up to Peninsular Malaysia level by graduated stages and it is a matter of time before this levelling takes place and until that time where we have a common tariff, I regret that the present inconvenience of having three laws pertaining to Customs duties will have to apply. There is no short cut to it, I am afraid pending a final resolution of the problem as to the common level of tariffs for all Customs items in the three States.

Ahli Yang Berhormat dari Parit juga menyentuh tentang cukai pendapatan dan beliau menggesa Kerajaan supaya mengkaji sekali lagi pelepasan untuk isteri dan anak-anak, saya sudah menjawab perkara ini tadi. Dan Ahli Yang Berhormat dari Parit juga menyatakan ada kelewatan dari pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk memberi jawapan kepada apa-apa permintaan ataupun penjelasan yang dibuat oleh orang ramai dan ini adalah satu masaalah berkaitan dengan filing system dan jikalau seorang yang meminta penjelasan dari Jabatan memberi reference number itu bolehlah menolong Jabatan supaya mencari fail-fail yang berkaitan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit juga telah menyentuh tentang masaalah dihadapi oleh kakitangan Kerajaan oleh kerana sekarang ini maksima pinjaman wang kepada mereka itu terhad dalam rancangan pinjaman wang kepada mereka itu. Saya sudah menjawab atas perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telahpun menyentuh tentang masaalah yang dihadapi oleh Forwarding Agents di Port Kelang. Saya sendiri adalah sedar

tentang masaalah ini sebelum Ahli Yang Berhormat itu membangkitkannya dalam Dewan ini.

Mr Chairman, Sir, in fact I have been aware of this problem long before this was raised in this House by the Honourable Member for Kuala Lumpur Bandar and I have formed a Committee of Officials, including the Customs, to look into the background of this problem in order that they may give me a report. I can assure the Honourable Member that I will be studying this report which is about ready as to what actually seems to be the problem in the question with regard to the difficulties faced by these forwarding agents because I have been informed, and it has been alleged to me, that the Customs Department in the restructuring process has asked that all forwarding agencies should not take on new customers until and unless they have restructured themselves in the light of the New Economic Policy. Of course, we must abide by the New Economic Policy, but here it is a question of the implementation and I can assure the Honourable Member that I have asked a Committee of Officials to look into the facts of the cases involved so that I may get a first-hand report as to what actually is happening in this area, and I will be examining the report of this Committee so that, if necessary, and if corrective action has to be taken, we shall take the action accordingly. But pending my study of the report I do not think that I should say more at this stage except to stress once again that I certainly am aware of this problem.

He also mentioned that we should have a better structure for taxation. I can also at this point say that we have moved very much towards a more progressive tax structure where greater emphasis will be paid on direct taxes rather than indirect taxes and the whole purpose of the Division established in the Treasury to do analysis of tax structure is to modify our tax system in such a way that it will begin to bite much more on the direct taxes rather than the indirect taxes. But I think the Honourable Member must bear in mind the fact that to have a real effect on the economy of direct taxes, the economy must be modern and I think the Honourable Member will agree with me that not all sectors of the economy are yet modern and in this case we have to make the structural changes slowly, but we

hope surely, and this will of course be our objective—to make a much more progressive tax structure possible.

He also touched upon the problem of the small hawkers who, he says, find it difficult to fill up forms because they do not keep records. Here I will say that it is the duty of everybody who runs a business, big or small, to account for his earnings to the income tax authorities. If these people have not started keeping records, I think they should be encouraged to keep simple records—not that they require an accountant to do it—but certainly in their own interest they must have records as to their income and expenditure.

Tuan Pengerusi, penjaja-penjaja kecil boleh juga datang ke Pejabat Cukai Pendapatan yang berhampiran bagi mendapatkan pertolongan mengisi borang-borang itu, dan perkhidmatan ini sentiasa disediakan untuk mereka. Dukacita saya tidak dapat bersetuju tentang cadangan Ahli Yang Berhormat supaya dikecualikan mereka mengisi borang kerana dengan ini sahajalah dapat dipastikan samada mereka dapat keuntungan ataupun tidak. Jika borang itu diisikan dalam masa lima tahun sekali, ini akan merumitkan pengisian borang dan boleh juga mengakibatkan keburukan atas cukai.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh tentang kadar bunga atas pinjaman bank-bank. Saya telah mengambil perhatian atas perkara ini tetapi Bank Negara sentiasa juga mengawal kadar-kadar pinjaman yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan dan saya telah mengambil perhatian tentang masalah samada bank itu sudah pun memberi faedah yang sepenuhnya kepada pembeli-pembeli rumah yang dikatakan tidak mendapat faedah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga menyentuh tentang latihan-latihan yang patut diberi kepada pihak Kastam dan saya sudah memberi jawapan di atas perkara ini.

Pegawai-pegawai yang patut ditukar dari satu tempat ke satu tempat yang lain. ini memanglah satu praktis yang dijalankan oleh pihak Kastam, dan biasanya pegawai-pegawai ini ditukarkan pada awal tahun supaya anak-anak mereka tidak mendapat kesusahan mengenai persekolahan.

Tentang perkara naik pangkat, sukaiah saya memberi penjelasan bahawa ada satu Lembaga Naik Pangkat terdiri dari anggota-anggota pihak Kastam, pihak Perbendaharaan dan Perkhidmatan Awam, ada tiga pihak yang menghantar wakil kepada Lembaga Naik Pangkat. Seseorang pegawai yang hendak mendapat peluang naik pangkat, mestilah menunjukkan sikap, meritnya dan tidak ada lain faktor yang termasuk dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson ada memberi sedikit pandangan tentang masalah yang dihadapi oleh Kuasa-kuasa Tempatan—Local Government, khasnya di Telok Anson. Suka saya menjelaskan di sini bahawa Education Rate adalah satu kutipan Kerajaan Persekutuan. Dan Kuasa-kuasa Tempatan cuma menjadi agen sahaja mengutip Education Rate itu.

Mr Chairman, Sir, I am aware of the difficulties faced by the local governments in their financial resources at this stage in their development and in fact I myself have been asked by the Government to chair a Committee consisting of representatives of various municipalities and local governments to go into the whole question of local government financing. This Committee was established very recently and we have already held one meeting of the various authorities concerned and hopefully when the Committee has had an opportunity to look at all the problems, we could possibly come up with some suggestions as to how the present problems may be overcome. This, of course, is said in the knowledge and also by stressing that under the Constitution local governments are a matter for the State Governments. They are not a matter of direct responsibility of the Federal Government and, therefore, we have to be very careful that our relationships are not misconstrued as being any intervention in or derogation of State rights. This is a very delicate area of operation because we cannot be seen, apart from the Wilayah Persekutuan here, which is a separate entity, directly influencing the affairs of any local authority established by the State Government in any one State. But certainly the problem of local government financing is a complex one. It is a difficult situation that they are facing and I cannot at this stage say what the answer will be pending the completion of the work of this Committee, which I have been asked to chair.

On the question of contributions in aid of rates, I am aware also that State Governments and the Federal Government are sometimes a bit slow in paying their contributions to the local authorities in aid of rates. But by and large, to my knowledge, these rates of contributions are agreed upon between the local council authority and the State Government concerned or the Federal Government concerned before payments are made. But I do know, and I acknowledge it as a fact, that there are delays in such payments. But, as I said, this is only one aspect of the whole problem which I will not elaborate upon here, because this really is not the forum for it.

On the other point that the Honourable Member for Telok Anson raised is the question of road grants: why cannot such grants be used for other purposes. This again, is a Constitutional provision. The road grants are made specifically for the maintenance of roads as required by Constitutional arrangements and would be *ultra vires* these arrangements to use these monies for other purposes. But here, again, this is a matter that we will have to look at from the point of view of the overall financing problems of local authorities.

He also talked about loans viz-a-viz housing needs of the lowest income groups in the local authorities. Here, again, is a question which is tied up with my previous reply regarding the eligibility of Government workers and workers in statutory authorities for housing loans.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong sudah membangkit satu perkara berkenaan dengan cukai pendapatan atas gratuity. Saya memang sedar kes Ahli Yang Berhormat itu telah dibangkitkan dalam Dewan ini. Dan sebagai satu penjelasan amnya, saya boleh mengatakan bahawa tidak semua gratuities akan dikenakan cukai pendapatan. Not all gratuities are liable to income tax. But gratuities which are paid to employees who retire because of ill-health or those who have reached the age of 55, or 50 as in the case of women employees in the Government Service and who have 10 years of service, are exempted from tax. This is in the case of Government servants, because the gratuities in their cases are a commutation of pensions and are a lump sum, a capital sum, which is therefore exempted from income tax. In the cases of the private sector, the

gratuities are not quite the same as the gratuities in the Government Service; although generally they are called gratuities, but, in fact, in the Government Service it is a commuted pension. But I certainly will look into the general principles as to whether or not there has been justice done to the private sector if we treat the two payments separately or in a different fashion but, as the law now stands, I am afraid that where gratuities are paid in the private sector, they may be liable to tax. But, again, I would like to assure the Honourable Member that I am aware of this particular case that he mentioned about and, in fact, this particular case has been referred to the tax authorities for a ruling, given the present law.

Ada lagi satu point mengenai compensation. Tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan soal samada ganti rugi akan dibayar kepada pihak swasta yang barangkali dapat kerugian atas gerakan keselamatan. Sir, the amount raised has been raised to \$1 million, not because we expect to pay \$1 million in compensation, but because with the intensification of security activities in this country now, we should make provisions for any untoward incidents that may happen, because you will realise that it is not a deliberate act on the part of the Security Forces to incur damages which will involve the Government in liabilities to pay compensations, but sometimes for operational requirements, they may be required, for instance, to fell trees and cut tracks and so on which will cost damage to private property and in these cases we would, of course, pay compensation according to the rates laid down. So I do not think that we should be alarmed about the fact that we have made provisions for this of up to a million dollars. This does not mean that we will pay a million dollars in compensation or that the Security Forces will go around causing damages wilfully to this extent.

The Honourable Member for Kepong also mentioned the question of fruits for the Chinese New Year. As he knows, it has always been the policy of the Government to consider exemption of import duty, either fully or in part, for some of the more traditional fruits that are imported during the Chinese New Year period, particularly

fruits like the Chinese mandarin orange, and this will be a matter that the Treasury will, of course, look at this year again sympathetically.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah memberi teguran atas perbelanjaan yang nampaknya selalu dilebihkan dari anggaran. Saya suka memberi penjelasan di sini bahawa anggaran yang siap dalam buku Anggaran ini adalah satu anggaran yang barangkali boleh jadi bila dasar Kerajaan bertukar atau dasar Kementerian bertukar dalam satu tahun anggaran itu mesti diubah untuk mengikut dasar atau projek baru. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing supaya mengawal perbelanjaan ini dan saya harap dengan kerjasama di antara semua pihak, anggaran perbelanjaan ini boleh diikuti dengan tidak ada tambahan perbelanjaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam membangkitkan satu perkara berkenaan dengan denda-denda apabila peniaga-peniaga lewat membaharui lesen-lesen mereka. Adalah menjadi tanggungjawab mereka supaya mereka membaharui lesen-lesen mereka dan inilah satu perkara perseorangan tidak bolehlah salahkan Kerajaan jika mereka tidak membaharui lesen dan dikenakan denda.

Berkaitan dengan cadangan beliau supaya mengadakan satu Cawangan Pejabat Setem di Bukit Mertajam, perkara ini akan diambil perhatian.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, jikalau saya tidak berpeluang memberi satu jawapan yang tertentu di atas butir-butir ataupun perkara specific yang telah dibangkitkan, saya akan ambil perhatian atas perkara itu dan perkara itu akan diperbaiki. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan di atas peruntukan Kementerian ini. Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,419,900 untuk Kepala B. 26, \$96,613,420 untuk Kepala B. 27, \$273,020,000 untuk Kepala B. 28, \$35,592,700 untuk Kepala B. 29 dan \$20,410,800 untuk Kepala B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$9,496,332 untuk Kepala P. 26, \$3,216,030 untuk Kepala P. 29 dan \$100,000,000 untuk Kepala P. 67 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Kepala B. 31 (Jadual)—

Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan Sementara)—

6.33 ptg.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya mohon agar Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan 1976 bagi Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam yang berjumlah \$128,131,830 diluluskan oleh Dewan ini. Dari jumlah ini \$73,226,800 adalah Anggaran Mengurus dan \$54,905,030 adalah Anggaran Pembangunan masing-masing di bawah Kepala Bekalan B. 31 dan Kepala Pembangunan P. 31.

Berhubung masaalah mengesan dan mengawal kegiatan-kegiatan Perbadanan Awam di bawah Kementerian ini, salah satu cara yang dijalankan ialah dengan penubuhan beberapa buah Jawatankuasa Tetap yang mana ahli-ahlinya terdiri bukan sahaja dari pegawai-pegawai Kementerian ini, tetapi juga dari Pengerusi atau Pengurus Besar Perbadanan-perbadanan tersebut. Penubuhan Jawatankuasa ini adalah penting demi untuk mewujudkan kerjasama dan persefahaman, mengelakkan persaingan aktiviti serta menyelesaikan masaalah-masaalah yang ada. Dengan adanya dua buah Jawatankuasa Tetap, iaitu Jawatankuasa Perbadanan Awam dan Jawatankuasa Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, maka penyelarasan di peringkat kebangsaan keseluruhannya dapat dijalankan. Selain daripada itu, satu Jawatankuasa Teknik Pinjaman bagi projek-projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah juga ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaras dan mengesan projek-projek yang dikeseluruhan oleh Perbadanan-perbadanan tersebut supaya tidak ada projek-projek yang berasingan. Begitu juga dengan adanya wakil-wakil Kementerian ini di dalam Lembaga/Majlis Perbadanan-perbadanan Awam, maka dengan cara tak langsung dapatlah Kementerian ini mengesan kegiatan perjalanan dan aktiviti-aktiviti badan-badan tersebut dengan cara lebih dekat dan mendalam lagi.

Untuk mengemaskan lagi tugas-tugas menyelaras oleh Kementerian dan membolehkan badan-badan tersebut berjalan dengan licinnya adalah didapati perlu dipinda sebahagian kecil daripada Akta-akta badan-badan itu sendiri. Kementerian ini telahpun mengambil tindakan untuk membuat pindaan kepada Akta-akta tersebut.

Pada keseluruhannya, Kementerian saya menumpukan perhatian yang penuh terhadap aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan Perbadanan Awam supaya mereka dapat menjalankan dengan teratur dan bergerak ke arah menepati kepada matlamat yang sebenar. Kawalan yang tegas adalah diperlukan oleh sebab besarnya wang Kerajaan yang diperuntukan dalam Anggaran Belanjawan Perbadanan-perbadanan Awam pada tiap-tiap tahun.

Menimbangkan pada hari ini terdapat banyak Perbadanan Awam yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang luas baik dari segi perkhidmatan, latihan, pelaburan serta kemajuan dan bantuan kepada sektor Bumiputra pada amnya, maka berbagai masaalah telah timbul terutama yang menyangkut masaalah persaingan dan duplikasi tugas badan-badan tersebut yang dirasakan sangat merugikan. Oleh itu objektif utama Kementerian ini ialah mengesan dan mengatasi masaalah-masaalah ini.

Menyelaraskan Perbadanan-perbadanan Awam memerlukan jangka masa yang panjang untuk mencapai kesan yang diinginkan. Ini ialah kerana bidang aktiviti perbadanan ini adalah luas dan penyelarasan mengenai memerlukan keutamaan-keutamaan yang tertentu.

Semenjak ditubuhkan, Kementerian ini telah menjalankan tugas-tugas penyelarasan dengan berkesan walaupun di peringkat permulaan. Setakat ini hanya 41 jawatan sahaja telah diwujudkan. Namun demikian Kementerian memerlukan perkembangan dan kemajuan untuk menjalankan fungsi-fungsi penyelarasan yang lebih khusus lagi pada masa-masa ke hadapan sesuai dengan kehendak daripada Dasar Ekonomi Baru. Anggaran Belanjawan yang dikehendaki pada tahun 1976 bagi Ibupejabat berjumlah \$822,100.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi setiap Perbadanan Awam di bawah Kementerian ini suka saya meringkaskan kegiatan mereka seperti berikut:

MARA

MARA adalah satu Perbadanan Awam yang diberi tugas untuk mendorong, membimbing, melatih dan menolong bumiputra supaya menyertai dengan cergas dan mencapai kemajuan di dalam kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan.

Bagi mencapai matlamat di atas, MARA memerlukan sebanyak \$66,341,650 sebagai peruntukan bagi Belanja Mengurus. Sementara itu \$11 juta pula diperlukan sebagai peruntukan "interim" bagi belanja pembangunan MARA. Pada keseluruhannya peruntukan Belanja Mengurus MARA pada tahun hadapan adalah sebahagian besarnya untuk latihan dan pendidikan diikuti pula keperluan bagi perkhidmatan am, perkhidmatan bangunan perniagaan, perkhidmatan kenderaan bas, pinjaman serta khidmat nasihat dan pembangunan enterprise.

Dari segi pencapaian matlamat 30% penyertaan bumiputra di sektor pengurusan, strategi memaju dan memperkembangkan rancangan latihan dan pendidikan akan melahirkan tenaga kerja bumiputra di peringkat pengurusan, iktisas dan teknikal. Untuk mencapai matlamat ini biasiswa latihan dan pinjaman pelajaran akan terus dikeluarkan untuk pengajian-pengajian sains dan sosial. Di samping melahirkan golongan pengurusan, iktisas dan teknikal MARA juga berusaha untuk melahirkan golongan tenaga kerja mahir di dalam bidang-bidang elektrik mekanik serta berbagai jenis pertukangan melalui Instituti Kemahiran MARA yang mana pada tahun hadapan akan mengambil lagi pelatih sambil bekerja.

Adalah disedari bahawa bumiputra masih lagi kekurangan dalam jurusan sains dan teknologi. Sebab itulah langkah-langkah telah dan sedang diambil dengan mengutamakan biasiswa kepada penuntut-penuntut sains dan teknologi samada pengajian di dalam atau di luar negeri. Sebagai langkah jangka masa panjang untuk memastikan bahawa penuntut-penuntut bumiputra cenderung kepada matapelajaran sains dan teknologi, peranan Maktab Rendah Sains MARA yang mengambil penuntut-penuntut jurusan sains dari Tingkatan Satu ke atas adalah penting maka MRSM pada tahun hadapan akan mengambil kira-kira 450 penuntut baru menjadikan jumlah besar senarai 1,712 orang bagi ketiga-tiga Maktab yang sedia ada itu.

Memandangkan bahawa peniaga-peniaga bumiputra di bandar-bandar kecil dan di luar bandar bertambah dan dengan itu memerlukan ruang-ruang perniagaan yang sempurna, MARA akan meneruskan lagi

aktivitinya mendirikan bangunan perniagaan yang sesuai untuk menempatkan mereka. Pada tahun hadapan projek-projek ini akan ditumpukan khusus di pekan-pekan kecil dan di kawasan luar bandar.

Untuk tahun hadapan Bahagian Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprise pula akan meneruskan aktiviti-aktivitinya untuk menasihati, melatih, serta membentuk usahawan-usahawan bumiputra.

Mengenai pinjaman MARA, pada masa lepas disebabkan kurangnya Institusi kewangan yang berminat membantu bumiputra, MARA merupakan sumber kewangan utama bagi peniaga-peniaga untuk memperoleh pinjaman dari yang sekecil-kecilnya hingga kepada jaminan yang sebesar-besarnya. Memandangkan pada hari ini ada institusi kewangan Kerajaan yang lain yang bertugas membantu peniaga-peniaga bumiputra, semenjak pertengahan tahun 1975 MARA telah menumpukan perhatian kepada pinjaman-pinjaman yang kecil sahaja.

Ini bertujuan untuk membolehkan beberapa ramai bumiputra mendapat menafaati daripada pinjaman MARA. Dengan asas perniagaan yang telah didapati dari pinjaman MARA ini diharapkan para peniaga akan dapat menggunakan kemudahan pinjaman yang disediakan oleh bank-bank perdagangan. Untuk itu pinjaman berulang tidak akan digalakkan oleh MARA pada masa-masa hadapan. Untuk memastikan bumiputra yang diberi pinjaman ini mendapat faedah yang berkesan dan MARA mendapat balik pinjaman itu, pada tahun hadapan MARA akan melaksanakan skim kredit yang dipimpin (supervised credit scheme) yang mana MARA menitik beratkan penyusulan ke atas projek-projek yang telah mendapat pinjaman.

Peruntukan sementara sebanyak \$11 juta bagi Belanja Pembangunan adalah untuk melengkapkan 3 buah Maktab Rendah Sains MARA dan 6 buah Instituti Kemahiran MARA serta menyiapkan 3 buah lagi Maktab Rendah Sains MARA, iaitu di Kulim dan Kuala Trengganu dan 2 buah Instituti Kemahiran MARA, iaitu di Kuantan dan Lumut. Di samping itu peruntukan ini juga diperlukan untuk perbelanjaan pembangunan bagi Lembaga Kraftangan Malaysia dan pelaburan di dalam aktiviti-aktiviti perdagangan.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang Khidmat Bimbingan yang dikendalikan oleh Pernas Edar Sdn. Berhad di mana peruntukan \$1 juta diminta sebagai Belanja Mengurus, suka saya menyatakan bahawa khidmat bimbingan ini telah ditubuhkan pada tahun 1974. Kegiatan ini sebelumnya telah dikendalikan oleh MARA.

Saya suka menerangkan Pernas-Edar Sdn. Bhd. adalah satu agensi yang menjalankan perniagaan borang-runcit secara "cash and carry" melalui depo-deponya diseluruh Malaysia. Khidmat Bimbingan Pernas-Edar Sdn. Bhd. ditubuhkan sebagai satu yunit untuk melatih dan membimbing peniaga-peniaga runcit bumiputra dan menolong mereka memperoleh keperluan modal dari bank-bank perniagaan di bawah sekim Syarikat Jaminan Kredit.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sedia maklum UDA memainkan peranan untuk menambah hakmilik dan memajukan usahawan bumiputra di kawasan perbandaran, samada dengan pelaburan secara langsung atau melalui perkembangan ekonomi daripada harta yang sedia ada.

Untuk menjalankan tugas yang tersebut UDA diperuntukkan \$2 juta bagi Belanja Mengurus pada tahun 1976. Di sini saya suka mengambil kesempatan menerangkan bahawa Belanja Mengurus sebanyak \$2 juta itu adalah tidak mencukupi bagi menjalankan kerja-kerjanya pada tahun hadapan. UDA memerlukan sebanyak \$8.43 juta sebagai Belanja Mengurus untuk menampung perbelanjaan mengurus yang besar itu. Oleh yang demikian, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengkaji pengenaan bayaran terhadap perkhidmatan UDA kepada pelanggan-pelanggannya seperti bayaran pakar akitek, jurutera, pengurusan dan sebagainya. Jawatankuasa ini akan menentukan samada bayaran-bayaran tersebut cukup bagi menampung perbelanjaan mengurus UDA ini.

Bagi perbelanjaan pembangunan, UDA telah diuntukkan sebanyak \$10 sebagai "token vote" dan projek-projeknya untuk Rancangan Malaysia Ketiga masih lagi di dalam pertimbangan Kerajaan.

Suka juga saya menyentuh di sini bahawa pada tahun hadapan UDA akan bergerak lebih luas lagi ke Ibu-ibu Negeri yang lain di Malaysia melalui PERUDA, iaitu usahasama antara Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dengan UDA.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Pada tahun hadapan LPN akan memerlukan sebanyak \$5,063,000 sebagai Belanja Mengurus dan sebanyak \$9.4 juta sebagai peruntukan "interim" bagi belanja pembangunan.

Jumlah peruntukan Belanja Mengurus yang tersebut di atas adalah untuk dua aktiviti terbesar di Lembaga, iaitu Pentadbiran Am berjumlah \$3,778,000 dan Penguatkuasa termasuk Kawalan Harga Beras berjumlah \$1,285,000. Saya suka menegaskan di sini bahawa Bahagian Penguatkuasa di samping menentukan mutu dan mengawal harga beras pada tahun hadapan Lembaga akan melipatgandakan kerja-kerja berkaitan dengan pengawalan anti-penyeludupan beras ke Malaysia.

Peruntukan "interim" sejumlah \$9,384,000 diperlukan untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan pembinaan ke atas 6 buah Komplek Kilang Padi yang sedang berjalan. Komplek-komplek tersebut ialah 2 buah integrated kompleks di Rancangan Perairan Kemubu, Kelantan, sebuah integrated kompleks di Rancangan Perairan Besut, Trengganu; 2 buah integrated kompleks di Tanjong Karang, Selangor dan sebuah integrated kompleks di Krian, Perak. Tiga buah daripada kompleks-komplek tersebut iaitu di Rancangan Perairan Kemubu dan Besut dijangka siap dibina menjelang akhir tahun ini dan 3 buah lagi menjelang pertengahan tahun 1976.

Saya suka menerangkan di sini apabila siapnya pembinaan keenam-enam buah kompleks tersebut dalam tahun 1976, LPN akan mempunyai 29 buah kompleks mengering dan mengilang dengan daya mengering sebanyak 484,000 tan dan daya mengilang pula sebanyak 256,000 tan padi dalam setahun. Di samping itu dengan bertambahnya kilang-kilang memproses padi, LPN akan melipatgandakan aktiviti pembelian padi yang mana akan meningkat kepada 300,000 tan pada tahun 1976 berbanding dengan 52,000 tan pada tahun 1974.

Mengenai Belanjawan Sementara bagi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, peruntukan sementara bagi Semenanjung Malaysia ialah sebanyak \$20 juta, Sarawak \$1.6 juta dan Sabah \$10,921,000.

Sebahagian besar daripada jumlah peruntukan sementara ini akan digunakan untuk membiayai projek-projek perindustrian dan

juga pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang disambung daripada Rancangan Malaysia Kedua. Peruntukan sementara yang lainnya adalah merupakan anggaran keperluan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi tempoh yang berkenaan untuk membiayai projek-projek yang akan dilaksanakan oleh mereka nanti.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pernas, Bank Pembangunan dan FIMA di mana projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga Perbadanan-perbadanan tersebut masih lagi dalam timbangan Kerajaan, perbadanan-perbadanan ini diberi peruntukan bertanda atau "token vote" sahaja.

Mengenai FIMA sendiri, Kumpulan FIMA Sdn. Bhd. telah diberi tugas untuk memaju dan menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian.

Di samping menyertai secara langsung dalam pembukaan ladang-ladang dan perusahaan-perusahaan makanan, FIMA sedang dan akan memperhebatkan strateginya untuk menggalakkan petani-petani di sekitar sesuatu projek FIMA untuk mengambil peluang seperti menanam tanaman-tanaman yang diperlukan oleh FIMA sendiri. Dengan ini FIMA bukan sahaja akan dapat bekalan keperluannya tetapi juga akan meninggikan pendapatan petani-petani yang berkenaan. Sebagai satu usaha untuk mempergiatkan "extension service"-nya kepada pengusaha-pengusaha kecil makanan, FIMA di masa hadapan akan menambahkan lagi bantuan seperti nasihat dan panduan mengenai teknik mengetin dan membungkus makanan, pengawasan kualiti serta mencari dan meluaskan peluang pasaran bagi pengusaha-pengusaha kecil makanan. Seajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, pengusaha-pengusaha kecil makanan Bumiputra akan diberi keutamaan dan mereka hendaklah menggunakan sepenuhnya khidmat-khidmat yang diberikan oleh FIMA itu.

Seajar dengan matlamat Buku Hijau, FIMA bukan sahaja secara langsung membuka ladang-ladang buah-buahan dan sayur-sayuran tetapi juga akan membeli buah-buahan atau sayur-sayuran yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil atau petani-petani di mana tanaman-tanaman yang berkenaan itu boleh diproseskan oleh FIMA.

FIMA sedang giat mengusahakan 6,378 ekar ladang gajus di Besut Trengganu dan 2,622 ekar lagi di Pahang. Sebuah kilang

memproses biji gajus akan didirikan di Besut di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Di dalam kajian FIMA, tanaman gajus boleh diusahakan dengan kos yang berpatutan di tanah-tanah pasir oleh penduduk-penduduk tempatan terutamanya nelayan-nelayan di sekitar ladang FIMA di Trengganu. FIMA menganggarkan bahawa kos memajukan se-ekar kebun gajus ialah antara \$80 hingga \$100 dalam satu tahun. Apabila tanaman itu telah matang, maka satu ekar kebun gajus akan dapat mengeluarkan sebanyak 2 tan biji gajus dengan harga \$400 hingga \$500 bagi satu tan. Ini bermakna pendapatan kasar dari satu ekar buah gajus ialah antara \$800 hingga \$1,000 dalam setahun. Ini bukan sahaja akan menambahkan peluang pekerjaan kepada nelayan-nelayan tetapi juga akan meninggikan pendapatan mereka. Oleh itu FIMA sedang merancang untuk membekalkan benih gajus yang bermutu tinggi kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan ladang gajusnya supaya mereka dapat menanam dan mengeluarkan biji gajus untuk keperluan kilang FIMA di Besut.

Tuan Pengerusi, saya memohon Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam yang berjumlah \$128,131,830 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan terbuka untuk dibicarakan di bawah Kepala B. 31 dan P. 31. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.56 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam di bawah Kepala B. 31 yang berjumlah \$128,131,830.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Kementerian ini yang begitu tegas menjalankan aktiviti-aktivitinya bagi kepentingan rakyat umum terutama yang di luar bandar. Saya meminta izin menyentuh di bawah Kepala B. 31 Aktiviti (5)—Lembaga Padi dan Beras Negara, muka surat 227. LPN tidak asing kepada petani-petani ialah satu badan yang dikhaskan untuk menentukan dan memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil di mana hasil titik peluh petani terjamin dan dapat dikawal dari satu masa ke satu masa.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada LPN sungguhpun baru berjalan tetapi telah memberikan tanggungjawabnya yang dapat diberi pujian oleh kaum tani di seluruh negara. Dasar dan attitude LPN ini saya tidaklah hendak sentuh cuma yang saya hendak sentuh ialah berkenaan technical application iaitu cara-cara pembelian di tempatan. Sungguh menarik perhatian kita bila mendengar LPN menawarkan harga padi yang begitu baik dan lumayan yang setimpal dengan keadaan pada masa ini di mana Gred A \$28, Gred B \$26 dan Gred C \$24. Masaalah yang sentiasa menimbulkan kerumitan dan tidak puas hati kepada petani-petani ialah atas practice atau cara pembelian yang dijalankan di tempatan iaitu di kawasan sawah padi. Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian berat dan membuat satu kajian yang intensive supaya attitude ataupun tujuan baik LPN itu dapat dinikmati benar-benar oleh petani-petani. Masaalahnya ialah menentukan gred. Inilah yang selalunya menimbulkan rasa tidak puas hati kepada petani-petani, kerana mereka berpendapat orang yang mengredkan padi (grader) itu belum mempunyai cukup kelayakan dan tidak tahu cara mana LPN harus menentukan grader itu. Untung nasib pendapatan petani semata-mata bergantung kepada grader sebagaimana mereka membuat penentuan dengan tidak ada principle dan tidak ada apa-apa asas yang dapat diikuti, semata-mata mengikut kepada meter yang digunakan tetapi pengadilan moisture content yang dikenakan kepada padi itu selalu bercanggah dan tidak dapat memberikan puas hati kepada petani.

Perkara kedua, sentiasa petani mendapat kemalangan kerana pengangkutan tidak begitu cukup bila pengeluaran hasil padi telah keluar dengan banyak. Jadi pada satu-satu masa padi-padi terbiar di tepi jalan atau tempat-tempat membeli oleh kerana tidak ada bangsal dan telah kena hujan dan basah, maka keesokan harinya bila ditimbang hendak dijual maka petani kena tanggung dan kena beban moisture content itu.

Perkara ini patut pihak LPN sebagai wakil tunggal atau badan tunggal pembeli padi daripada petani memikirkan perkara ini adalah satu perkara yang penting kerana menolong kehilangan atau kerugian kepada petani-petani.

Saya juga tertarik apa yang diperkatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu dengan mengadakan Ahli Jawatankuasa bagi pihak Negeri atau Persekutuan untuk menyelaraskan perbadanan-perbadanan, maka saya rasa ada baiknya sistem Jawatankuasa Penyelaras itu diadakan di daerah. Jadi, masalah tempatan dapat dibincangkan, dan diperkatakan dengan hubungan baik yang akan memberikan faedah kepada masalah tempatan. Dengan cara ini saya rasa perhatian baik atau pandangan baik kaum tani kepada LPN akan bertambah dari satu masa ke satu masa.

Selain daripada itu, saya rasa LPN kenalah memikirkan satu dasar yang baru. LPN tidaklah semata-mata membeli padi atau menyelesaikan masalah pemasaran padi tetapi ada baiknya LPN akan bersama mengambil peranan atau mengambil tanggungjawab memberikan cara nasihat atau cara tanggungjawab, cara mana mengeluarkan atau menambah hasil padi, tidaklah semata-mata just satisfied to get the yield or the harvest at that moment. Jadi baiknya cara memperbaiki tanaman atau dan cara menambah hasil padi itu akan memberikan keuntungan kepada LPN dan kepada negara khasnya kepada petani-petani itu sendiri.

Ketiga, Tuan Pengerusi, izinkan saya pindah kepada P. 31 berkenaan dengan MARA. MARA saya hendak sentuh masalah berkenaan dengan pinjaman kepada pemborong-pemborong bumiputra. Tujuan baik MARA adalah menggalakkan iaitu membimbing dan membantu bumiputra dalam perusahaannya, dalam cara pemborong memberikan modal dan sebagainya. Pada masa-masa yang sudah pinjaman yang diberikan kepada pemborong bumiputra itu lazim didapati disalahgunakan dengan tidak ada kawalan yang dekat (close observation) yang dibuat kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh bumiputra itu. Saya mencadangkan ada baiknya MARA berhubung rapat dengan department yang memberikan kerja-kerja kepada pemborong-pemborong dan progress payment yang dibuat ada berkaitan dengan kerja yang sudah diselesaikan. Dengan cara ini bukan sahaja boleh mengawal ketat bahawa MARA tidak akan kerugian kerana pemborong tidak membayar hutangnya bahkan dapat menolong dan membantu mereka itu menghasilkan usaha-usahanya dan menjayakan perusahaannya dari satu masa ke satu masa.

7.06 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, saya juga turut bangun menyokong Anggaran Belanjawan yang baru sahaja dikemukakan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, saya cuma suka menyatakan sepatah dua kata mengenai Kepala P. 31 Pecahan-kepala 4 iaitu Perbadanan Pembangunan Bandar. Sebagaimana kita semua mengetahui bahawa UDA adalah satu agensi Kerajaan yang memainkan peranan yang amat penting di dalam usaha Kerajaan menyusun semula masyarakat. UDA mempunyai suatu program yang paling comprehensive untuk memberi segala pertolongan kepada bumiputra di dalam bidang perniagaan dan menerusi pelaksanaan program yang comprehensive itu maka berbagai jenis pertolongan telah dapat diberi oleh UDA kepada kaum bumiputra.

Di sini patut kita mengucapkan tahniah kepada Pengerusi UDA sendiri, seorang yang sangat dedikasi, seorang yang berpandangan jauh di dalam melaksanakan tujuan-tujuan UDA dan Timbalan Pengerusinya seorang muda yang dinamis yang mempunyai pengalaman yang banyak di dalam pelaburan dan seorang yang betul-betul memahami akan aspirasi politik negara ini untuk membolehkan beliau itu betul-betul mempunyai dedikasi untuk menjayakan tujuan UDA ini.

Tuan Pengerusi, setelah UDA berjalan selama lebih kurang 4 tahun iaitu sejak penubuhannya di dalam tahun 1971 maka didapati bahawa Akta Perbadanan Pembangunan Bandar itu sendiri ada mempunyai beberapa kekurangan dan dengan demikian memerlukan sekurang-kurangnya, yang saya nampak, dua pindaan. Yang terutamanya pindaan kepada Bahagian II. Bahagian II iaitu penubuhan tugas, kuasa dan keanggotaan Perbadanan Di bawah Fasal 3 (1) yang berbunyi:

“Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan bernama Perbadanan Pembangunan Bandar dengan tugas-tugas yang berikut:

- (a) Untuk memajukan dan melaksanakan projek-projek di kawasan-kawasan pembangunan bandar” dan seterusnya

Jadi "kawasan-kawasan pembangunan bandar" di dalam pengertiannya di sini ialah:

"Kawasan Pembangunan Bandar ertinya ialah mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai demikian bagi maksud-maksud Akta ini dari semasa ke semasa oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*".

Jika UDA betul-betul hendak menjalankan dasar asasnya maka aktiviti UDA itu tidaklah sepatutnya terhad kepada kawasan-kawasan pembangunan bandar itu sahaja, bahkan di mana sahaja di pelusuk negara ini rakyat berkehendakkan bantuan maka UDA sepatutnyalah dapat memberikan segala bantuan yang boleh bahkan saya percaya perkara ini telah dipraktikkan oleh UDA dengan tindakan mengikut tiap-tiap perkataan Akta UDA ini sendiri. Ini dapati perlu dan saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya mengambil tindakan untuk membuat pindaan kepada Bahagian Dua ini.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ialah di dalam Bahagian Enam, iaitu di bawah Fasal 26 (1) Perbadanan boleh dari semasa ke semasa menjamin atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa syarat dan sebagainya. Inipun nampaknya tidak memberi sesuatu kuasa kepada UDA untuk menjadi pejamin kepada Bumiputra sedangkan sekarang ini UDA dapati bahawa kuasa menjadi penjamin kepada peniaga-peniaga Bumiputra itu amatlah perlu dan amatlah mustahak dan telahpun menjadi satu daripada aktiviti UDA sekarang ini. Sudah semestilah bahawa pindaan ini saya rasa amat perlu jikalau UDA hendak menjalankan tugasnya dengan lebih licin dan lebih berkesan demi kepentingan Bumiputra.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan supaya mengambil tindakan di atas dua pemindaan ini.

7.12 mlm.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Pengerusi, saya suka juga memberi sedikit ucapan berkenaan Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam ini dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Saya hendak menyentuh dahulu kepada Kepala P. 31, Pecahan-kepala (1) dan (16)—campur-campur, in relation to loans to State Development Corporations. Apa yang saya hendak nyatakan di sini that Kementerian ini ada memberi loans to a number of State statutory bodies, State Economic Development Corporations and for that reason Kementerian memanglah concerned with the activities and with the way the various States form their functions. I think we have seen a number of instances whereby projects and activities taken up by the State Economic Development Corporations in some areas in some States are not really progressing as it was hoped. Some of these projects which have been long in the pipeline dan lama juga selalu diberi publicity tetapi nampaknya banyak projek ini belum dapat terjadi. Yang kedua, lagi di dalam banyak projek yang sudah dijalankan, badan tersebut do not seem to have performed as well as when they were first started or projected to perform. The question that must be raised is, why such situations develop? The Ministry will of course, be concerned that performance must meet with the target and projection made on it, because the Ministry itself is responsible for recommending public funds to be allocated for some of these projects.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Barangkali banyak projek-projek tersebut when they were first proposed to be implemented were done with insufficient detailed investigation of the viability and the feasibility of each and every one of these projects. In the State of Sarawak, saya memberi satu contoh. Pada masa sekarang ini, Kerajaan dan S.E.D.C., saya faham, hendak menjadikan satu projek untuk membuat simen plant di negeri itu. Simen plant ini yang saya faham mengambil banyak belanja to multi-million dollars cost. What we must determine, Tuan Pengerusi, adakah sufficient market to meet the demand that is projected for such a scheme. Adakah beberapa juta ringgit that is proposed to be allocated to this type of projects will give back the necessary returns on capital expenditure and investment. If it is not, kerana projek tersebut belum ada dijalankan sekarang, barangkali kita dapat mengambil tindakan untuk memberi review.

Dengan ini juga saya hendak nyatakan employment in some statutory bodies. Banyak State Development Corporations salah satu

daripada tujuannya ialah untuk memberi pertolongan kepada semua golongan Bumiputra di dalam negeri kita. Dalam Negeri Sarawak yang saya selalu nyatakan bumiputra dari golongan Dayak adalah tidak cukupi diambil dan considered in various activities of this nature. I am suggesting quite seriously, Sir, that the Ministry with responsibility for overseeing and having some say in accompanying this function should try to ensure that implementation does consider various interested groups.

(*Dengan izin*) Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, saya hendak nyatakan atas Kepala P. 31 Pecahan-kepala 4 ialah untuk Urban Development Authority. Ini selalu kita lihat tujuan UDA ialah menolong, to help in developing urban development centres. So far we have seen activities of UDA being confined in the main to areas like Kuala Lumpur and main centres. With the Government policy on the Second Malaysia Plan to try and make regional urbanisation to rural areas, UDA, I suggest, should concentrate more of its activities in trying to develop centres which are not quite urban centres at the moment. Atas satu lagi perkara berkenaan dengan Kepala P. 31, Pecahan-kepala 5, Lembaga Padi dan Beras Negara. I know my friend, the Chairman of the L.P.N. is with us here, tetapi apa yang saya hendak nyatakan, Tuan Pengerusi, is only on one point and this is in connection with the importation of rice to the States of Sarawak and Sabah whereby beras yang kita masukkan ke Negeri-negeri ini mestilah dari L.P.N., tetapi this involves rice subsidy from the L.P.N.; and the costs of rice, as far as I am informed, tend to be much higher than if the merchants themselves were given the opportunity to import rice from their own connections. At the moment, this rice must be bought through the L.P.N. The consequence is that firstly the subsidy on the Government expenditure is increased, and, secondly, it then involves probably a higher price of rice to the consumers. Apa yang kita tuju ialah the objective must be what benefits the consumers most, though that objective might tend to conflict with some other aspects of Government policy.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, and this particular section would serve as a conclusion towards what I am trying to say. Berkenaan dengan Kepala B. 31. Pecahan-kepala 1100 (2)—Penyelarasan (Co-ordination). I use this topic to try and bring to

conclusion the point that I am making, and that is, that the function of the Ministry concerned is to co-ordinate the various activities of the various statutory bodies of the Government. Unless the various activities of the various statutory bodies are well-co-ordinated, the chances will be, and I think we have seen examples, of overlapping of activities of one body with another, and this is the crux of the function of the Ministry. If we keep on mushrooming and conceiving new bodies and additional bodies without proper co-ordination, each one of them probably will do the function that could easily have been done by existing bodies. This, to me, is a most important function of the Ministry other than anything else. Unless proper co-ordination is done, the public investment, Government investment, that we make is going to filter to noughts. And, unfortunately, some indication is that some statutory bodies not only overlap in functions, but, as I have indicated at the beginning, have not performed as well as they were hoped to perform. Now what is the reason for this? One reason obviously is the management involved because we tend to second civil servants to bodies of this nature. Some of the civil servants are very bright and very smart individuals but, perhaps, the backgrounds of their training do not fully equip them for business ventures of this nature. If that is the case, perhaps the Ministry might undertake direct recruitment from the business sector.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli dari Balik Pulau. Selepas daripada Yang Berhormat ini bercakap, sebab kita tidak dapat hendak menyambungkan lagi, saya akan jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab. Sila, cuma 10 minit sahaja.

7.25 mlm.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam ini saya juga suka menyentuh Kepala B. 31 dan P. 31 yang berjumlah \$128,131,830.00. Saya suka menarik perhatian tentang Pecahan-kepala 1 muka surat 227.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita semua maklum, bahawa penubuhan S.E.D.C. atau Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri adalah salah satu langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita bagi melaksanakan tujuan Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30 peratus dari kegiatan ekonomi negara hendaklah dalam tangan bumiputra dalam masa 20 tahun. Pada masa ini kedudukan bumiputra dalam kegiatan ekonomi negara berdasarkan perangakan-perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan baru berada di angka 5 peratus sahaja. Jadi, untuk mencapai angka 30 peratus itu maka ditubuhkan ajensi-ajensi seperti PERNAS, MARA, UDA dan lain-lain dan bagi negeri pula ditubuhkan S.E.D.C. atau Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Perbadanan-perbadanan. Kemajuan Ekonomi Negeri ini tugas khususnya ialah untuk membantu bumiputra dalam kegiatan ekonomi di negeri dan segala rancangannya, segala projek yang dijalankan pada akhirnya akan diserahkan kepada bumiputra mengendalikannya.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang kegiatan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang. Pada pendapat saya, kegiatan S.E.D.C. atau Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang ini sudah menyimpang dari tujuan asalnya bukan sahaja menyimpang malah bertentangan sama sekali dengan Dasar Ekonomi Baru. Tuan Pengerusi, saya dengan perasaan penuh dukacita terpaksa membentangkan perasaan hampa dan dukacita bumiputra di Negeri Pulau Pinang terhadap sikap dan dasar yang dijalankan oleh S.E.D.C. dalam Dewan yang mulia ini dengan tujuan menarik perhatian Kementerian yang berkenaan supaya membetulkan balik arah tujuan Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang ini.

Tuan Pengerusi, tujuan dan hujjah yang saya katakan tadi adalah berdasarkan beberapa contoh. Contoh yang pertama, ialah tentang rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang ini. Dalam Negeri Pulau Pinang ada dua buah bandar baru yang dibina oleh Kerajaan Negeri. Bandar itu ialah Bayan Baru dan sebuah lagi ialah Bagan Serai. Di kedua-dua buah bandar yang baru ini sudah didirikan lebih kurang 500 yunit rumah. Sepatutnya

rumah-rumah yang didirikan di bandar baru ini hendaklah 100 peratus diberikan kepada bumiputra. Apa yang telah berlaku yang telah dijalankan oleh S.E.D.C. hanya 30 peratus, 30 peratus yang diuntukkan kepada bumiputra. Inilah yang saya katakan tadi dasar Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang ini sudah menyimpang dari tujuan asal Perbadanan ini ditubuhkan. Jadi, kalau 30 peratus diberikan kepada bumiputra, kalau kita banding pula dengan rumah-rumah yang didirikan oleh swasta yang tidak sampai 5 peratus yang boleh dimilikki oleh bumiputra, sampai bilakah tujuan Kerajaan untuk menempatkan 30 peratus orang Melayu dalam ekonomi negeri boleh dicapai.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah tajuk berapa?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Pecahan-kepala 1, muka surat 227, Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri.

Tuan Pengerusi, contoh yang kedua ialah tentang pembinaan sebuah projek raksaksa yang dinamakan projek Angkasa Perdana, sebuah projek untuk membuat sebuah bangunan yang paling tinggi di Malaysia dan projek ini memakan belanja \$200 juta.

Untuk mendapatkan tempat-tempat perniagaan di projek ini wang tempahan—projek ini belum siap dibina, wang tempahannya sahaja \$1,000. Jadi, di manakah dan bagaimanakah orang-orang bumiputra di Pulau Pinang boleh menyertai projek ini, sedangkan kalau kita pergi di Pulau Pinang jangankan kita hendak cari 10 atau 20 buah kedai bumiputra, dua tiga buah pun susah kita hendak dapat kedai bumiputra di Pulau Pinang ini. Projek ini memakan belanja \$200 juta, adakah projek ini dapat menempatkan 30%, jangankan 100%, 20% pun saya tidak fikir dan tidak masuk akal bumiputra di Pulau Pinang boleh menyertai projek ini. Jadi kesimpulannya projek ini bukan sahaja tidak menolong, sebaliknya menekan bumiputra, menghalau bumiputra daripada bandar negeri Pulau Pinang. Inilah terpaksa saya cakapkan dengan perasaan dukacita dan hampa, perasaan orang-orang Melayu atau bumiputra di Pulau Pinang. Saya harap perasaan dukacita dan kehampaan orang Melayu ini dapat diambil perhatian yang paling berat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Satu lagi projek yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang ialah projek memelihara babi secara besar-besaran.

Mana ada biji mata bumiputra hendak memasuki projek ini, Tuan Pengerusi. Inilah yang saya katakan bertentangan. Tidak ada orang-orang Melayu, tidak ada bumiputra yang akan menyertai projek ini. Inilah kedudukannya, inilah projek-projeknya, inilah rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang yang saya katakan mendukacitakan pihak bumiputra di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang hendak saya cakapkan ialah mengenai . . .

Tuan Pengerusi: Ada dua minit sahaja lagi, Yang Berhormat.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya, terima kasih. Mengenai kegiatan MARA. Di Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang berlainan daripada negeri yang lain. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalankan perkhidmatan Bas. Tidak ada negeri-negeri dalam Malaysia ini Kerajaan Negerinya menjalankan perkhidmatan bas. Jadi, saya berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya perkhidmatan bas yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri itu dibeli oleh pihak MARA dan akhirnya hendaklah diserahkan kepada bumiputra menjalankan urusannya. Di Pulau Pinang tidak ada lagi jalan baharu, tidak ada lagi projek-projek baharu yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri, sebab Pulau Pinang ini negerinya sudah maju dan semua tempat-tempat sudah dibuka dan dimajukan, tidak ada peluang orang Melayu hendak menyertai perkhidmatan bas. Jadi, saya berharap sangat-sangat supaya Kementerian ini melalui MARA dapat membeli atau dapat mengambil-alih perkhidmatan bas yang dijalankan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang ini dibeli oleh MARA atau diambil-alih oleh MARA dan akhirnya hendaklah diserahkan kepada syarikat-syarikat bumiputra yang mampu dan layak menjalankannya.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.43 mlm.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai perbelanjaan Kementerian ini dan juga di atas pandangan-pandangan yang telah diberi oleh mereka itu

tentang perjalanan Kementerian ini dan khususnya saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kanowit di atas kesimpulan yang dibuat tadi tentang peranan sebenar yang sepatutnya dijalankan oleh Kementerian ini. Dan memang perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itulah yang diberi perhatian besar oleh Kerajaan menimbangkannya.

Pada hari ini telahpun banyak ditubuhkan Perbadanan Awam dengan bidang-bidang tugas yang tertentu dan di atas sebab itu juga maka Kementerian Penyelaras Perbadanan Awam ini telah kita tubuhkan. Dari segi penyelaras yang sedang kita buat seperti mana saya katakan tadi kita baharu berada di peringkat permulaan dan apa yang kita dapat jalankan pada hari ini kita rasa telahpun mendatangkan kesan dan kita percaya di dalam pertumbuhan dan perkembangan Kementerian ini pada masa-masa ke hadapan bahawa segala masalah dan kekhawatiran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita harapkan dapat kita kawal. Seperti mana saya sebutkan juga tadi pada hari ini telahpun ada jawatankuasa tetap penyelaras dari Kementerian Penyelaras Perbadanan Awam yang menyelaraskan kegiatan daripada badan-badan awam di peringkat kebangsaan dan Jawatankuasa Perbadanan Kemajuan Negeri yang mana dianggotai oleh wakil-wakil daripada perbadanan-perbadanan Negeri. Dan untuk menentukan pula bahawa pinjaman yang diberi oleh Kerajaan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini terlaksana dengan baik, kita telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknik Pinjaman bagi projek-projek PKEN.

Masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa mungkin setengah daripada projek-projek yang dijalankan oleh SEDC itu yang nampaknya tidak maju boleh jadi disebabkan tidak adanya kajian yang sesuai dibuat, saya suka menafikan perkara ini. Kajian memang ada dibuat. Tetapi selepas ini dengan adanya Kementerian yang baharu ini kita harapkan bahawa penelitian terhadap projek-projek yang hendak dijalankan oleh badan-badan ini akan kita buat dengan lebih sempurna lagi bagi mengelakkan masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit itu. Tuan Pengerusi, sebagaimana kita semua maklum Kementerian ini baharu, jawatan yang ada

dalam Kementerian ini pun masih kecil lagi. Namun demikian, dari segi hendak menentukan bahawa penyelarasan yang dapat kita buat ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi, Kementerian ini akan membesarkan lagi bahagian penyelidikan yang sedia ada pada hari ini dengan dijadikan sebagai satu bahagian yang baharu atau tersendiri.

Kementerian ini juga sedang berusaha untuk mendapatkan sekurang-kurangnya seorang Accountant atau seorang Projek Analis untuk ditempatkan di dalam bahagian yang baharu ini. Kita rasakan dengan adanya seorang Projek Analis ini maka segala kegiatan yang akan dijalankan oleh badan-badan yang ada ini akan dapat kita kawal dengan baik-nya.

Tuan Pengerusi, pada masa-masa yang lalu dari segi kawalan yang dapat dibuat terhadap perjalanan badan-badan ini saya akui ada kelemahan-kelemahannya. Maka menimbangkan hal itu, Kementerian Penyelarasan dan Perbadanan Awam sudahpun menyiapkan deraf pindaan kepada Akta Perbadanan Awam yang tertentu seperti LPN, MARA dan UDA dan pindaan ini kita rasakan perlu untuk membolehkan Kementerian dan Menteri yang berkenaan mengawasi dengan lebih baik lagi terhadap perjalanan badan-badan ini.

Menyentuh tentang pindaan kepada Akta ini, kita harap pindaan itu akan dapat kita kemukakan dalam persidangan yang akan datang.

Mengenai pindaan UDA sendiri, seperti-mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Maran dan Kanowit samada Akta UDA itu dapat kita pinda bagi membolehkan UDA ini bergerak seluas-luasnya di seluruh negara, ini satu masaalah yang perlu kita timbang dan kita teliti dengan betul-betul. Memandangkan pada hari ini UDA merupakan satu badan yang baharu, baru empat tahun umurnya dan bidang tugas yang kita tetapkan kepada UDA pada hari ini adalah juga khusus maka pada masa-masa yang lalu, UDA diminta untuk menjalankan kegiatannya di Ibu Kota atau di Wilayah Persekutuan dan baru-baru ini kita minta UDA pula untuk bergerak di Ibu-ibu Negeri di seluruh Malaysia bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan masaalah pembangunan harta dan penyusunan semula masyarakat di bandar-bandar tersebut. Jadi kalau sekali gus kita

minta UDA ini bergerak di seluruh Malaysia dengan kemampuan yang ada padanya, maka sudah tentu perkara ini adalah mustahil. Tambahan pula kita tahu dari segi pembangunan harta di negeri-negeri dan juga di kawasan-kawasan yang sedang membangun, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri juga mempunyai tanggung-jawab yang sama. Kalau UDA menjalankan perkara ini di semua tempat, dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi juga menjalankan perkara-perkara yang sama, maka masaalah penyelarasan yang kita harap dapat kita buat kepada badan-badan awam ini sudah tentu tidak dapat berjalan.

Namun demikian, dari segi hendak membolehkan UDA ini bergerak di negeri-negeri yang lain, maka satu usahasama telah dapat kita ujudkan di antara SEDC dengan UDA melalui syarikat usahasama PERUDA. Setakat ini sembilan buah negeri telahpun menubuhkan PERUDA ini dan beberapa rancangan yang tertentu sedang dikaji oleh PERUDA untuk dilaksanakan pada masa yang akan datang ini. Dan apabila nanti timbul pula, saya tidak hendak menyebutkan pada hari ini, kita melihat dahulu perkembangannya dari segi peranan UDA sendiri dan juga kerjasama yang dapat dilakukan oleh UDA dengan SEDC melalui PERUDA itu setelah nanti kita dapati ada keperluan-nya bagi UDA ini meluaskan lagi kegiatannya maka tindakan itu akan kita ambil dari masa ke semasa. Tetapi setakat hari ini apa yang hendak dilakukan oleh Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam, bagi Wilayah Persekutuan ini memang tanggung-jawab UDA untuk melaksanakan rancangannya dan dari segi pembangunan ibu-ibu negeri kita harapkan UDA dapat bekerjasama dengan SEDC melalui PERUDA. Bagi bandar-bandar yang lain di negeri-negeri, tugas itu akan kita serahkan kepada SEDC. Bagi kawasan luar bandar maka kita harapkan MARA pula akan dapat memainkan peranannya. Dengan adanya susunan yang demikian maka kita harap dapat merencanakan masaalah pembangunan harta ini dengan lebih teliti dan dengan lebih berkesan lagi. Dengan itu kita dapat mengelakkan masaalah aktiviti-aktiviti overlapping seperti mana yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi. Dalam perkara hendak membolehkan UDA ini bergerak dengan lebih luas lagi di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar atau di mana-mana sahaja yang difikirkan sesuai bagi

UDA untuk melakukannya belumlah lagi dapat kita timbangkan tetapi setelah kita mengkaji nanti perkembangan dan kemampuan UDA dari masa ke semasa maka mungkin perkara ini akan kita lakukan.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada pindaan UDA dari segi hendak meminda Akta UDA bahagian (6) bagi membolehkan UDA mempunyai kuasa menjamin untuk pinjaman kepada bumiputra. ini juga satu perkara yang saya fikir setakat ini di luar daripada kuasa UDA sendiri. Perkara ini sedang dijalankan oleh badan-badan yang lain yang bukan sahaja memberi pinjaman tetapi juga memberi jaminan kepada bumiputra. Kalau sekiranya jaminan atau pinjaman yang dapat diperolehi oleh bumiputra daripada badan-badan yang telahpun ada menjalankan kegiatan ini tidak mencukupi atau belum memuaskan lagi, Kementerian ini boleh mengambil perhatian dan cara mana untuk mengatasinya pula. Masalahnya kita tidak mahulah bahawa segala-gala ini nanti diserahkan kepada UDA, kalau tidak mampu kepadanya, banyak pula yang komplek, teruk pula UDA. Jadi setakat ini mana yang boleh dijalankan kita jalankan dan mana yang dapat dijalankan oleh badan yang lain biarlah perkara itu dijalankan oleh badan-badan yang tertentu.

Tuan Pengerusi, menyentuh masaalah LPN yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang, perkara ini bukanlah satu perkara yang baru dan memang kerap kali ditimbulkan masaalah perasaan tidak puas hati dari segi penjual-penjual padi terhadap pegawai-pegawai daripada LPN sendiri. Grader yang ditugaskan oleh LPN untuk mengredkan padi yang dibeli daripada petani-petani itu bukanlah merupakan grader yang tidak terlatih. Mereka ini memang telah dilatih dengan secukupnya. Dari segi hendak menggrading padi ini ada ketentuan-ketentuan yang tertentu yang dibuat oleh LPN sendiri. Bukan sahaja masaalah lembab yang ada dalam satu guni padi itu, kadang kala ada juga perkara-perkara lain yang ada dalam guni. Maklumlah orang hendak berniaga menjual padi dan sejauh mana dia berkehendakkan keuntungannya, tetapi jika sekiranya ada perkara-perkara yang membimbangkan atau mengkhawatirkan dari segi keikhlasan pegawai-pegawai yang menjalankan tugasnya itu, Kementerian ini akan menyiasatnya

untuk menentukan bahawa kejujuran di dalam perkhidmatan ini akan tetap ada pada setiap masa.

Mengenai masaalah padi yang hendak dijual, oleh kerana LPN lambat datang untuk mengambil padi itu dan menjadi lembab lagi, saya fikir kalau segala-galanya hendak diserahkan kepada LPN susah jugalah. Kalau pihak tuanpunya padi itu berkehendakkan supaya padinya jangan terlalu lembab, ambillah tindakan masing-masing dahulu, bantulah LPN dalam perkara ini. Tetapi jika perkara ini memang merupakan satu perkara yang berat, saya suka menyatakan bahawa Kementerian ini akan berhubung dengan L.P.N. untuk mengatasinya. Masaalah L.P.N. seperti mana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit bahawa beras yang diimpot di Sarawak itu adalah beras yang dibeli melalui L.P.N. dan L.P.N. sahajalah yang berhak untuk membawa beras ke negeri Sarawak. Ini adalah memang dasar yang dijalankan pada hari ini dan Ahli Yang Berhormat berkata tadi kalau misalnya pengimpot swasta dapat mengimpot beras atau diberi izin mengimpot beras, saya tidak tahulah apakah jaminannya bahawa beras yang diimpot itu adalah lebih murah atau yang dijual kepada pengguna-pengguna akan juga turun harganya. Masaalahnya pada masa dahulu memang impot beras ini dibuat secara bebas tetapi kita mengalami masaalah kenaikan harga beras dan dengan sebab itu kita telah mengadakan kawalan harga beras dan impot beras ini untuk menjamin kepentingan pengguna-pengguna dan juga kepentingan para petani di negara kita ini dapat kita jaga dengan baiknya pada setiap masa. Jadi setakat ini saya fikir Kerajaan tidak dapat menimbang untuk membebaskan impot beras ini oleh pihak swasta.

Tuan Pengerusi, tentang masaalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau di atas rasa keciwanya terhadap perjalanan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang (P.D.C.) suka saya memaklumkan bahawa perkara ini sedang dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Petugas di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan kita harapkan masaalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada dalam pandangan dan tindakan Jawatankuasa itu bagi dipertimbangkan oleh Kerajaan. Masaalahnya kalau Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa P.D.C. telah menyeleweng, kita hendak tahu pula sejauh manakah dia

menyeleweng. Jadi kalau saya hendak jawab sekarang pun mungkin saya dituduh menyeleweng pula. Oleh itu, kita tunggu sahaja hasil daripada kajian Jawatankuasa Petugas ini di mana pembaikan-pembaikan yang dapat kita buat dari segi peranan daripada P.D.C. untuk melaksanakan dasar itu di Pulau Pinang, maka kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, mengenai masalaah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini saya akui bahawa banyak masalaah telah timbul dan banyak perkara yang kita fikir dapat kita atasi jika sekiranya panduan-panduan yang lebih teliti dan lebih sempurna dapat dilakukan. Maka untuk itu satu seminar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan diadakan pada pertengahan bulan Januari tahun hadapan untuk membincangkan peranan Perbadanan-perbadanan ini dalam kontek pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Seminar ini akan meneliti secara kritikal segala kejayaan dan kegagalan perlaksanaan usaha-usaha Perbadanan-perbadanan ini serta prestasi dan kesalahan-kesalahan mereka. Dengan ini adalah diharapkan bahawa seminar ini akan dapat menentukan satu garis panduan dan strategi pembangunan yang dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di masa-masa hadapan sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara-perkara lain yang sudah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya ambil perhatian dan saya harap pandangan-pandangan yang baik itu akan kita ambil tindakan di dalam kita hendak menentukan penyelarasan yang sempurna terhadap perjalanan Badan-badan Awam yang ada ini dapat kita capai dengan sepenuhnya.

Masalaah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$73,226,800 untuk Kepala B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$54,905,030

untuk Kepala P. 31 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara 1976.

Kepala B. 32 (Jadual)—

Kepala P. 32 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

7.58 mlm.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengemukakan Anggaran Belanjawan Kementerian saya bagi tahun 1976 sejumlah \$461,648,120. Dari jumlah ini \$368,832,000 adalah bagi belanja Mengurus di bawah Kepala Bekalan B. 32 dan bakinya \$92,816,120 adalah bagi Belanja Pembangunan di bawah Kepala Bekalan P. 32 sejumlah \$302,335,000 bagi Belanja Mengurus adalah untuk Semenanjung Malaysia. \$31,590,000 bagi negeri Sarawak dan \$34,988,000 bagi negeri Sabah. Jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1975 anggaran tahun 1976 menunjukkan penambahan sejumlah \$56,636,870 iaitu kira-kira 14%. Penambahan bagi belanja Mengurus ialah \$34,832,000 iaitu lebih kurang 10.4% dan Belanja Pembangunan sejumlah \$21,804,870 iaitu kira-kira 30.7%. Penambahan Perbelanjaan yang sederhana ini adalah mustahak untuk membolehkan Kementerian saya terus maju dalam memberi perkhidmatan perubatan mengenai kesihatan dengan memberi perhatian khas supaya tercapainya pembahagian yang adil perkhidmatan ini di antara kawasan bandar dan di luar bandar dan juga di kalangan negeri-negeri di seluruh negara.

Tuan Pengerusi: Saya ingat Yang Berhormat boleh sambung besok.

Tan Sri Lee Siok Yew: Baik, terima kasih.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dengan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.